



**PENYATA RASMI PARLIMEN
DEWAN RAKYAT
PARLIMEN KEEMPAT BELAS
PENGAL KETIGA
MESYUARAT KETIGA**

Bil. 45

Selasa

1 Disember 2020

K A N D U N G A N

JAWAPAN-JAWAPAN MENTERI BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN	(Halaman	1)
JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN	(Halaman	5)
RANG UNDANG-UNDANG:		
Rang Undang-undang Perbekalan 2021		
<u>Jawatankuasa:-</u>		
<u>Jadual:-</u>		
Kepala B.13	(Halaman	23)
Kepala B.14	(Halaman	63)
Kepala B.20	(Halaman	91)
USUL-USUL:		
Waktu Mesyuarat dan Urusan Dibebaskan Daripada Peraturan Mesyuarat	(Halaman	89)
Usul Anggaran Pembangunan 2021		
<u>Jawatankuasa:-</u>		
Kepala P.13	(Halaman	23)
Kepala P.14	(Halaman	63)
Kepala P.20	(Halaman	91)

**MALAYSIA
DEWAN RAKYAT
PARLIMEN KEEMPAT BELAS
PENGKAL KETIGA
MESYUARAT KETIGA**

Selasa, 1 Disember 2020

Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi

DOA

*[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]*

JAWAPAN-JAWAPAN MENTERI BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, setiap pertanyaan oleh Yang Berhormat akan diperuntukkan masa satu minit dan jawapan oleh Yang Berhormat Menteri diperuntukkan selama dua minit dengan tiada sebarang pertanyaan tambahan. Saya persilakan Yang Berhormat Tuan Ahmad Fahmi bin Mohamed Fadzil.

1. Tuan Ahmad Fahmi bin Mohamed Fadzil [Lembah Pantai] minta Perdana Menteri menyatakan sama ada kerajaan berniat membenarkan laporan tahunan Suruhanjaya Hak Asasi Manusia (SUHAKAM) dibahaskan oleh Dewan yang mulia ini, seperti yang dilakukan tahun lalu.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Parlimen dan Undang-undang) [Dato' Takiyuddin bin Hassan]: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih kepada sahabat saya Yang Berhormat Lembah Pantai yang mengemukakan soalan mengenai Laporan Tahunan Suruhanjaya Hak Asasi Manusia (SUHAKAM) bagi tahun 2019.

Terlebih dahulu saya ingin memetik seksyen 21, Akta Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia 1999 [Akta 597] yang berbunyi... "*21(1) Suruhanjaya hendaklah tidak terkemudian daripada Mesyuarat Pertama Parlimen bagi tahun yang berikutnya, mengemukakan suatu laporan tahunan kepada Parlimen mengenai segala aktivitinya di sepanjang tahun yang dimaksudkan oleh laporan itu*".

Berdasarkan kepada seksyen 21 yang telah saya bacakan tadi, sebagaimana kertas-kertas statut yang lain, maka Kertas Statut SUHAKAM yang dinamakan sebagai Kertas Statut No. 88 Tahun 2020 telah pun dikemukakan dan diletakkan di atas meja Ahli-ahli Parlimen sebagai risalat yang dibawa ke dalam Majlis dan berdasarkan kepada peruntukan tersebut juga, ia tidak wajib dibahaskan.

Namun demikian, kerajaan menyatakan bahawa sekiranya ada Ahli-ahli Parlimen yang berminat untuk membahaskan perkara ini secara tidak langsung, mereka bolehlah memetik kandungan-kandungan yang ada dalam laporan ini untuk menjadi bahan-bahan perbahasan yang sesuai dalam masa-masa yang sesuai.

Buat masa ini untuk makluman rakan saya, kerajaan belum bercadang untuk membuka atau membawa satu usul untuk membahaskan laporan ini memandangkan urusan-urusan kerajaan perlu didahulukan sebagaimana *standing order* dan kita tidak mempunyai masa yang mencukupi. Terima kasih.

2. Tuan Shaharizukirnain bin Abd Kadir [Setiu] minta Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat menyatakan usaha kementerian dalam menangani krisis jiwa dan mental yang kian meningkat dalam kalangan masyarakat yang tertekan kerana kehilangan pendapatan, berjauhan daripada keluarga dan kegelisahan kesan wabak COVID-19.

Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat [Datuk Seri Rina binti Mohd Harun]: *Bismillahi Rahmani Rahim*. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat memandang serius terhadap krisis jiwa dan mental yang kian meningkat dalam kalangan masyarakat. Pada masa yang sama, kajian tinjauan oleh kementerian mendapati sokongan sosial adalah antara mekanisme untuk mengurangkan kadar tekanan yang dihadapi oleh mereka yang terkesan secara langsung oleh ancaman pandemik COVID-19.

Dalam menangani krisis jiwa dan mental kerana kehilangan pendapatan, berjauhan daripada keluarga dan kegelisahan akibat wabak, kementerian telah menyediakan beberapa inisiatif seperti berikut.

Pertama ialah khidmat aduan atas talian dengan menghubungi Talian Kasih 15999 atau aplikasi *WhatsApp* di nombor 019-261599. Perkhidmatan ini beroperasi 24 jam sehari di mana talian ini berfungsi sebagai *single point of contact* kepada semua masyarakat untuk mengemukakan sebarang pertanyaan, aduan, mahupun permohonan. Skop perkhidmatan Talian Kasih merangkumi:

- (i) aspek berkaitan penderaan;
- (ii) kaunseling;
- (iii) gelandangan;
- (iv) perlindungan;
- (v) kebajikan;
- (vi) talian kanak-kanak;
- (vii) perkhidmatan kesihatan reproduktif;
- (viii) masalah sosial remaja; dan

(ix) perkara yang melibatkan kumpulan sasar kementerian.

Kedua, kita menyediakan sokongan psikologi tele-kaunseling bagi memberi perkhidmatan kaunseling dan psikologi kepada mereka yang terkesan akibat daripada penularan wabak COVID-19 serta PKP. Talian khas kaunseling atau perkhidmatan tele-kaunseling ini melibatkan seramai 528 orang kaunselor di bawah Lembaga Kaunselor Malaysia dan JKM di seluruh negara. Terdapat juga kaunselor-kaunselor yang ditempatkan di kawasan-kawasan PKPD.

Ketiga, sokongan ekonomi juga berbentuk bantuan bakul makanan yang telah diagihkan kepada seramai 820,723 orang ketua isi rumah di seluruh negara sehingga Oktober 2020.

Seterusnya, kita juga telah mempercepatkan bayaran bulanan Bantuan Kewangan Persekutuan oleh JKM yang berjumlah RM1.5 bilion untuk menampung keperluan seramai 498,935 orang penerima bantuan.

Selain itu, sokongan sosial berbentuk Program Khidmat Bantu di Rumah atau *Home Help Services* yang bercorak *reaching out* kepada warga emas sepanjang tempoh penularan COVID-19 ini juga telah diadakan.

Pelaksanaan program berbentuk advokasi seperti panduan menangani tekanan perasaan, aktiviti kekeluargaan secara maya dan panduan penjagaan kesihatan melalui pelbagai medium seperti media sosial, media elektronik dan media cetak dalam menangani isu tekanan mental.

■1010

Sekali lagi saya ingin menegaskan bahawa kementerian ini bersama-sama dengan agensi kerajaan lain sentiasa komited untuk menyediakan perkhidmatan sokongan bagi memastikan kesejahteraan masyarakat Malaysia demi kemakmuran bersama. Terima kasih.

3. Tuan Che Alias bin Hamid [Kemaman] minta Perdana Menteri menyatakan tahap kesiapsiagaan Agensi Pengurusan Bencana Negara (NADMA) dalam menghadapi bencana banjir pada musim tengkujuh kali ini serta pematuhan SOP COVID-19 agar wabak tersebut tidak menular di pusat pemindahan sementara.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Tugas-tugas Khas) [Datuk Seri Mohd Redzuan bin Md Yusof]: Terima kasih, Yang Berhormat Kemaman.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan sentiasa bersiapsiaga bagi menghadapi ketibaan Monsun Timur Laut. Saya sendiri telah mempengerusikan baru-baru ini Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Bencana Bil. 1 Tahun 2020 dan pada 28 September 2020 yang dihadiri oleh wakil-wakil kerajaan negeri serta agensi-agensi kerajaan yang lain. Mesyuarat ini antara lain bertujuan untuk menyelaraskan persediaan serta koordinasi di antara Kerajaan Pusat dan kerajaan negeri bagi menghadapi musim banjir.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, antara persediaan yang telah dibuat oleh kerajaan:

- (i) kerajaan telah meluluskan bantuan awal kewangan dengan pengagihan seperti berikut:
 - RM50,000 – Jawatankuasa Pengurusan Bencana Negeri
 - RM20,000 – Jawatankuasa Pengurusan Bencana Daerah
 - RM280,000 – Angkatan Pertahanan Awam
- (ii) 15,000 kubikel telah dihantar untuk kegunaan mangsa-mangsa banjir di Pusat Pemindahan Sementara, sementara 26,000 unit lagi akan dihantar kemudian secara berperingkat-peringkat;
- (iii) NADMA dengan kerjasama Lembaga Perusahaan Pertanian telah menghantar 7,000 lebih unit kit makanan ke seluruh negara dan selebihnya akan dihantar secara berperingkat-peringkat dan kita telah pun memulakan perolehan untuk 25,000 lagi kit makanan;
- (iv) NADMA dengan kerjasama dengan Kementerian Pembangunan Luar Bandar dan Pertubuhan Bukan Kerajaan telah menganjurkan program-program *Community-Based Disaster Risk Management* yang melibatkan 14,264 orang peserta melalui pelbagai saluran bersemuka dan secara dalam talian;
- (v) NADMA telah mengedarkan Garis Panduan Pengurusan Bencana semasa pandemik COVID-19 pada 6 November 2020 kepada semua Jawatankuasa Pengurusan Bencana Negeri. Antara kandungannya adalah pelaksanaan sebelum, semasa dan selepas operasi penetapan dan pengendalian PPS, Panduan Disinfeksi dan Pembersihan Permukaan, Pakaian dan Peralatan, maklumat am COVID-19, langkah-langkah – COVID-19 dan *contact tracing*;
- (vi) dalam memastikan penularan wabak terus dapat dikekang semasa Monsun Timur Laut (MTL) 2020/2021 pihak NADMA sedang menyelaraskan perolehan peralatan perlindungan diri (PPE) untuk kegunaan petugas-petugas barisan hadapan dan mengikut SOP yang telah ditetapkan; dan
- (vii) melalui saranan NADMA syarikat-syarikat telekomunikasi telah membangunkan Sistem Hebahan Amaran Awal Bencana kepada rakyat secara tanggungjawab sosial korporat dengan

penyebaran sistem khidmat pesanan ringkas (SMS). Antara lain dalam pesanan itu memberikan amaran awal dan dilaksanakan sewaktu musim Monsun Timur Laut. Sebaran amaran awal hanya kepada penduduk di lokasi yang diramal berlaku banjir berdasarkan ramalan daripada Jabatan Metrologi Malaysia (MET).

Tuan Yang di-Pertua, untuk mempamerkan kesiapsiagaan dan mengukur tahap keupayaan kita, kerajaan telah menyediakan sebanyak 5,422 buah PPS yang bersedia untuk menampung sekurang-kurangnya 200 orang mangsa banjir setiap satu PPS. Ini bermakna jumlah keseluruhan kapasiti PPS kita pada hari ini boleh menampung kapasiti sehingga 1.55 juta orang mangsa. Sebagai tambahan petugas-petugas di PPS juga telah bersedia dengan SOP-SOP yang kita tetapkan bagi menangani penularan wabak COVID-19 di kalangan mangsa banjir di PPS.

Pihak NADMA akan terus bekerjasama rapat dengan setiap Jawatankuasa Pengurusan Bencana Negeri, APM dan lain-lain agensi berkaitan melalui sesi-sesi libat urus, simulasi bencana, pembinaan kapasiti komuniti dan perbincangan untuk meningkatkan ketahanan semua pihak terhadap bencana. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih, Yang Berhormat Menteri. Sekarang tamatlah sesi untuk waktu pertanyaan-pertanyaan Menteri pada hari ini. Terima kasih semua.

[Sesi Pertanyaan-pertanyaan Menteri tamat]

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

1. **Dato' Seri Mahdzir bin Khalid [Padang Terap]** minta Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi menyatakan apakah peranan kementerian dalam membantu Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (FELDA) bagi memastikan inisiatif Pertanian Pintar di agensi tersebut dapat dilaksanakan.

Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi [Tuan Haji Ahmad Amzad bin Mohamed @ Hashim]: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, Tuan Yang di-Pertua.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi melalui agensi-agensinya telah membiayai pembangunan pelbagai teknologi untuk aplikasi sektor-sektor yang berbeza. Di antaranya termasuklah penggunaan teknologi robotik, automasi, *big data* dan kecerdasan buatan di bidang pertanian.

Untuk memastikan inisiatif pertanian pintar dapat dilaksanakan di Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (FELDA), satu lokasi tanah rancangan FELDA telah dikenal pasti sebagai *Sandbox* bagi melaksanakan ujian lapangan untuk menilai daya maju teknikal serta kepatuhan piawaian dan peraturan sedia ada iaitulah di FELDA Mempaga.

Melalui inisiatif *National Technology Innovation Sandbox* (NTIS) terdapat beberapa aplikasi dan teknologi yang ditawarkan oleh *startups* dan penyelidik yang mana ia disasarkan untuk meningkatkan produktiviti aktiviti peneroka FELDA dan sekali gus meningkatkan pendapatan dan peneroka. Sebanyak lima *startups* yang telah dikenal pasti membawa pelbagai aplikasi dan teknologi bagi meningkatkan produktiviti dan pendapatan peneroka FELDA.

Antara kategori aplikasi teknologi adalah seperti dron, robotik, mesin kecerdasan buatan, teknologi rawatan air, teknologi IOT untuk pertanian. Kesemua *startups* ini telah dicadangkan kepada pengurusan FELDA untuk dipilih berdasarkan kepada kesesuaian dan kesiediaan infrastruktur FELDA.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, teknologi-teknologi yang berikut telah dicadangkan untuk program NTIS di FELDA Mempaga:

- (i) sistem robotik di tapak semaian sawit;
- (ii) sistem robotik di ladang sawit;
- (iii) robot penyemburan racun dan baja di ladang fertigasi; dan
- (iv) penggunaan dron dan analisis *big data* untuk pengoptimuman ladang sawit.

Pihak FELDA sedang meneliti kesesuaian teknologi cadangan untuk ujian lapangan di FELDA Mempaga sebelum penggunaan secara besar-besaran sekiranya berkesan di tanah rancangan yang lain. Sekian, terima kasih.

Dato' Seri Mahdzir bin Khalid [Padang Terap]: Tuan Yang di-Pertua, saya kira bahawa para penyelidik saintis termasuk juga yang berada di *Rubber Research Institute* (RRI)...

[Amaran kebakaran berbunyi]

Dato' Seri Mahdzir bin Khalid [Padang Terap]: Soalan panas. Kita kena keluarlah.

Tuan Yang di-Pertua: Saya tempohkan persidangan.

[Mesyuarat ditempohkan pada pukul 10.18 pagi]

■1030

[Mesyuarat bersambung semula pada pukul 10.34 pagi]

[Tuan Yang di-Pertua mempengerusikan Mesyuarat]

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih kepada Yang Berhormat semua kerana memberi kerjasama. Terdapat sedikit masalah teknikal saya rasa tadi. Punca perkara tersebut sedang disiasat sekarang. Dengan tidak melengahkan masa, saya ingin menjemput sekali lagi Yang Berhormat Dato' Seri Mahdzir bin Khalid.

Dato' Seri Mahdzir bin Khalid [Padang Terap]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak sambung soalan tambahan saya tadi yang telah terhenti.

Jadi, para penyelidik dan juga saintis di universiti dan juga di *Rubber Research Institute*, saya kira mempunyai banyak penyelidikan yang telah disiapkan untuk membantu pekebun-pekebun sawit dan juga getah. Saya ingat sudah sampai masanya untuk MOSTI melihat hasil kajian ini.

Soalan saya, Yang Berhormat Timbalan Menteri ada sebut tadi mengenai dengan usaha-usaha di FELDA Mempaga dan telah diumumkan sebanyak lima buah syarikat dipilih untuk membuat ujian robot bagi projek ini. Jadi, apakah kriteria yang telah dipilih dan bilakah agaknya jangkaan projek rintis ini boleh dilaksanakan di FELDA dan diperluaskan ke gugusan FELDA yang lain.

Tuan Haji Ahmad Amzad bin Mohamed @ Hashim: Terima kasih Yang Berhormat. Tuan Yang di-Pertua, bagi kerjasama antara NTIS dan MaGIC bagi projek rintis NTIS di FELDA Mempaga ini, ia mempunyai dua tujuan. Pertama, untuk meningkatkan produktiviti aktiviti peneroka FELDA dan sekali gus meningkatkan pendapatan peneroka.

Kedua, bagi melaksanakan ujian lapangan untuk menilai daya maju teknikal serta kepatuhan piawaian, peraturan sedia ada dan menyediakan produk bagi tujuan pengkomersialan. Sebanyak lima buah syarikat telah dipilih untuk menjalani ujian *drone* dan robotik bagi kerjasama NTIS–FELDA ini. Antara kriteria pemilihan adalah seperti berikut:

- (i) Kesesuaian produk dan keserasian penyelesaian (*solution*) berdasarkan kepada pernyataan masalah yang telah dikongsi oleh FELDA;
- (ii) Tahap kecanggihan inovasi teknologi berkaitan pertanian inovasi;
- (iii) Sah, yakni teknologi itu – syarikat yang berkenaan adalah pemegang sebenar bagi teknologi harta intelek yang dicadangkan; dan
- (iv) Latar belakang rekod prestasi dan kewibawaan *start-up* yang berkenaan.

Untuk memenuhi syarat kelayakan NTIS ini, ia mestilah warganegara Malaysia atau sekurang-kurangnya syarikat yang berdaftar di Malaysia yang mana sekurang-kurangnya 51 peratus adalah hak milik warga Malaysia dan berpangkalan di Malaysia. Kedua, pemohon utama mestilah warganegara Malaysia yang berumur 18 tahun dan ke atas dan menetap di Malaysia sepanjang program ini. Terima kasih.

2. Tuan Steven Choong Shiau Yoon [Tebrau] minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan sebab mengapa sebanyak 55 bangunan kerajaan yang masih tidak lagi mempunyai Sijil Perakuan Bomba (FC) di negeri Johor mengikut statistik yang dikeluarkan baru-baru ini.

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Abd Muttalib] *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Salam sejahtera. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Tebrau. Ini lah Tuan Yang di-Pertua, pentingnya kita perlu mengadakan lesen ataupun Sijil Perakuan Bomba seperti mana insiden ini berlaku pada pagi ini. *Alhamdulillah*, Parlimen sebagai bangunan kerajaan, kita mempunyai sijil ini.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat merujuk kepada statistik Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM), sehingga bulan Julai 2020 terdapat sejumlah 55 premis kerajaan di negeri Johor yang masih tidak mempunyai Sijil Perakuan Bomba (FC). Walau bagaimanapun, mengikut maklumat terkini sehingga bulan Oktober 2020, sebanyak 46 buah premis sahaja masih tidak mempunyai FC dan sedang dalam proses membuat penyelenggaraan serta pembaikan kepada keperluan keselamatan kebakaran mengikut tempoh masa yang telah ditetapkan oleh Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia.

Berdasarkan pemeriksaan oleh Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, notis keperluan keselamatan kebakaran telah diberikan kepada semua pemilik premis dan keperluan keselamatan kebakaran ini adalah berbeza bagi setiap premis. Secara umumnya, antara keperluan keselamatan kebakaran yang gagal dipatuhi adalah seperti berikut:

- (i) sistem salur bantu mula (*host reel system*) dengan izin, tidak berfungsi dengan baik;
- (ii) sistem pengesan asap (*smoke detector*) dengan izin, tidak berfungsi dengan baik;
- (iii) sistem penyembur air automatik (*sprinkler system*) juga tidak dipasang secara menyeluruh;

- (iv) sistem penggera kebakaran (*break glass system*) yang biasa kita lihat di bangunan-bangunan, rosak dan tidak berfungsi dan tidak dibaiki;
- (v) lampu tanda keluar tidak mencukupi; dan
- (vi) lampu kecemasan tidak mencukupi serta tidak berfungsi dengan baik.

■1040

Jabatan Bomba Penyelamat Malaysia akan terus memantau dan membuat sesi libat urus bersama dengan pihak pengurusan premis kerajaan yang terlibat bagi memastikan keperluan keselamatan kebakaran di premis kerajaan sentiasa berada dalam keadaan baik dan boleh digunakan pada bila-bila masa.

Untuk makluman Yang Berhormat dan Yang Berhormat Tebrau juga, pasukan keselamatan kebakaran telah ditubuhkan di premis-premis kerajaan. Mereka ini menjadi penghubung antara Jabatan Bomba dan premis-premis yang bertujuan bagi memberi pengetahuan mengenai bahaya kebakaran dan cara-cara pemadaman kebakaran pada peringkat awal sekiranya berlaku kebakaran di mana-mana premis.

Sebab itulah Tuan Yang di-Pertua, kebenaran atau Sijil Perakuan Bomba (FC) amat diperlukan oleh bangunan-bangunan kerajaan ataupun swasta yang mengikut peraturan-peraturan yang telah diperintahkan oleh kerajaan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Silakan Yang Berhormat Tebrau.

Tuan Steven Choong Shiau Yoon [Tebrau]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin bertanyalah tadi apa Yang Berhormat Timbalan Menteri sudah jawab, dia mengesahkan apa bangunan-bangunan di Parlimen ada sijil FC. Saya harap ini adalah betul. Ini kerana saya mendapati keadaan di kawasan saya pun ada banyak bangunan yang tidak mematuhi syarat-syarat FC ya. Punca masalah kebanyakan adalah sebab peruntukan untuk membina bangunan datang daripada Jabatan Perdana Menteri ataupun kementerian terus. Kontraktor dilantik secara rundingan terus dan tiada kebenaran merancang (KM) daripada pihak berkuasa tempatan.

Jadi, akhirnya banyak agensi yang akan menyokong bangunan selamat atau tidak dengan memberi sokongan untuk dapatkan CCC. Jadi persoalan saya adalah, adakah projek seperti ini tanpa kebenaran merancang daripada pihak berkuasa tempatan (PBT) akan dihentikan supaya semua bangunan kerajaan dapat disahkan selamat untuk diguna dan mematuhi semua syarat agensi-agensi kerajaan. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat, silakan Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Abd Muttalib: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Tebrau. Bagi kita bawah agensi Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan dan juga Jabatan Bomba, kita tidak memberikan tolak ansur dalam perkara ini. Walau apa cara pun pembangunan itu dibina sama ada secara selektif tender atau *direct nego* atau *whatever* sistem yang digunakan, namun teknikal aspek yang perlu diperhatikan yang melibatkan beberapa agensi teknikal dalam penyediaan bangunan-bangunan tidak boleh ditolak ansur.

Sebab itulah Tuan Yang di-Pertua, kita masih ada lagi beberapa bangunan kerajaan yang dalam proses mendapatkan sijil kebombaannya ini di Johor dan seluruh negara. Namun kita sentiasa berdampingan dengan mereka dan suka saya maklumkan, tidak begitu mudah untuk kita membina tanpa kebenaran jabatan-jabatan teknikal, antaranya bomba, polis, JKR, kesihatan dan sebagainya.

Andai kata di bawah seksyen 33 ini, katalah suatu premis melanggar peraturan ini, maka jika tidak perakuan bomba berkuat kuasa berkenaan dengan mana-mana premis ditetapkan, maka pemunya premis tidak kira siapa tersebut melakukan suatu kesalahan dan boleh apabila disabitkan, didenda tidak melebihi RM50,000 atau dipenjara selama tempoh tidak melebihi lima tahun atau kedua-duanya sekali.

Jadi, kita tidak ada tolak ansur Yang Berhormat tidak ada. Terima kasih banyak.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih. Seterusnya saya mempersilakan Yang Berhormat Dato' Sri Bung Moktar bin Radin.

3. Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan] minta Menteri Pendidikan menyatakan apakah usaha kementerian dalam memastikan kualiti pembelajaran murid-murid sekolah dapat dikekalkan dan tidak terjejas berikutan penutupan sekolah. Apakah alternatif lain selain dari pembelajaran secara '*on-line*' memandangkan terdapatnya kekangan kepada keluarga yang tidak berkemampuan untuk mengikuti pembelajaran secara '*on-line*' ataupun keluarga yang tinggal di kawasan yang tidak mempunyai rangkaian internet yang stabil.

Timbalan Menteri Pendidikan I [Dato' Dr. Mah Hang Soon]: Tuan Yang di-Pertua, dalam usaha untuk memastikan murid mendapat pengetahuan, kemahiran dan nilai yang diperlukan untuk kelangsungan pembelajaran semasa penularan pandemik COVID-19, KPM telah melaksanakan penjajaran kurikulum untuk semua mata pelajaran berdasarkan kurikulum sedia ada kecuali untuk murid Tingkatan Lima.

Penjajaran ini melibatkan penyusunan semula kandungan pedagogi dan pentaksiran berdasarkan hasil pembelajaran yang dihasratkan. Melalui penjajaran kurikulum ini, guru boleh merancang pengajaran dan pembelajaran dengan melaksanakan kaedah pembelajaran teradun ataupun *blended learning*. Pembelajaran

teradun melibatkan gabungan teknik pengajaran bersemuka di dalam bilik darjah ataupun pembelajaran di rumah yang dirancang secara berstruktur.

KPM turut memberi bimbingan pelaksanaan kurikulum yang telah diujarkan dalam tempoh persekolahan yang berbaki bagi tahun 2020 termasuk kunjung bantu dan penerangan secara dalam talian. KPM juga telah menyediakan manual Pengajaran dan Pembelajaran Di Rumah (PdPR) sebagai panduan kepada guru dalam melaksanakan PdPR secara berstruktur dan terancang supaya murid dapat mengikuti pembelajaran di rumah secara optimum. Manual PdPR ini meliputi pendekatan secara dalam talian atau *online*, luar talian (*offline*) dan *off-site* sama ada menggunakan modul pembelajaran atau pembelajaran berasaskan projek.

Tuan Yang di-Pertua, KPM juga sentiasa berusaha untuk memastikan semua murid mendapat akses pembelajaran. Bagi membantu murid yang tidak mempunyai akses internet atau peranti yang sesuai, guru mengambil inisiatif melaksanakan PdP melalui serahan bahan pembelajaran kepada murid mengikut kesesuaian. Murid juga boleh menggunakan buku teks cetak sebagai bahan rujukan, penyediaan nota, membuat rumusan atau melukis sesuatu konsep. Manakala buku aktiviti pula boleh digunakan untuk membuat latihan ulang kaji. Guru mentaksir murid secara berterusan mengikut kesesuaian dan melaksanakan intervensi mengikut tahap dan keupayaan murid.

Selain daripada itu, PdP turut dilaksanakan melalui siaran TV Pendidikan. KPM telah memperkenalkan semula TV Pendidikan secara *terrestrial* bermula pada 6 April 2020. Inisiatif ini adalah untuk membantu murid yang tidak mendapat akses kepada internet atau tidak mempunyai peranti untuk mengikuti pembelajaran di rumah. Bermula dengan siaran selama dua jam di TV Okey RTM, siaran ditambah di Tutor TV Astro selama empat jam.

Terkini KPM telah memulakan siaran TV Pendidikan selama tiga jam di saluran NTV7 pada 23 November 2020. Ini menjadikan keseluruhan siaran TV Pendidikan berjumlah sembilan jam sehari. Tuan Yang di-Pertua, pada masa ini KPM sedang merangka strategi pelaksanaan yang komprehensif dalam memperkasa pendidikan digital negara. Antara tumpuan utama ialah meningkatkan akses internet dan pemilikan peranti oleh murid sekolah di seluruh negara. Perkara ini adalah antara butiran yang dinyatakan dalam Belanjawan 2021 yang telah dibentangkan pada 6 November 2020. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Silakan Yang Berhormat Dato' Sri Bung Moktar.

Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Ya Tuan Yang di-Pertua, saya tidak menafikan bahawa kementerian telah melaksanakan beberapa pendekatan

untuk memastikan bahawa semua pelajar, semua murid mendapat limpahan ataupun akses dalam menangani isu pembelajaran mereka khususnya di luar bandar. Walau bagaimanapun, realiti dia, ramai pelajar di luar bandar begitu tercicir dalam mengikuti pembelajaran di sekolah-sekolah.

Sebab hakikatnya bahawa negara– dunia sudah berubah. Justeru itu, Kementerian Pelajaran juga harus mencari satu mekanisme yang paling sesuai untuk mengatasi masalah ini bagi memastikan pelajar-pelajar di luar bandar juga boleh mendapat pendidikan pada masa-masa akan datang. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih. Silakan Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Dato' Dr. Mah Hang Soon: Terima kasih Yang Berhormat Kinabatangan yang begitu prihatin tentang perkara ini. Sebenarnya banyak inisiatif dan berkat kerjasama daripada kementerian yang lain, inisiatif akan diambil, sedang diambil oleh KPM ke arah sepertimana yang telah disebut oleh Yang Berhormat Kinabatangan. Jadi di antaranya ialah Jaringan Digital Negara di mana kita akan ianya melibatkan pembangunan infrastruktur, penaiktarafan rangkaian telekomunikasi yang akan memberi manfaat yang besar kepada semua sekolah dan untuk inisiatif tersebut, sebanyak 430 buah sekolah di seluruh negara yang akan terlibat dalam inisiatif ini.

■1050

Selain daripada itu, usaha yang lain termasuklah usaha untuk membekalkan VSAT (*very-small-aperture terminal*) berkelajuan 30 mbps bagi sebanyak 141 sekolah KPM yang masih tiada infrastruktur jalur lebar di kawasan sekolah berkenaan yang mana dijangka siap pada Februari 2021.

Usaha-usaha lain termasuklah *local area network* dan juga usaha untuk membekalkan pemilikan peranti itu akan saya salurkan secara bertulis untuk tatapan Yang Berhormat Kinabatangan. Terima kasih.

3. Tuan Pang Hok Liong [Labis] minta Menteri Kewangan menyatakan kerajaan telah menggunakan simpanan negara untuk membiayai pakej rangsangan ekonomi susulan pandemik COVID-19:

- (a) jumlah rizab negara setakat bulan September 2020; dan
- (b) jumlah rizab antarabangsa Bank Negara setakat bulan September 2020.

Timbalan Menteri Kewangan I [Datuk Abd Rahim bin Bakri]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Untuk makluman Yang Berhormat, *reserve* negara adalah merujuk istilah sama dengan *reserve* antarabangsa Bank Negara. *Reserve* negara terdiri daripada:

- (i) rizab mata wang asing, kedudukan rizab IMF;

- (ii) hak-hak pengeluaran asas atau SDR;
- (iii) emas; dan
- (iv) lain-lain aset rizab.

Aset-aset bank pusat dalam bentuk mata wang asing ini adalah dipegang dalam pelbagai mata wang terutama US Dollar, Euro, Pound dan Yen dan beberapa mata wang asing yang lain. Ia diguna untuk menjamin liabiliti iaitu pengeluaran mata wang tempatan dan deposit rizab bank-bank lain dengan bank pusat oleh kerajaan atau institusi kewangan asing.

Setakat 30 September 2020, nilai rizab antarabangsa Malaysia adalah berjumlah sebanyak RM436.5 bilion atau USD105 bilion mencukupi untuk membiayai 8.4 bulan import tertanggung dan sebanyak 1.1 kali jumlah hutang luar negeri jangka pendek. Rizab negara telah menunjukkan peningkatan sebanyak USD1.4 bilion berbanding akhir tahun 2019 dengan sebanyak USD103.6 bilion.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini juga, rizab antarabangsa adalah digunakan bagi maksud-maksud tertentu dan bukan untuk membiayai bajet atau membiayai Pakej Rangsangan Ekonomi susulan pandemik COVID-19. Pakej rangsangan ekonomi adalah dibiayai terutamanya melalui pinjaman domestik daripada pasaran kewangan tempatan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Pang Hok Liong [Labis]: Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri atas jawapannya. Memandangkan satu jumlah besar telah digunakan untuk Pakej Rangsangan Ekonomi COVID-19 dan juga sejumlah besar iaitu RM307 bilion diperuntukkan untuk perbelanjaan tahun depan. Jadi soalan saya, apakah langkah-langkah yang digunakan oleh kerajaan supaya jumlah rizab tersebut akan dikekalkan atau tidak dikurangkan. Terima kasih.

Datuk Abd Rahim bin Bakri: Terima kasih Yang Berhormat. Seperti mana yang saya telah jelaskan tadi bahawa rizab luar negara ini adalah rizab negara ini adalah tidak digunakan bagi maksud untuk membiayai perbelanjaan negara. Ia adalah bagi maksud-maksud yang lain sepertimana yang saya telah jelaskan tadi.

Apa yang penting di sini apabila kita berhadapan dengan pandemik ini, kita mengambil langkah-langkah tertentu untuk memastikan ada penjanaan ekonomi supaya apabila ekonomi dapat dijana, maka kerajaan dapat mengutip hasil yang lebih banyak. Pada ketika ini, kita menggunakan kaedah pinjaman untuk membiayai segala perbelanjaan kerajaan khususnya yang berkait dengan penjanaan ekonomi. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

5. Tuan Haji Yamani Hafez bin Musa [Sipitang] minta Menteri Pembangunan Luar Bandar menyatakan jumlah peruntukan bagi menyediakan kemudahan bekalan air dan elektrik luar bandar di Sabah pada tahun ini. Apakah kesemuanya sudah dibelanjakan serta berapa ramai rakyat mendapat manfaatnya?

Menteri Pembangunan Luar Bandar [Datuk Dr. Haji Abd. Latiff bin Ahmad]: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih soalan daripada Yang Berhormat Sipitang. Untuk tahun 2020 ini, bekalan elektrik luar bandar (BELB) negeri Sabah, sebanyak RM216.7 juta diperuntukkan untuk sebanyak 15 projek. Namun, sejumlah RM88.8 juta telah pun dibelanjakan sehingga Oktober 2020 iaitu lebih kurang sebanyak 40 peratus.

Bagi bekalan air luar bandar (BALB), peruntukan tahun ini sebanyak RM235 juta melibatkan sebanyak 63 buah projek. Sementara wang yang dibelanjakan berjumlah sebanyak RM71.8 juta. Ini jauh tidak dapat mencapai sasaran. Terima kasih.

Tuan Haji Yamani Hafez bin Musa [Sipitang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih juga kepada Yang Berhormat Menteri atas penjelasan yang diberikan. Ternyata sekali sememangnya Kerajaan Persekutuan ada tanggungjawab untuk menitik berat pembangunan daripada segala aspek khususnya dalam konteks negeri Sabah yang masih lagi mendahagakan kemajuan untuk bergerak seiring dengan rakan-rakan kita di Semenanjung.

Jadi, soalan tambahan saya ialah apakah jaminan kerajaan bagi memastikan pembangunan infrastruktur luar bandar negeri Sabah tidak ketinggalan dan rakyat negeri Sabah mendapat manfaat khusus dari segi bekalan air bersih dan bekalan elektrik. Terima kasih.

Datuk Dr. Haji Abd. Latiff bin Ahmad: Terima kasih soalan tambahan yang menandakan keprihatinan Yang Berhormat Sipitang mengenai pembangunan di seluruh negeri Sabah dan juga mungkin Sarawak yang kita tahu amat luas dan penduduknya semakin bertambah. Jadi, kita menjalankan pembangunan ini berasaskan kepada sesuatu yang sentiasa berubah-ubah. Jadi hendak jamin itu, memang sukar untuk kita jamin.

Walau bagaimanapun, dengan adanya kerajaan negeri yang di bawah pimpinan PN, Kerajaan Persekutuan di bawah PN, saya ingat jaminan ini lebih mudah direalisasi. Malahan dalam bajet, ada peruntukan khusus untuk negeri Sabah dan Sarawak, selain daripada peruntukan di bawah KPLB. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

6. Dr. Lee Boon Chye [Gopeng] minta Menteri Komunikasi Dan Multimedia menyatakan apakah tahap liputan internet di kalangan komuniti Orang Asli dan apakah rancangan untuk menambah baik perkhidmatan tersebut.

Menteri Komunikasi dan Multimedia [Dato' Saifuddin Abdullah]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih atas soalan Yang Berhormat Gopeng.

Kebetulannya perkara yang bakal saya jawab ini telah juga dibangkitkan oleh Yang Berhormat Cameron Highlands kepada saya sebelum daripada ini.

Kementerian telah dan sentiasa memberi tumpuan kepada penambahbaikan infrastruktur komunikasi melalui penyediaan liputan jalur lebar berkelajuan tinggi dengan menggunakan pelbagai teknologi untuk membolehkan rakyat termasuk kawasan-kawasan perkampungan Orang Asli di seluruh negara menikmati akses kepada perkhidmatan jalur lebar yang lebih menyeluruh.

Sehingga Oktober 2020, SKMM telah membangunkan sebanyak 61 menara komunikasi yang memberikan liputan di kawasan perkampungan Orang Asli. Manakala sebanyak lapan menara masih dalam peringkat pelaksanaan dan dijangka siap secara berperingkat bermula pada suku pertama tahun 2021. Daripada sebanyak lapan ini termasuk dua di Cameron Highlands iaitu di Pos Lemoi dan di Pos Kampung Klimau.

Melalui Pelan JENDELA fasa 1, sebanyak 85 menara baharu dengan perkhidmatan 4G akan dibina di sebanyak 136 buah kampung Orang Asli di seluruh negara dan dijangka pelaksanaannya bermula pada suku kedua tahun 2021. Daripada sebanyak 85 ini, sebanyak 11 berada di Cameron Highlands, sebanyak 38 di negeri Pahang dan sebanyak 19 di Perak. Kita akan terus bekerjasama dengan pihak industri dan juga kerajaan negeri dan pihak berkuasa tempatan untuk merancang lagi soal penyediaan ini. Terima kasih.

*[Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Mohd Rashid Hasnon) **mempengerusikan Mesyuarat**]*

Dr. Lee Boon Chye [Gopeng]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih dengan jawapan daripada Yang Berhormat Menteri dan usaha berterusan untuk mempertingkatkan penyampaian internet di komuniti Orang Asli.

■1100

Cuma kalau kita lihat, kita sedang dalam pandemik COVID-19 dan *digital device* ini, masalah ini begitu besar oleh sebab pandemik COVID-19 ini. Jadi, baru sahaja kita dengar ada yang memanjat pokok, memanjat bumbung dan berkhemah di bukit untuk dapat akses internet. Jadi, saya alu-alukan usaha untuk adakan menara di kawasan-kawasan terpencil.

Cuma dari segi pendekatan sama ada kementerian bersedia untuk mengkaji pendekatan dari segi liputan geografi, daripada liputan penduduk. Sebab kalau kira liputan penduduk yang melebihi 95 peratus tetapi ada mereka yang terpencil. Memang mereka tidak akan dapat internet. Jadi, kalau ada pendekatan liputan geografi. Jadi di mana kita pergi, ke mana kita pergi, kita ada internet akses. Jadi, liputan akan meliputi

mereka yang di luar bandar. Jadi, sama ada kementerian bersedia untuk mengkaji pendekatan tersebut. Sekian.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Yang Berhormat Menteri, satu minit.

Dato' Saifuddin Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya faktor-faktor geografi itu sudah diambil kira dalam pelan JENDELA. Beberapa minggu lepas, saya dan Pengerusi SKMM membuat sidang media menyatakan bahawa insiden-insiden seperti contoh yang disebut oleh Yang Berhormat tadi itu, kita terima sebagai maklum balas dan kita tidak akan defensif. Malahan kita juga melihat sekiranya ada satu, dua pendekatan yang lain seperti contohnya eksperimen dengan izin yang kita gunakan dengan melalui syarikat TNB di Jasin dan satu, dua teknologi yang juga perlu kita cari untuk mencari jalan itu.

Cuma, akhirnya Tuan Yang di-Pertua, sebab soalan tadi tentang Orang Asli. Saya hendak sebutkan juga bahawa antara yang kita sedang usahakan ialah melihat sejauh mana penggunaan dan keberkesanan pusat-pusat internet yang ada di kawasan Orang Asli dari 873 pusat internet di bawah SKMM ini tidak termasuk yang lain-lain. Ada 128 yang meliputi 181 komuniti Orang Asli yang sedang kita nilai untuk perbaiki dan sebagainya. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Ahli-ahli Yang Berhormat, jam telah menunjukkan pukul 11 pagi. Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang tamatlah sesi untuk waktu pertanyaan-pertanyaan bagi jawab lisan pada hari ini. Terima kasih Ahli-ahli Yang Berhormat.

[Sesi bagi Pertanyaan-pertanyaan Jawab Lisan tamat]

RANG UNDANG-UNDANG**RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN 2021****DAN****USUL ANGGARAN PEMBANGUNAN 2021****Jawatankuasa**

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula pertimbangan atas "Rang Undang-undang Perbekalan 2021 dan Anggaran Pembangunan 2021 dalam Jawatankuasa sebuah-buah Majlis." *[Hari Kedua]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Ahli-ahli Yang Berhormat, sebelum kita menyambung perbahasan, saya ingin membuat pemakluman daripada Tuan Yang di-Pertua.

Saya ingin memaklumkan bahawa saya telah menerima pemakluman daripada Yang Berhormat Datuk Haji Shabudin Yahaya, Ahli Parlimen Tasek Gelugor semalam berkenaan senarai undi bagi blok C semasa undi belah bahagian bagi kepala B.10, B.11, B.12 Anggaran Perbelanjaan Mengurus 2021 Kementerian Kewangan.

Beliau yang merupakan penghitung bagi blok C memaklumkan bahawa beliau telah tersilap menandakan Yang Berhormat Padang Rengas bersetuju dalam senarai undi, walaupun sebenarnya Yang Berhormat Padang Rengas tidak hadir semasa undian yang kedua semalam. Satu sahaja. Baik.

Tuan Ahmad Fahmi bin Mohamed Fadzil [Lembah Pantai]: Tuan Yang di-Pertua,

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Oleh itu, saya meminta keputusan belah bahagian bagi kepala B.10, B.11 dan B.12 Anggaran Perbelanjaan mengurus 2021 Kementerian Kewangan, daripada 18 yang tidak hadir kepada 19.

Tuan Syed Saddiq bin Syed Abdul Rahman [Muar]: Tuan Yang di-Pertua, penjelasan.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Dan 107 ahli bersetuju kepada kurang satu jadi 106. Manakala 95 ahli kekal tidak bersetuju.

Dengan itu saya memerintahkan setiausaha untuk membetulkan bilangan undi tersebut. Dengan perubahan undi tersebut, ia tidak menjejaskan keputusan belah bahagian tersebut. Akhirnya saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Kangar yang membangkitkan perkara ini kepada saya. Datuk Azhar bin Azizan @ Harun, Tuan Yang di-Pertua Dewan Rakyat. 1 Disember 2020.

Terima kasih Ahli-ahli Yang Berhormat.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Syed Saddiq bin Syed Abdul Rahman [Muar]: Tuan Yang di-Pertua, penjelasan. Minta maaf, ini perkara yang sangat penting. Walaupun ia tidak mengubah keputusan semalam tetapi bagaimana kita hendak pastikan bahawa kesilapan seperti ini tidak akan berulang lagi. Takkan lah di Dewan Rakyat tidak ada sistem semakimbang. Kalau dengan itu, saya pun boleh ambil blok *voting*. Walaupun contoh Tun dan lain kata tidak, saya kata ya sahaja dan hanya selepas hari keesokan baru boleh dibetulkan.

Saya berharap Tuan Yang di-Pertua dan Timbalan Tuan Yang di-Pertua akan mencari jalan supaya ada sistem semakimbang supaya kesilapan seperti ini tidak akan berulang lagi.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Baik, terima kasih Ahli Yang Berhormat Muar.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Tuan Yang di-Pertua.

[Pembesar suara dimatikan]

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Maknanya hasil daripada semakimbang. Cuma lewat. Terima kasih Yang Berhormat Muar. Ahli Yang Berhormat Jelutong, saya hendak teruskan dengan Aturan Mesyuarat pada hari ini.

Tuan Ahmad Fahmi bin Mohamed Fadzil [Lembah Pantai]: Lembah Pantai, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Bagi ringkas.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Tuan Yang di-Pertua, *do not switch off the mic*. Ini adalah perkara penting.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Baik, silakan. Saya bagi peluang.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Tuan Yang di-Pertua telah menjelaskan bahawa dalam pengiraan kelmarin, Yang Berhormat Padang Rengas telah diambil kira walaupun beliau tidak hadir dan perkara ini hanya dibawa kepada perhatian Dewan yang mulia ini oleh Yang Berhormat Kangar. Persoalan saya adalah macam mana perkara ini boleh berlaku?

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Baik,

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Macam mana kita boleh pasti perkara ini tidak akan berlaku lagi.

Tuan Ahmad Fahmi bin Mohamed Fadzil [Lembah Pantai]: Lembah Pantai, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Tuan Yang di-Pertua, saya minta supaya orang, individu ataupun Ahli Parlimen yang mengambil kira Yang Berhormat Padang Rengas itu diambil tindakan. Ini merupakan satu penipuan.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Baik, kita ambil maklum.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Kalau perkara sebesar ini pun boleh ditipu. Bayangkan apa-apa perkara lagi yang boleh ditipu oleh PN.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Baik, Yang Berhormat Jelutong. Kita terima apa yang telah diingatkan. Sebab itu semakimbang tadi penting. Baik, terima kasih Yang Berhormat Jelutong.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Tuan Yang di-Pertua, bukan isu terima. Minta maaf. Kelmarin perkara ini telah dipertimbangkan dan telah diputuskan. Macam mana boleh perkara ini kita benarkan. *This is a very serious matter. Common,* Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Saya telah menjelaskan tadi. Pihak Tuan Yang di-Pertua telah mengarahkan untuk memperbetulkan fakta tersebut. Terima kasih.

Ahli-ahli Yang Berhormat, kita teruskan dengan menyambung Majlis dalam Jawatankuasa.

[Majlis bersidang dalam Jawatankuasa]

[Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Mohd Rashid Hasnon) mempengerusikan Jawatankuasa]

[Beberapa Ahli Yang Berhormat bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]

Tuan Ahmad Fahmi bin Mohamed Fadzil [Lembah Pantai]: Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Lembah Pantai.

Tuan Lim Lip Eng [Kepong]: Kepong dahulu lah.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Tuan Yang di-Pertua, semua sedang melihat, memerhatikan persidangan ini *live*. Tolonglah jangan tutup *mic* dan *try to silent us on this matter. Please.*

Tuan Ahmad Fahmi bin Mohamed Fadzil [Lembah Pantai]: Tuan Yang di-Pertua...

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: *At least you must ask him to explain.* Minta beliau memberi penjelasan.

Tuan Lim Lip Eng [Kepong]: Betul, saya sokong.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Bagaimana perhitungan dibuat ke atas orang yang tidak hadir.

Tuan Ahmad Fahmi bin Mohamed Fadzil [Lembah Pantai]: Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Baik. Terima kasih Yang Berhormat Jelutong. Bagi saya bercakap. Baik, kita mendengar dan sekiranya ada tidak puas hati, saya minta supaya buat secara bertulis kepada Yang di-Pertua, ketidakpuashatian Ahli-ahli Yang Berhormat.

Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]: Tuan Pengerusi, Yang di-Pertua adalah bekas SPR.

[Sistem pembesar suara dimatikan]

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Saya gunakan Peraturan 43. Kalau apa-apa yang tidak puas hati, buat secara bertulis.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Saya sudah tulis sepuluh kali, Tuan Yang di-Pertua. Saya sudah tulis sepuluh kali atas isu Bintulu pun tiada jawapan.

Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]: Yang di-Pertua adalah bekas SPR.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Saya sudah tulis. Beberapa kali sudah hantar surat. Sampai sekarang tiada penjelasan. Yang Berhormat Bintulu sampai sekarang hilang tiada di sini.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Ada jawapan sudah.

Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]: Pilihan raya kena adil dan saksama, kena adil dan telus. Yang di-Pertua adalah bekas SPR, dia kena buat *ruling* kerana ini adalah *integrity of Parliament*. Kita kena pastikan Parlimen ini berintegriti. Kalau ada tangan ghaib kah atau undi hantu, pengundi hantu, tidak boleh. Ini kes pengundi hantu.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Baik, terima kasih.

Puan Nor Azrina binti Surip [Merbok]: Tuan Pengerusi, satu.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Saya ucap terima kasih kepada Yang Berhormat Bayan Baru. Sebab itulah hasil daripada apa yang telah dibangkitkan ini ada pemakluman untuk buat tersebut.

Puan Nor Azrina binti Surip [Merbok]: Peraturan mesyuarat.

Tuan Ahmad Fahmi bin Mohamed Fadzil [Lembah Pantai]: Tuan Pengerusi, peraturan mesyuarat. Sepatutnya yang melakukan perkara itu tidak dibenarkan menjadi penghitung pada hari ini sekiranya ada undian. Mesti buat *ruling* sekarang.

Puan Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan]: Tuan Pengerusi, Timbalan Menteri hampir berdiri untuk menjawab. Saya harap Tun Pengerusi jangan melindungi Ahli-ahli Parlimen seperti Yang Berhormat Tasek Gelugor yang membuat kesalahan besar dalam Dewan Rakyat. Beliau hampir hendak jawab.

Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam]: Masalahnya sekarang kita tidak ada keyakinan.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Baik, saya minta penghitung kira daripada Tasek Gelugor untuk memberi penjelasan. Silakan. *Switch on the mic.*

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Parlimen dan Undang-undang) [Datuk Haji Shabudin Yahaya]: Tuan Pengerusi, terima kasih kepada Tuan Pengerusi dan juga kepada semua Ahli Parlimen. Semasa membuat pengiraan undi, saya pada ketika itu, beberapa minit sebelum itu saya ada melihat Yang Berhormat Padang Rengas. Cuma semasa yang berkenaan itu, Yang Berhormat Padang Rengas mungkin tiada di situ. Saya tidak pasti sehingga lah dikompelin kata tiada. Akan tetapi saya yakin bahawa Yang Berhormat Padang Rengas ada pada ketika itu.

Tuan Lim Lip Eng [Kepong]: Minta maaf sahaja lah.

Datuk Haji Shabudin Yahaya : Diamlah! Duduklah dahulu. Biar saya jelaskan.

Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam]: Dikira tempat duduknya.

■1110

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Parlimen dan Undang-undang) [Datuk Haji Shabudin Yahaya]: Saya tidak ada niat untuk menipu Dewan ataupun untuk melakukan sesuatu perkara yang bercanggah dengan Peraturan Dewan.

Tuan Lim Lip Eng [Kepong]: Minta maaf atau tidak?

Puan Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan]: Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Haji Shabudin Yahaya: Saya dengan niat tulus ikhlas, saya bertindak apa yang saya faham, apa yang saya tahu.

Tuan Lim Lip Eng [Kepong]: Mahu minta maaf tidak?

Puan Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan]: Tuan Yang di-Pertua, bukannya SOP untuk bertanya dengan Ahli Parlimen tersebut?

Tuan Lim Lip Eng [Kepong]: Minta maaf sahajalah.

Datuk Haji Shabudin Yahaya: Apabila perkara ini— diamlah! Yang lain dengarliah.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Saya minta Ahli-ahli yang lain untuk duduk bagi dengar penjelasan. Saya bagi ruang. Baik, saya bagi ruang.

Minta Yang Berhormat Tasek Gelugor *on* kan balik, *on mic.*

Datuk Haji Shabudin Yahaya: Kalau tidak hendak dengar, jangan dengar tetapi kalau hendak dengar, duduklah. Bagi saya masa untuk saya jelaskan.

Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Tidak. Bukan soal dengar.

Datuk Haji Shabudin Yahaya: Ini bukan untuk pertengkaran.

Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Soalnya cara mengundi kena tanya seorang-seorang, bukan mengundi ikut ada tidak ada.

Datuk Haji Shabudin Yahaya: Yang Berhormat Pokok Sena, ini bukan untuk pertengkaran, ini untuk penjelasan.

Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Bukan boleh ingat dia ada tidak ada. Kena tanya seorang-seorang. Tidak tanya, tiba-tiba *pi* pangkah.

Datuk Haji Shabudin Yahaya: Saya tidak ada niat untuk menipu Dewan dan sebagainya. Dan itu walaupun dianggap sebagai satu kesalahan, saya telah memaklumkan dengan ikhlas kepada Tuan Yang di-Pertua. Saya tidak menyembunyikan perkara ini dan saya telah memohon maaf kepada Tuan Yang di-Pertua. Terpuallah kepada Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Baik.

Datuk Haji Shabudin Yahaya: Akan tetapi jangan tuduh kata saya ada niat untuk menipu dan sebagainya. Terima kasih.

Dato' Dr. Xavier Jayakumar a/l Arulanandam [Kuala Langat]: Menang satu undi kalau...

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Baik, terima kasih di atas penjelasan oleh Yang Berhormat penghitung kira-kira tadi.

Ahli Yang Berhormat, saya ingin teruskan. Saya ingin teruskan. *[Dewan riuh]*
Kalau tidak puas hati, sila tulis balik kepada pejabat ya, gunakan Peraturan 43.

Puan Hajah Fuziah binti Salleh [Kuantan]: Peraturan mesyuarat.

Tuan Syed Saddiq bin Syed Abdul Rahman [Muar]: Tuan Pengerusi.

Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]: Mana boleh tipu. Ini pilihan raya ini tidak boleh tipu.

Puan Hajah Fuziah binti Salleh [Kuantan]: Tuan Pengerusi, peraturan mesyuarat.

Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]: Undian dalam Parlimen tidak boleh tipu. Ini satu penipuan. Pengundi hantu ini, pengundi hantu.

Tuan Syed Saddiq bin Syed Abdul Rahman [Muar]: Saya merupakan salah seorang ketua blok. Saya perlukan 11 orang...

Puan Hajah Fuziah binti Salleh [Kuantan]: Tuan Pengerusi. Tuan Pengerusi. Peraturan...

Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]: Kita tidak boleh terima pengundi hantu dalam Dewan ini, Tuan Yang di-Pertua. Ini adalah satu...

[Sistem pembesar suara dimatikan]

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Saya telah buat keputusan, saya minta semua Ahli-ahli Yang Berhormat duduk. Kalau tidak, saya boleh...

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Tuan Pengerusi, saya minta undi balik semua. Kelmarin undi balik semua kementerian. Ada penipuan. Undi balik semua kementerian. Ada penipuan jelas. Saya minta semua undi-undi kelmarin diundi balik, semua kementerian kelmarin diundi balik sebab ada penipuan.

Puan Nor Azrina binti Surip [Merbok]: Tuan Pengerusi, satu sahaja.

Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam]: Tuan Pengerusi, sama ada beliau ada niat untuk menipu atau tidak, kita tidak tahu, tetapi jelas beliau telah melakukan satu kesalahan. Pengiraan hanya berlaku di tempat duduk. Mana boleh tidak nampak orang tetapi boleh kira sebagai undi? Kita hilang keyakinan terhadap...

Puan Hajah Fuziah binti Salleh [Kuantan]: Tuan Pengerusi, boleh saya baca Peraturan...

[Sistem pembesar suara dimatikan]

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Baik, saya dapat satu maklumat. Pada 27 November 2017, sehari selepas 26 November 2017, Yang Berhormat Kapar sebagai penghitung undi juga tersilap dalam pengundian belah bahagian pada 20 November 2017... *[Tepuk]* Dan telah memohon maaf mengenai perkara tersebut. Ini rekod fakta.

Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: Saya boleh sahkan saya berada dalam Dewan...

[Sistem pembesar suara dimatikan]

Puan Hannah Yeoh [Segambut]: Tuan Pengerusi. Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Kita tidak perlu buang masa, Yang Berhormat. Ahli Yang Berhormat, saya ingin teruskan perbahasan di peringkat Jawatankuasa.

**Kepala B.13 [Jadual] –
Kepala P.13 [Anggaran Pembangunan 2021] –**

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Kepala Bekalan B.13 dan Kepala Pembangunan P.13 di bawah Kementerian Luar Negeri terbuka untuk dibahas sekarang.

Puan Hannah Yeoh [Segambut]: Tuan Pengerusi.

Tuan Syed Saddiq bin Syed Abdul Rahman [Muar]: Tuan Pengerusi, bagaimana kita hendak pastikan kesilapan ini tidak akan berlaku lagi?

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Ya, betul. Tuan Pengerusi, *two wrongs don't make one right. Two wrongs don't make one right.*

Puan Hannah Yeoh [Segambut]: Apa jaminan?

Tuan Syed Saddiq bin Syed Abdul Rahman [Muar]: Apa yang berlaku pada tahun 2017 adalah salah tetapi apabila ia berlaku lagi dan sampai hari ini kita belum mendapat penjelasan, bagaimana kita hendak pastikan perkara ini tidak akan berterusan?

Semalam Yang Berhormat Menteri boleh ada di sana untuk proses kiraan undi. Mana keadilan? Mana Ketelusan? Kalau ini berulang lagi...

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Baik, terima kasih Yang Berhormat Muar.

Tuan Syed Saddiq bin Syed Abdul Rahman [Muar]: ...Bayangkan bila beza dekat Parlimen tiga Ahli Parlimen, bagaimana kita hendak pastikan ini tidak berulang lagi?

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Tuan Pengerusi bukan Ahli Parlimen. Tuan Pengerusi adalah seorang pengadil mengadili sidang ini.

Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar]: Tuan Pengerusi, saya...

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Ya.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: So, jangan dapatkan satu nota daripada mana-mana pihak dan cuba memberi penjelasan mempertahankan mereka.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Baik.

Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar]: Tuan Pengerusi, Kangar.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: *You are here as a Speaker, not as a Member of Parliament for Perikatan Nasional.*

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Ya, sebab itulah saya buat pemakluman tadi hendak memperbetulkan perkara ini dan benda ini tidak akan berulang jika sekiranya ada belah bahagian dibuat sekali lagi.

Baik, terima kasih Yang Berhormat. Sekarang saya minta Yang Berhormat Kepong untuk membuat perbahasannya. Sila Yang Berhormat Kepong.

Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar]: Tuan Pengerusi, Kangar. Kangar yang bawa kepada perhatian Tuan Yang di-Pertua. Kalau boleh saya minta izin bercakap sedikit.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Tidak boleh. Tidak boleh, Yang Berhormat.

Tuan Ahmad Fahmi bin Mohamed Fadzil [Lembah Pantai]: Dia yang bawa. Sila, sila.

Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar]: Sebab saya rasa apa yang Tuan Pengerusi cuba maklumkan tadi...

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Silakan Yang Berhormat Kangar.

Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar]: Bila Tuan Pengerusi bangkitkan isu Yang Berhormat Kapar juga pernah tersalah hitung, dia tidak memberikan jawapan kepada persoalan yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Parlimen. Sebaliknya ia

mendedahkan lagi bahawa ada kepincangan dalam cara kita membuat hitungan undi di Dewan ini. *[Tepuk]*

Jadi, bagi saya, permintaan daripada kawan-kawan saya yang ada di sini yang bangkit untuk minta jaminan bukan hanya jaminan mulut tetapi saya ingat Dewan mesti mewujudkan...

Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Undi semula.

Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar]: ...Satu mekanisme yang dipersetujui bersama. Sebab selepas kita bahas ini, kita akan undi lagi.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Baik, terima kasih Yang Berhormat Kangar. Kita ambil maklum perkara-perkara tersebut dan perlu dibangkitkan dalam tatacara untuk kita menghitung belah bahagian yang selepas daripada ini.

Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam]: Akan tetapi adakah Yang Berhormat...

[Sistem pembesar suara dimatikan]

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Saya minta Yang Berhormat Kepong, sila Yang Berhormat Kepong.

Puan Hajah Fuziah binti Salleh [Kuantan]: Tuan Pengerusi, boleh saya bacakan Peraturan Mesyuarat?

Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin]: Tak payah.

Puan Hajah Fuziah binti Salleh [Kuantan]: Peraturan mesyuarat.

Puan Hannah Yeoh [Segambut]: Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Saya tidak mahu hendak membuang masa sebab kita— Yang Berhormat Kuantan, tidak apa.

Puan Hannah Yeoh [Segambut]: Tuan Pengerusi. Tuan Pengerusi.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Kalau Yang Berhormat Kepong...

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Saya minta Yang Berhormat Kepong teruskan.

11.15 pg.

Tuan Lim Lip Eng [Kepong]: Tuan Pengerusi, saya minta Yang Berhormat Tasek Gelugor minta...

Puan Hajah Fuziah binti Salleh [Kuantan]: Saya hendak bacakan Peraturan Mesyuarat, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Sila. Saya bagi kepada Yang Berhormat Kuantan. Seringkasnya, sila.

Puan Hajah Fuziah binti Salleh [Kuantan]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin merujuk kepada Peraturan Mesyuarat 47(1) dan 47(2).

“Apabila belah bahagian telah diperintahkan, maka penghitung undi hendaklah bertanya pada tiap-tiap ahli pihak mana hendak diundinya...”— hendaklah bertanya. *“Setiausaha hendaklah memasukkan undi masing-masing ahli itu dan nama ahli-ahli yang tidak mengundi dalam buku Undi-undi dan perjalanan Mesyuarat.”*

“Apabila seseorang ahli itu ditanya pihak mana hendak diundinya dalam sesuatu belah bahagian, bolehlah dijawabnya mengatakan ia mengundi bagi pihak Bersetuju atau bagi pihak Tidak atau dengan menyatakan terang-terang iaitu tidak hendak mengundi. Seseorang ahli tidak boleh memberi jawab yang berlawanan dengan apa-apa ketetapan yang dikeluarkan masa diadakan undi dengan suara beramai-ramai.”

Tuan Pengerusi [Dato’ Mohd Rashid Hasnon]: Ringkaskan.

Puan Hajah Fuziah binti Salleh [Kuantan]: Jadi, kita faham setiap penghitung mesti bertanya. Penghitung tidak boleh membuat andaian. Kalau penghitung untuk blok Yang Berhormat Padang Rengas membuat andaian, bagaimana boleh kami yakin bahawa penghitung di blok lain di pihak kerajaan tidak berbuat perkara yang sama?
[Tepuk]

Tuan Pengerusi [Dato’ Mohd Rashid Hasnon]: Baik.

Puan Hajah Fuziah binti Salleh [Kuantan]: Tuan Pengerusi tidak boleh menggunakan *precedent* yang lepas kerana ketika itu majoriti kita jauh berbeza. Hari ini, kerajaan pada hari ini hanya ada majoriti dua undi. Maka tidak boleh digunakan *precedent* itu sebagai hujah untuk mengatakan menerima alasan yang diberikan oleh penghitung Yang Berhormat Tasek Gelugor.

Tuan Pengerusi [Dato’ Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih.

Puan Hajah Fuziah binti Salleh [Kuantan]: Saya pohon sistem yang baharu mengikut peraturan mesyuarat kita. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Dato’ Mohd Rashid Hasnon]: Peraturan Mesyuarat 47. Baik, terima kasih Yang Berhormat Kuantan.

Dato’ Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Tuan Pengerusi, mana boleh dia pakai ingat kata ada. Dia ingat hantu raya berupa Yang Berhormat Padang Rengas. Mana boleh.

Tuan Pengerusi [Dato’ Mohd Rashid Hasnon]: Baik, terima kasih.

Puan Hannah Yeoh [Segambut]: Tuan Pengerusi, kita minta...

Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Kalau begitu, semua pakat boleh bela hantu raya.

Puan Hannah Yeoh [Segambut]: Kita minta pemasyhuran daripada Tuan Yang di-Pertua untuk undi semalam tidak sah dan undi semula sekarang. Kita minta belah bahagi. Lima belas orang kita bangun minta belah bahagi sekarang... [*Tepuk*]

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Yang Berhormat Segambut, kalau tidak puas hati dengan pemasyhuran ini... [*Dewan riuh*] Yang Berhormat Segambut, kalau tidak puas hati, guna Peraturan 43 untuk maklumkan kepada Tuan Yang di-Pertua.

Dr. Lee Boon Chye [Gopeng]: Tuan Pengerusi, perkara ini menentukan bahawa Yang Berhormat Tasek Gelugor tidak tanya Yang Berhormat Padang Rengas sokong atau tidak. Macam mana beliau boleh anggap andaikan Yang Berhormat Padang Rengas sokong semasa belah bahagi?

Tuan Mohamad bin Sabu [Kota Raja]: Kalau kita tipu dalam Parlimen, macam mana orang hendak percaya pilihan raya di luar?

Dr. Lee Boon Chye [Gopeng]: Mungkin Yang Berhormat Padang Rengas hendak tolak. Macam mana boleh tahu?

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Ya. Ahli-ahli Yang Berhormat, kalau Ahli-ahli Yang Berhormat tidak puas hati, guna Peraturan 43, cara buat bertulis supaya, tadi ada anjuran, untuk ambil *ruling* daripada Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Peraturan 43 tidak terpakai. Ini bohong.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Saya sekarang ingin teruskan dengan memanggil Yang Berhormat Kepong.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Peraturan 43 tidak terpakai. Ini bohong. Tuan Pengerusi, *come on* lah, tidak terpakailah Peraturan 43. Ini bohonglah. Kes bohong tidak terpakai Peraturan 43. Ini *basic* lah, asas. Kalau tidak faham, jangan jadi Tuan Yang di-Pertua lah. Malulah. *You are becoming a laughingstock, you know.*

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Yang Berhormat Kepong, lima minit dan masa berjalan sekarang.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Apalah. Letak jawatanlah Tuan Yang di-Pertua macam ini. Memalukanlah.

Tuan Cha Kee Chin [Rasah]: Tuan Pengerusi...

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Memalukan.

Tuan Wong Hon Wai [Bukit Bendera]: Undi semula.

Dr. Maszlee bin Malik [Simpang Renggam]: Tuan Pengerusi, undi semula. Tuan Pengerusi mampu memperbetulkan keadaan.

Tuan Cha Kee Chin [Rasah]: Pengundian tidak sah, macam mana kita boleh teruskan?

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Baik.

Tuan Ahmad Fahmi bin Mohamed Fadzil [Lembah Pantai]: Undi semula, undi semula.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Saya ada dengar Yang Berhormat Sepang kata “memalukan”. Betul? Betul. Saya minta Yang Berhormat Sepang tarik balik.

■1120

Seorang Ahli: Timbalan Tuan Yang di-Pertua, diorang cari fasal. Suruh tarik balik.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Memang memalukan. Memang memalukan.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Parlimen dan Undang-undang) [Dato' Takiyuddin bin Hassan]: *[Bangun][Tidak jelas]*

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Saya minta Yang Berhormat Sepang tarik balik. Dua.

Dato' Haji Salim Sharif [Jempol]: Yang Berhormat Sepang tarik balik!

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Saya minta Yang Berhormat Sepang tarik balik, tiga.

Dato' Haji Salim Sharif [Jempol]: Yang Berhormat Sepang tarik balik!

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Saya hendak dengar. Minta suara Yang Berhormat Sepang. Yang Berhormat Sepang, sila tarik balik.

[Dewan riuh]

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Tarik balik, tarik balik. Tak dengar kah?

Beberapa Ahli: *On mic, on mic.*

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Tarik balik, tarik balik. Tak dengar kah dah tarik balik?

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Baik, sila duduk!

Tuan Mohamad bin Sabu [Kota Raja]: Halau dia. Halau dia.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Ahli Yang Berhormat yang lain, sila duduk!

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Tuan Yang di-Pertua, tolong berhentikan masa. Jangan ambil masa daripada Yang Berhormat Kepong berbahas.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Tak. Saya sudah sebut masa telah berjalan. Sila Yang Berhormat Kepong.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: *No, Tuan Yang di-Pertua, do not do this. Please, be fair. Be fair* Tuan Yang di-Pertua...

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Saya tidak boleh tarik balik, saya kata...

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: *Come on* Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Yang Berhormat Kepong ada selama tiga minit 52 saat lagi. Yang Berhormat Kepong dipersilakan. Majlis dalam Jawatankuasa.

Tuan Lim Lip Eng [Kepong]: Ya, ya. Tuan Pengerusi, saya minta...

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Sila Yang Berhormat Kepong.

Tuan Lim Lip Eng [Kepong]: Yang Berhormat Tasik Gelugor minta maaf dan dirujuk –dirujuk kepada Jawatankuasa Khas, *Select Committee*.

Seorang Ahli: Tidak layak jadi Menteri. [*Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara*]

Tuan Sabri bin Azit [Jerai]: Bahas dulu.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Saya sokong.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Teruskan. Teruskan bahas. Sebut butiran dibahas...

Tuan Lim Lip Eng [Kepong]: Saya minta Tuan Yang di-Pertua buat...

Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: Tuan Pengerusi, zaman dulu, Speaker DAP tidak layan semua ini. Buat apa Yang Berhormat hendak– jangan layan. Teruskan perbahasan.

[*Dewan riuh*]

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: *What is all this?* Macam mana– apa Speaker DAP?

Tuan Lim Lip Eng [Kepong]: Tuan Pengerusi, saya minta satu keputusan dibuat.

Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam]: Jangan buat malulah.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: *Where was the Speaker from DAP? Ask* Yang Berhormat Baling, *where was Speaker from DAP?*

Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam]: Jangan menghina. Jangan menghina. Yang Berhormat Baling...

[Sistem pembesar suara dimatikan]

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Waktu ini waktu Yang Berhormat Kepong untuk berbahas. Ada tiga minit lagi. Sila Yang Berhormat Kepong bahas.

[Dewan riuh]

Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam]: Yang Berhormat Baling, jangan buat malu, jangan menghina Dewan.

Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: Ya. Dulu kami kena halau. Bangun macam ini tiga hari kena... *[Sistem pembesar suara dimatikan]*

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Yang Berhormat Baling, sila duduk Yang Berhormat Baling. Yang Berhormat Baling duduk.

[Dewan riuh]

Beberapa Ahli: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Yang Berhormat Baling, Yang Berhormat Jelutong, Yang Berhormat Rasah sila duduk. Baik.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Tuan Cha Kee Chin [Rasah]: Macam mana Tuan Pengerusi boleh benarkan Yang Berhormat Baling buat tuduhan? Tuduhan yang melampau!

Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: Kenapa? Dulu kami kena halau...

Tuan Cha Kee Chin [Rasah]: Sudahlah Yang Berhormat Baling, kamu jangan hendak buat tuduhan melampau.

Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: Kami bising macam ini, kena gantung tiga hari. *[Sistem pembesar suara dimatikan]*

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Ahli Yang Berhormat...

[Dewan riuh]

Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: Ini masa perbahasan, mana boleh ganggu Dewan. Tolonglah.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Eh! Dulu tak tipulah.

Tuan Cha Kee Chin [Rasah]: Yang Berhormat Baling kuat tipulah, dia jahat.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Yang Berhormat Baling, sila duduk Yang Berhormat Baling. Yang Berhormat Jelutong.

Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar]: Yang Berhormat Baling, dulu kau bising di bawah peraturan mesyuarat yang mana? *[Sistem pembesar suara dimatikan]*

Tuan Mohamad bin Sabu [Kota Raja]: Pencerahan telah dibuat takkan tak tahu hukuman.

Seorang ahli: Ini apa pulak?

Tuan Teh Kok Lim [Taiping]: Tuan Pengerusi, Tuan Pengerusi...

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Tidak ada hal kesalahan di sini.

Puan Hannah Yeoh [Segambut]: Tuan Pengerusi, Tuan Pengerusi...

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Saya minta Yang Berhormat Baling tarik balik... *[Sistem pembesar suara dimatikan]*

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Sekarang ini sesi— Saya teruskan sesi. Masih ada dua minit sahaja Yang Berhormat Kepong. Silakan.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Tuan Yang di-Pertua, tadi kalau Tuan Yang di-Pertua minta Ahli Yang Berhormat Sepang tarik balik. Saya minta Yang Berhormat Baling tarik balik... *[Sistem pembesar suara dimatikan]*

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Saya buat— Yang Berhormat Jelutong, mengganggu sesi jawatankuasa. Saya bagi tempoh, kalau *you* berdiri sekali lagi saya halau *you* keluar.

Tuan Che Alias bin Hamid [Kemaman]: Halau keluar, Yang Berhormat Jelutong keluar.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Yang Berhormat Jelutong sila duduk. Yang Berhormat Jelutong sila duduk. Yang Berhormat Baling duduk. Yang Berhormat Rasah duduk. Kalau tidak, saya halau keluar.

Tuan Mohamad bin Sabu [Kota Raja]: Tuan Pengerusi, kesalahan telah dibuat...

Tuan Lim Lip Eng [Kepong]: Ya, Tuan Pengerusi.

Tuan Mohamad bin Sabu [Kota Raja]: Hukuman saja kepada Yang Berhormat Tasik Gelugor. Dia mengaku dah dia buat silap dalam Parlimen. Hukuman sahaja. Apa susah kena buat?

Tuan Lim Lip Eng [Kepong]: Dia juga minta maaf.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Itu saya sebut. Buat secara bertulis, secepatnya saya boleh...

Tuan Mohamad bin Sabu [Kota Raja]: Itu sahaja. Dia dah mengaku dia menipu dalam kira...

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Baik.

Tuan Mohamad bin Sabu [Kota Raja]: Dia nampak Yang Berhormat Padang Rengas di kantin, dia kata ada di sini.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Yang Berhormat Kota Raja...

Tuan Mohamad bin Sabu [Kota Raja]: Hukum dia, itu sahaja.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Dia bukan menipu.

Tuan Teh Kok Lim [Taiping]: Adil tidak? Adil tidak macam itu Tuan Pengerusi?

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Dia tersilap kira. Baik, sila Yang Berhormat Kepong, satu minit.

Tuan Mohamad bin Sabu [Kota Raja]: Hormatlah orang tua-tua lama ini. Dia sudah mengaku dia menipu! Dia mengaku!

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Ya.

Tuan Teh Kok Lim [Taiping]: Tuan Pengerusi, adakah itu *ruling* yang adil Tuan Pengerusi?

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Dia tidak mengaku dia menipu.

Tuan Mohamad bin Sabu [Kota Raja]: Bila dia mengaku dia menipu, ada hukuman. Itu sahaja.

Tuan Teh Kok Lim [Taiping]: Ya.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Ya. *[Tidak jelas]*

Tuan Teh Kok Lim [Taiping]: Tuan Pengerusi, adakah *ruling* yang adil?

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Baik. Saya minta semua Ahli Yang Berhormat duduk. Kalau tidak, saya akan minta Ahli Yang Berhormat keluar. Sila, selama 47 saat sahaja lagi.

Tuan Lim Lip Eng [Kepong]: Ya Tuan Pengerusi, saya minta satu keputusan dibuat...

Beberapa ahli: *[Ketawa]*

Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam]: Peraturan mesyuarat.

Tuan Lim Lip Eng [Kepong]: Yang Berhormat Tasik Gelugor minta maaf dan dirujuk kepada jawatankuasa. Satu keputusan...

Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam]: Peraturan mesyuarat.

Tuan Lim Lip Eng [Kepong]: Buat sekarang, Tuan Pengerusi.

Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam]: Tuan Pengerusi, peraturan mesyuarat. Yang Berhormat Bukit Mertajam, peraturan mesyuarat.

Tuan Lim Lip Eng [Kepong]: Tuan Pengerusi, saya minta keputusan dibuat sekarang juga. Yang Berhormat Tasik Gelugor minta maaf dan dirujuk kepada Jawatankuasa Khas.

Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam]: Peraturan mesyuarat Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Yang Berhormat Bukit Mertajam, sekarang saya sudah sebut ini sesi dalam jawatankuasa. Saya minta...

Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: Suruh dia buat usul dulu, hantar. Selepas itu buat keputusanlah.

Puan Hannah Yeoh [Segambut]: Tuan Pengerusi...

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Tuan Pengerusi, Yang Berhormat Baling berdiri lagi, Yang Berhormat Baling berdiri lagi.

Puan Hannah Yeoh [Segambut]: Tuan Pengerusi, sebelum Tuan Pengerusi teruskan dengan perbahasan untuk peringkat jawatankuasa, Saya nak minta penjelasan. Oleh sebab pengundian, kredibilitinya telah dipertikaikan. Saya hendak penjelasan daripada Tuan Yang di-Pertua, bagaimana kita boleh menjamin bahawa pengundian yang akan berlaku selepas perbahasan ini telah mengambil langkah-langkah untuk tidak mengulangi perkara semalam. Saya hendak dengar penjelasan Tuan Pengerusi. Apakah langkah yang telah diambil yang berbeza dari semalam?

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Baik. Terima kasih Yang Berhormat Segambut. Baik, walau bagaimanapun masa untuk Yang Berhormat Kepong telah habis. Akan tetapi, saya ingin...

Tuan Lim Lip Eng [Kepong]: Belum *start*, belum *start*.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: ...respons kepada Yang Berhormat Segambut. Ya. Kita mengambil kira sepanjang 20 minit tadi kita berbahas. Perkara-perkara tersebut telah dibangkitkan termasuk Peraturan Mesyuarat 47...

Tuan Lim Lip Eng [Kepong]: Tuan Pengerusi, Yang Berhormat Tasik Gelugor sehingga sekarang dia enggan minta maaf.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Siapakah yang cakap tu?

Tuan Lim Lip Eng [Kepong]: Saya. Saya, Yang Berhormat Kepong. Masih Yang Berhormat Kepong.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Semasa Tuan Pengerusi cakap, yang lain tidak boleh. Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain kena diam.

Tuan Lim Lip Eng [Kepong]: Okey.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Jadi, kita mengambil kira Yang Berhormat Segambut dengan apa yang disebutkan tadi. Saya akan bawa kepada Tuan Yang di-Pertua untuk membuat petua nak memastikan bahawa jika ada belah bahagian yang selepas daripada ini, dipastikan bahawa tidak berlaku dan tidak berulang kembali perkara yang telah berlaku tadi.

Puan Hannah Yeoh [Segambut]: Betul. Apakah langkahnya Tuan Pengerusi? Langkah? Langkah mencegah?

Dr. Maszlee bin Malik [Simpang Renggam]: *Standing order* Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Itu sudah *detail*. Maknanya *spirit* daripada Peraturan Mesyuarat 47 tadi, pengira kira-kira memastikan bahawa Ahli-

ahli Yang Berhormat ada dan dia melihat Ahli Yang Berhormat ada di situ dan menandakan dalam petak-petak yang telah diberikan.

Dr. Maszlee bin Malik [Simpang Renggam]: Tuan Pengerusi, apa yang dilakukan oleh Yang Berhormat Tasik Gelugor dan beliau mengakui merupakan satu pengkhianatan dan penipuan. Jikalau Tuan Pengerusi benarkan ini berlaku, dan akan menjadi satu *precedent* kepada negara ini...

Datuk Haji Shabudin Yahaya: Tarik balik. Saya minta Yang Berhormat Simpang Renggam tarik balik.

Dr. Maszlee bin Malik [Simpang Renggam]: Ini mencemarkan kesucian Dewan.

Datuk Haji Shabudin Yahaya: Ini satu tuduhan Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Yang Berhormat Simpang Renggam. Ini bukan penipuan. Dia kata dia minta maaf tadi terdapat kekhilafan.

Tuan Lim Lip Eng [Kepong]: Tidak. Dia tidak minta maaf.

Puan Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan]: Tuan Pengerusi, adakah Yang Berhormat Tasek Gelugor bertanya dengan... [*Sistem pembesar suara dimatikan*]

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Baik. Saya telah berikan petua tadi dan saya ingin meneruskan. Sekarang, saya jemput Yang Berhormat Pasir Puteh.

11.27 pg.

Dr. Nik Muhammad Zawawi bin Haji Salleh [Pasir Puteh]: *Bismillahi Rahmani Rahim...*

Tuan Lim Lip Eng [Kepong]: Tuan Pengerusi, Yang Berhormat Tasek Gelugor. Dia tidak minta maaf. Tuan Pengerusi sudah silap. Yang Berhormat Tasek Gelugor tidak minta maaf.

Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam]: Peraturan mesyuarat.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Yang Berhormat Pasir Puteh, teruskan. Yang Berhormat Kepong, jangan.

Dr. Nik Muhammad Zawawi bin Haji Salleh [Pasir Puteh]: Tuan Pengerusi, kepada Butiran 020100...

Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam]: Tuan Pengerusi, peraturan mesyuarat.

Puan Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan]: Tuan Pengerusi, kami hendak tahu kalau Yang Berhormat Tasek Gelugor ada bertanya atau tidak dengan Yang Berhormat Padang Rengas. Ya atau tidak...

Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam]: Peraturan mesyuarat, Tuan Pengerusi.

Puan Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan]: Kalau sudah jelas tidak tanya. Macam mana boleh tanda?

Dr. Nik Muhammad Zawawi bin Haji Salleh [Pasir Puteh]: Berkenaan ekonomi pelbagai hala dan alam sekitar yang mana satu peruntukan...

Puan Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan]: Macam mana Tuan Pengerusi boleh terima jawapan yang diberikan? Ini Dewan yang mulia...

Seorang ahli: Eh! Diam lah. Orang nak berbahas.

Dr. Nik Muhammad Zawawi bin Haji Salleh [Pasir Puteh]: Tuan Pengerusi, minta halang.

Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam]: Peraturan mesyuarat Tuan Pengerusi.

Dr. Nik Muhammad Zawawi bin Haji Salleh [Pasir Puteh]: Cakap saya tidak benar. Ini *floor* saya. Saya tidak benarkan kepada... [*Sistem pembesar suara dimatikan*]

Puan Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan]: Dan Tuan Pengerusi mempengerusikan Dewan ini, Ketua Dewan ini. Bagaimana boleh benarkan... [*Sistem pembesar suara dimatikan*]

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Yang Berhormat Batu Kawan, Yang Berhormat Batu Kawan minta sudah banyak tadi kita buat penjelasan dan saya telah buat *ruling* tadi. Minta Yang Berhormat Pasir Puteh teruskan.

Tuan Teh Kok Lim [Taiping]: Masih kurang faham lagi.

Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam]: Peraturan mesyuarat Tuan Pengerusi. Peraturan Mesyuarat 36(12) Tuan Pengerusi. Tentang Ahli Yang Berhormat yang mengeluarkan kenyataan yang mengelirukan Dewan yang boleh ditakrifkan sebagai menghina Majlis. Tuan Pengerusi, tadi Yang Berhormat Baling telah menyebut "...*Speaker DAP*...". Setahu saya, dalam sejarah Parlimen ini, tidak pernah ada Tuan Yang di-Pertua dari DAP, satu. Keduanya, kerusi Tuan Yang di-Pertua tidak boleh dikaitkan dengan mana-mana parti politik.

Dr. Nik Muhammad Zawawi bin Haji Salleh [Pasir Puteh]: Tuan Pengerusi, masa saya berjalan. Saya tidak benar mana-mana individu bangun.

Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam]: Ini Peraturan Mesyuarat. Minta maaf Yang Berhormat, ini peraturan mesyuarat.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Yang Berhormat Bukit Mertajam, bangkitkan selepas daripada perbahasan daripada Yang Berhormat Pasir Puteh.

Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam]: Selepas Yang Berhormat Pasir Puteh? Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Baik. Terima kasih Yang Berhormat Bukit Mertajam. Sila Yang Berhormat Pasir Puteh teruskan, dengan tambahan masa tadi sedikit. Silakan.

Dr. Nik Muhammad Zawawi bin Haji Salleh [Pasir Puteh]: Butiran 020100 menyentuh Ekonomi Pelbagai Hala dan Alam Sekitar. Kita semua maklum bahawa isu alam sekitar yang datang daripada negara jiran seperti Indonesia di musim kemarau yang membabitkan cuaca ataupun iklim di dalam negara kita bertukar. Ini menjadi kebimbangan kepada dunia.

Perubahan iklim dunia ini berlaku disebabkan berlakunya persekitaran alam sekitar yang tidak sihat. Dalam isu ini, saya mencadangkan supaya pihak kerajaan memberi satu fokus yang benar-benar berkesan supaya pembakaran di luar daripada negara kita, negara-negara jiran seperti Indonesia ini dapat disepakati bersama. Ini kerana, sebelum daripada ini saya lihat isu ini kadang-kadang ditangani, tetapi tidak dengan cara yang lebih bersungguh-sungguh.

■1130

Kedua, berkenaan dengan banjir daripada negara Thailand. Saya minta kepada Menteri Alam Sekitar dan Air supaya mempercepatkan proses membina tembok di sempadan antara Malaysia dengan Thailand dengan segera supaya isu membabitkan banjir besar di negeri Kelantan ini dapat ditangani ataupun dapat dikurangkan. Ini kerana banjir sebagaimana yang semua maklum, ia boleh mengancam harta benda, rakyat. Barangkali pihak kerajaan, dia tidak terasa satu bebanan berbanding dengan tuan hak, rakyat di negeri tersebut. Kadang-kadang rumah...

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Yang Berhormat Pasir Puteh, ini adalah Kementerian Luar Negeri.

Dr. Nik Muhammad Zawawi bin Haji Salleh [Pasir Puteh]: Ya Tuan Pengerusi, ia ada kaitan.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Baik.

Dr. Nik Muhammad Zawawi bin Haji Salleh [Pasir Puteh]: Cuba tengok ekonomi pelbagai hala dan alam sekitar, boleh baca dalam penerangan dia. Saya bercakap ini dalam ruang lingkupnya.

Dato' Dr. Xavier Jayakumar a/l Arulanandam [Kuala Langat]: Manakah Menteri?

Dr. Nik Muhammad Zawawi bin Haji Salleh [Pasir Puteh]: Dalam ruang lingkup dia.

Dato' Dr. Xavier Jayakumar a/l Arulanandam [Kuala Langat]: Manakah Menteri?

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Timbalan ada.

Dr. Nik Muhammad Zawawi bin Haji Salleh [Pasir Puteh]: Jadi oleh sebab itu mesti diambil..

Dato' Dr. Xavier Jayakumar a/l Arulanandam [Kuala Langat]: Timbalan buat apa?

Dr. Nik Muhammad Zawawi bin Haji Salleh [Pasir Puteh]: ...Perjalanan kerana ini membabitkan hubungan luar negara, itu dalam ruang lingkup.

Kedua, berkenaan dengan Butiran 020200 – Hak Asasi Manusia dan Kemanusiaan. Saya mengharapkan pihak kerajaan membuat garis panduan yang lengkap berhubung dengan hak asasi manusia. Kadangkala istilah hak asasi manusia ini diceroboh menyebabkan ada pihak yang mengatakan ini adalah hak asasi manusia kerana kita mesti faham negara kita yang berada dalam kumpulan masyarakat majmuk, hak asasi ini berbeza kalau kita lihat mengikut kaca mata agama, mengikut kaca mata bangsa dan mengikut adat budaya dalam negara.

Jadi oleh sebab itu, peruntukan yang diberikan ini sangat bagi saya, saya merasakan tidak sepatutnya berkurangan daripada RM1 juta lebih kepada RM868,100. Ini adalah suatu yang tidak berpatutan dan saya minta kepada Menteri berkenaan supaya memberi penjelasan mengapa peruntukan ini dikurangkan kerana isu yang membabitkan hak asasi manusia ini sering kali menimbulkan kekecohan dalam negara kita.

Seterusnya, Butiran 020300 – Keselamatan Pelbagai Hala dan Pertubuhan Antarabangsa. Dalam isu keselamatan pelbagai hala ini, suka saya tegaskan supaya pendirian negara kita ini mesti pendirian yang tegas dan kita tidak berganjak dan kita tidak tunduk kepada gesaan-gesaan daripada negara-negara lain. Terutama sekali isu yang menyentuh Kashmir, Palestine, Rohingya dan lain-lain di mana ada pihak yang menuduh Palestin sebagai contoh sebagai *terrorist* tanpa mereka menyebut Yahudi yang merobohkan, merampas hak milik rakyat Palestin ini sebagai *terrorist*. Sebenarnya mereka adalah *terrorist*.

Begitu juga yang menyentuh negara-negara...

Dr. Maszlee bin Malik [Simpang Renggam]: Yang Berhormat Pasir Puteh.

Dr. Nik Muhammad Zawawi bin Haji Salleh [Pasir Puteh]: ...Kuasa besar. Kadangkala negara-negara kuasa besar ini seperti Amerika Syarikat. Dia seolah-olah menjadi raja dalam dunia, apa yang dia hendak buat dia buat. Dia hendak serang Sudan, dia hendak buat ke atas Libya...

Dr. Maszlee bin Malik [Simpang Renggam]: Yang Berhormat Pasir Puteh.

Dr. Nik Muhammad Zawawi bin Haji Salleh [Pasir Puteh]: ...Ke atas mana-mana negara...

Dr. Maszlee bin Malik [Simpang Renggam]: Izinkan saya menyokong berkaitan Palestin.

Dr. Nik Muhammad Zawawi bin Haji Salleh [Pasir Puteh]: ...Sekalipun boleh buat.

Dr. Maszlee bin Malik [Simpang Renggam]: Izinkan saya menyokong berkaitan Palestin.

Dr. Nik Muhammad Zawawi bin Haji Salleh [Pasir Puteh]: Tidak perlu.

Dr. Maszlee bin Malik [Simpang Renggam]: Sekejap sahaja.

Dr. Nik Muhammad Zawawi bin Haji Salleh [Pasir Puteh]: Saya tidak ada masa yang panjang. Jadi sebab itu, pendirian Malaysia mesti tegas. Kita tidak mengatakan Palestin itu *terrorist* tetapi kita mengatakan Yahudi Israel itu adalah negara *terrorist*. Begitu juga Amerika Syarikat

Dr. Maszlee bin Malik [Simpang Renggam]: Yang Berhormat Pasir Puteh. Izinkan saya menyokong...

Dr. Nik Muhammad Zawawi bin Haji Salleh [Pasir Puteh]: ...Dan negara-negara lain, sebenarnya mereka adalah *terrorist* membuat ancaman, macam-macam ancaman dibuat kepada negara-negara yang tidak sebulu dengan mereka.

Dr. Maszlee bin Malik [Simpang Renggam]: Yang Berhormat Pasir Puteh.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Yang Berhormat Pasir Puteh, masa sudah tamat.

Dr. Nik Muhammad Zawawi bin Haji Salleh [Pasir Puteh]: Seterusnya, Butiran 020400...

Dr. Maszlee bin Malik [Simpang Renggam]: Tuan Pengerusi...

Dr. Nik Muhammad Zawawi bin Haji Salleh [Pasir Puteh]: ...Berkenaan dengan....

Dr. Maszlee bin Malik [Simpang Renggam]: Palestin.

Dr. Nik Muhammad Zawawi bin Haji Salleh [Pasir Puteh]: ...Pertubuhan Kerjasama Islam (OIC) dan Kerjasama Serantau. Saya minta kepada pihak kerajaan dalam negara kita untuk kita bangkit menjadi...

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Kalau macam itu tidak perlu ada Kedutaan Amerika Syarikat di Malaysia lah.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Saya sudah suruh dia tamatkan.

Dr. Nik Muhammad Zawawi bin Haji Salleh [Pasir Puteh]: ...Negara-negara Islam yang lain. Jadi sebab itu peranan yang dimainkan oleh negara-negara kita berkenaan dengan OIC ini saya kira sangat mustahak. Biarlah kita muncul menjadi sebuah negara yang benar-benar mempunyai kewibawaan dan kita tunjuk kekuatan

kita. Saya ucapkan syabas sebagaimana Turki, dia tidak hirau tekanan daripada kuasa besar. Dia menyatakan prinsip negara dia dan kita ada kewibawaan negara kita, kedaulatan kita, kita mesti mempertahankan kedaulatan negara kita ini.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih.

Dr. Nik Muhammad Zawawi bin Haji Salleh [Pasir Puteh]: ...*Insyah-Allah* dan saya kira...

Dr. Maszlee bin Malik [Simpang Renggam]: Yang Berhormat Pasir Puteh...

Dr. Nik Muhammad Zawawi bin Haji Salleh [Pasir Puteh]: ...Dalam perkara ini....

Dr. Maszlee bin Malik [Simpang Renggam]: Izinkan saya...

Dr. Nik Muhammad Zawawi bin Haji Salleh [Pasir Puteh]: ...Tambahan...

Dr. Maszlee bin Malik [Simpang Renggam]: Yang Berhormat Pasir Puteh...

Dr. Nik Muhammad Zawawi bin Haji Salleh [Pasir Puteh]: ...Peruntukan yang diberikan adalah sangat wajar.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Baik, terima kasih Yang Berhormat Pasir Puteh.

Dr. Maszlee bin Malik [Simpang Renggam]: Yang Berhormat Pasir Puteh, izinkan saya mencelah.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Tuan Pengerusi, bolehkah benarkan Yang Berhormat Kepong untuk berbahas.

Dr. Maszlee bin Malik [Simpang Renggam]: Peraturan Mesyuarat 36(11).

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Dia sepatutnya merupakan pembahas pertama.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: ...Keputusan nanti.

Dr. Maszlee bin Malik [Simpang Renggam]: Peraturan Mesyuarat 36(11)

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Saya mohon beliau diberikan peluang dan ruang untuk berbahas. Yang Berhormat Kepong adalah pembahas pertama.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Yang Berhormat Pasir Puteh sudah habis? Yang Berhormat Pasir Puteh? Yang Berhormat Pasir Puteh.

Dr. Maszlee bin Malik [Simpang Renggam]: Tuan Pengerusi, izinkan saya....

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Masa sudah habis Yang Berhormat Simpang Renggam.

Dr. Maszlee bin Malik [Simpang Renggam]: Tidak, saya ingin mencelah berkaitan dengan isu Palestin yang dibawa oleh Yang Berhormat Pasir Puteh.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Masa sudah habis Yang Berhormat Simpang Renggam.

Dr. Maszlee bin Malik [Simpang Renggam]: Oh! Okey.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Minta maaf.

Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam]: Peraturan Mesyuarat 36(12) Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Sila, saya bagi sedikit masa untuk Yang Berhormat Bukit Mertajam.

Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Peraturan Mesyuarat 36(12) iaitu "*Mana-mana Ahli yang mengeluarkan kenyataan yang mengelirukan Dewan adalah disifatkan sebagai menghina Majlis dan Ahli itu boleh dirujuk kepada Jawatankuasa Hak dan Kebebasan bagi kesalahan itu*". Tadi Tuan Pengerusi, saya percaya Tuan Pengerusi dan ramai rakan dalam Dewan ini telah pun mendengar bahawa Yang Berhormat Baling telah menyebut perkataan Speaker DAP. Setahu saya, melalui pengalaman saya dan juga dalam sejarah Parlimen Malaysia tidak pernah ada seorang Speaker yang merupakan ahli parti DAP, satu.

Keduanya, kedudukan ataupun kerusi Speaker itu adalah berkecuali dan tidak boleh dikaitkan dengan mana-mana parti politik. Jadi saya rasa apa yang telah disebutkan oleh Yang Berhormat Baling itu adalah bukan sahaja mengelirukan Dewan tetapi juga telah menghina Majlis dan juga kerusi Speaker.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Baik.

Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam]: Jadi saya mohon...

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih Yang Berhormat Bukit Mertajam...

Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam]: ...Pemasyhuran Tuan Yang di-Pertua untuk meminta Ahli Yang Berhormat Baling menarik balik dan meminta maaf.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Baik.

Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam]: Sekian terima kasih.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Baik, terima kasih Yang Berhormat Bukit Mertajam. Minta dituliskan suatu usul jika hendak merujuk kepada Jawatankuasa Hak dan Kebebasan, itu sahaja. Baik. Sekarang ini Yang Berhormat Baling pun tidak ada di dalam Dewan, jadi sekiranya ada apa-apa yang ingin hendak diusulkan, sila buat secara bertulis. Ahli Yang Berhormat, sekarang saya menjemput...

Tuan Lim Lip Eng [Kepong]: Tuan Pengerusi....

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: ...Yang Berhormat Selayang. Yang Berhormat Kepong nanti kalau ada masa, *we will go back to you*.

Tuan Lim Lip Eng [Kepong]: Tadi saya dikacau oleh Yang Berhormat Tasek Gelugor.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Selayang dahulu. Lima minit.

11.38 pg.

Tuan William Leong Jee Keen [Selayang]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Butiran 020000 – Hubungan Diplomasi dan Kerjasama Pelbagai Hala, anggaran perbelanjaan telah dikurangkan. Soalan saya ialah bila jawatan Pesuruhjaya Tinggi di Malaysia di Singapura akan diisikan? Ini adalah jawatan kosong selama lebih daripada enam bulan, mengapakah ini tidak diisikan dan bila ia akan diisikan?

Kedua ialah Butiran 030000 – Perancangan Dasar, Strategik dan Penyelidikan, peruntukannya juga telah dikurangkan. Butiran 030200 – Hal Ehwal Maritim juga telah dikurangkan. Pada pandangan saya, ini tidak harus dibuat kerana ketegangan di Laut China Selatan masih meningkat.

Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam]: Yang Berhormat Selayang.

Tuan William Leong Jee Keen [Selayang]: Selain daripada jiran, pertikaian antara Filipina, Vietnam, Brunei dengan Malaysia tidak dapat diselesaikan. Kita juga ada tuntutan daripada China dengan tuntutan *nine-dash line* dan Amerika Syarikat juga telah menghantar kapal perang ke perairan ini...

Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam]: Yang Berhormat Selayang.

Tuan William Leong Jee Keen [Selayang]: ...Dan ini adalah satu situasi di mana kalau tidak dielakkan ada kejadian insiden sengaja atau tidak yang akan mengganggu keamanan dan kestabilan...

Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam]: Yang Berhormat Selayang, minta laluan. Yang Berhormat Selayang, Bukit Mertajam.

Tuan William Leong Jee Keen [Selayang]: Ya.

Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam]: Minta laluan sekejap.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Sila.

Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam]: Terima kasih Yang Berhormat Selayang, terima kasih Tuan Pengerusi. Saya di sini berbincang tentang bab kementerian ini, saya setuju tadi dengan apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat Pasir Mas tentang sokongan kita yang padu terhadap perjuangan Palestin. Tetapi Yang Berhormat Pasir Mas juga telah...

■1140

Dr. Nik Muhammad Zawawi bin Haji Salleh [Pasir Puteh]: Pasir Puteh, Pasir Puteh.

Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam]: Yang Berhormat Pasir Puteh, maaf, maaf. Yang Berhormat Pasir Puteh telah sebut bahawa...

Dr. Nik Muhammad Zawawi bin Haji Salleh [Pasir Puteh]: Hah! Kena tarik balik ini [*Ketawa*]

Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam]: Amerika merupakan *terrorist*. Jadi saya hendak minta Yang Berhormat Selayang, mungkin hendak bertanya kepada kerajaan. Adakah kerajaan bersetuju dengan kenyataan Yang Berhormat Pasir Puteh itu? Adakah kerajaan akan mengambil tindakan terhadap Amerika yang ditakrifkan oleh Ahli Parlimen kerajaan sendiri sebagai *terrorist*? Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Silakan Yang Berhormat Selayang, teruskan.

Tuan William Leong Jee Keen [Selayang]: Terima kasih. Masukkan ini ke dalam ucapan saya supaya kita mendapat satu jawapan.

Saya akan teruskan tentang perkara di Laut China Selatan. Kita melihat baru-baru ini China telah menghantar kapal ke dalam Zon Ekonomi Eksklusif Malaysia. Bukan satu kali tetapi dua kali pada bulan 18 April telah menghantar kapal Haiyang Dizhi 8, satu kapal survei, masuk ke dalam *Economic Exclusive Zone* (EEZ) negara kita untuk membuat survei dan mengganggu kapal Petronas kita. Baru-baru ini di bulan November juga *coast guard vessel* 5402 telah memasuki Zon Ekonomi Eksklusif Malaysia dan juga sekali lagi mengganggu eksplorasi yang telah dibuat.

Pada saya, kita memberikan ucapan tahniah dan syabas kerana Tentera Laut Malaysia telah menghantar dua buah kapal iaitu Bunga Mas 5 dan KD Keris untuk menjaga kedaulatan kita. Ini ialah hanya 44 batu nautika daripada Sarawak. Sebenarnya kita hendak memberikan satu protes terbuka, bukan secara protes tertutup. Kalau kita tidak, ini akan menghakiskan kedaulatan kita. So, saya minta kementerian memberikan jawapan mengapa kita tidak membuat protes yang terbuka.

Perkara yang ketiga ialah tentang Butiran 030300 iaitu Pusat Serantau Asia Tenggara bagi Mencegah Keganasan (SEARCCT) yang kita telah melihat baru-baru ini apa yang telah terjadi di Nice, Perancis. Memang itu ialah satu keganasan yang telah dilakukan. Akan tetapi kita juga tahu bahawa kenyataan yang dikeluarkan oleh Presiden Macron, akibatnya. Ini adalah satu perkara yang mana SEARCCT patut memberikan satu kenyataan dan kajian bahawa keganasan ini bukan disebabkan perkauman atau agama.

Kita hendak mengadakan satu cara komprehensif dan untuk menukar fikiran bahawa bagi menangani masalah keganasan, kita hendak mengadakan satu *shift*, dengan izin, *shift of mind* bahawa *the war of terror cannot be won by military means alone. There must be a step to improve the respect and the dignity and to solve the root cause of all the problems*. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih Yang Berhormat Selayang. Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Arau.

11.43 pg.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya juga ingin memaklumkan bahawa saya akan merujuk Yang Berhormat Ipoh Barat esok kepada Jawatankuasa Hak dan Kebebasan kerana menuduh kami lembu dan kambing, semalam. Akan tetapi saya akan tulis. Saya tidak kompelin di Dewan ini ya. Saya akan tulis.

Pertamanya ialah Butiran 020000 iaitu Hubungan Diplomasi dan Kerjasama Dua Hala. Pertama sekali saya hendak mengucapkan terima kasih dan juga tahniah kepada Kementerian Luar Negeri kerana telah berjaya memulihkan semula hubungan bilateral dengan China dan juga India yang sebelum ini telah dirosakkan oleh Kerajaan PH hingga menyebabkan eksport sawit terjejas dan memberikan kesan kepada pendapatan para pesawit.

Kejayaan Kementerian Luar Negeri telah berjaya meningkatkan jumlah eksport sawit ke China dan juga India. Buktinya, bulan Oktober lalu, lawatan Menteri Luar China, Wang Yi ke Malaysia telah membawa persetujuan China membeli 1.7 juta tan minyak sawit Malaysia sehingga tahun 2023. Malah India juga telah menunjukkan komitmen terhadap sawit negara apabila mengimport semula sawit mentah daripada Malaysia pada bulan Mei yang lalu. Selain daripada itu, India juga telah menurunkan duti kastam bagi minyak sawit mentah kepada 27.5 peratus daripada 37.5 peratus yang telah memberikan impak positif kepada peningkatan ketara harga komoditi.

Faktor ini sekali gus membuktikan bahawa usaha kerajaan khususnya melalui Kementerian Luar Negeri telah membaik pulih hubungan kedua-dua negara yang agak dingin ketika pemerintahan kerajaan sebelum ini yang telah membawa impak positif kepada industri sawit. Jadi tahniah kepada Menteri Luar Negeri dan juga Perdana Menteri yang telah berjaya memulihkan hubungan dengan negara utama yang membeli minyak sawit yang sebelumnya telah dirosakkan oleh Kerajaan PH.

Keduanya ialah Butiran 030200 iaitu Hal Ehwal Maritim. Ini adalah tajuk yang saya telah bawa berkali-kali. Yang Berhormat Selayang tadi juga telah bawa iaitu berhubung dengan pencerobohan kapal pengawal China (CCG) di Beting Patinggi Ali. Saya selalu sebut benda ini berkali-kali dan kita lihat apa yang telah kita lakukan. Kalau mengikut Audit Negara, berdasarkan Laporan Audit yang dikeluarkan pada 14 Julai, China telah menceroboh perairan Malaysia 89 kali di antara 2016 dan juga 2019.

Akan tetapi Laporan Audit ini telah tidak memasukkan pencerobohan yang dibuat pada tahun 2013. Ini disebabkan kehadiran kapal tersebut ialah pada tahun 2013

semasa kerajaan - selepas pilihan raya, jadi kapal itu berada di sana sehingga ke hari ini. Malaysia telah mengeluarkan enam nota bantahan diplomatik kepada China tetapi tidak ada apa-apa respons.

Jadi saya mencadangkan tiga perkara. Pertama, kita kena bawa perkara ini ke Mahkamah Antarabangsa (ICJ) untuk membolehkan kita mencabar China kerana telah menceroboh kawasan Malaysia. Kedua, Malaysia perlu mengeratkan usaha sama ataupun kerjasama pertahanan dengan negara-negara ASEAN untuk memastikan bahawa kawasan negara-negara ASEAN ini harus dilindungi bersama dan bukannya diambil tindakan secara berasingan.

Jadi saya minta supaya benda ini bukan lagi dalam bentuk nota diplomatik, lepas itu tidak ada jawapan tetapi kita kena buat seperti yang dibuat oleh negara Filipina. Saya tidak pasti sama ada Vietnam telah berbuat demikian ataupun tidak tetapi Filipina telah mencabar ke Mahkamah Antarabangsa. Jawapannya ialah pihak China tidak mengiktiraf UNCLOS. Jadi kalau mereka tidak mengiktiraf UNCLOS, ini adalah sesuatu yang merupakan pencemaran kepada perjanjian di peringkat antarabangsa. Akan tetapi pihak China telah pun menjawab sebelum ini kepada Malaysia bahawa mereka mengiktiraf UNCLOS. Kalau mereka mengiktiraf UNCLOS, maka Malaysia kena bawa perkara ini ke ICJ.

Kita tidak boleh mendiadakan diri sebab cara Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu mengiktiraf kawasan itu - hak mana-mana pihak ialah berdasarkan pada penempatan berterusan secara lama. Contohnya ialah 'Bukit Putih', Malaysia yang punya tetapi yang duduk di sana ialah negara lain yang menjaga rumah api. Apabila mereka menuntut di Mahkamah Antarabangsa, Mahkamah Antarabangsa bagi kepada Singapura. Ini kerana mereka berada di sana walaupun itu hak kita.

Beting Patinggi Ali, Malaysia tidak ada di sana. Kapal mereka berada di sana sepanjang masa. Kapal kita berada di sana dari semasa ke semasa tetapi tidak menunjukkan kita berbuat sesuatu kepada pulau kecil ataupun beting itu. Kita kena letakkan sesuatu mercu tanda untuk menunjukkan itu hak Malaysia seperti yang dilakukan di Spratly Islands dahulu. Malaysia berjaya meletakkan beberapa struktur sehingga kita dapat menuntut beberapa pulau di kawasan tersebut. Akan tetapi yang lain kita tidak mempertahankannya, akhirnya pulau ini telah diambil oleh Vietnam, Filipina dan juga China sendiri.

Jadi kita minta supaya sesuatu mercu tanda hendaklah dibuat di Beting Patinggi Ali menunjukkan bahawa ini adalah hak Malaysia. Oleh sebab ini bukan tuntutan bertindih, ini adalah pencerobohan. Ini kena beza. Tuntutan bertindih ia berada di atas garis sempadan dan sebagainya, tetapi ini bukan garis sempadan. Ini terletak jauh

seperti sahabat saya sebutkan tadi, terletak jauh daripada negara China. 4,000 kilometer daripada selatan China. Akan tetapi daripada Bintulu, hanya 80 batu nautika.

■1150

Jadi saya minta supaya kementerian sekali lagi bagi perhatian sebab saya tidak mahu digelar Beting Patinggi Ali pula sebab sentiasa menyebut perkara ini. Ini kerana saya sebut berkali-kali sebab khazanah negara yang besar terletak di kawasan Beting Patinggi Ali. Kalau kita biarkan benda ini, kapal sana berada di sana, semua usaha cari gali minyak dan sebagainya akan terganggu.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih, Yang Berhormat Arau.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Terima kasih, saya menyokong.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih, Yang Berhormat Arau. Sekarang saya jemput Yang Berhormat Hulu Langat, lima minit.

11.50 pg.

Datuk Haji Hasanuddin bin Mohd Yunus [Hulu Langat]: *Bismillahir Rahmanir Rahim. [Menyebut kata-kata aluan dalam bahasa Arab]*

Tuan Pengerusi, Butiran 030300 di bawah Aktiviti Perancangan Dasar Strategi dan Penyelidikan. Peruntukan untuk Pusat Serantau Asia Tenggara Bagi Mencegah Keganasan (SEARCCT) telah dikurangkan kepada hanya RM4,561,500 daripada RM6,040,000 sebelum ini. Mengapakah peruntukan kali ini berkurangan? Adakah SEARCCT sudah tidak relevan lagi kini kerana hanya berfungsi sebagai *talk shop*, dengan izin. Malah sebelum wabak COVID-19 penerbitan, jurnal dan hebahan programnya tidak diketahui umum serta sepatutnya melibatkan pelajar sekolah dan IPTS.

SEARCCT boleh menggembelng kepakaran pesara-pesara pegawai ATM yang berpengalaman, PDRM yang layak serta golongan yang memiliki PhD atau anak tempatan jurusan bidang berkenaan. Saya lihat anak-anak Malaysia lulusan *master* serta PhD hubungan antarabangsa dan analisis strategik lebih dihargai di luar negara sana berbanding di negara kita sendiri. Saya ucap tahniah kepada Yang Berhormat Arau tadi apabila dia mengatakan bahawa kita perlu menjaga hubungan China dan India tetapi hari ini saya percaya *backbenchers* Pasir Putih telah memulakan lembaran baru dengan USA pada hari ini. *[Tepuk]*

Butiran 040400 – peruntukan Hubungan Media dan Diplomasi Awam berkurang kepada hanya RM1,499,000 berbanding...

Dr. Maszlee bin Malik [Simpang Renggam]: Yang Berhormat Hulu Langat minta mencelah?

Datuk Haji Hasanuddin bin Mohd Yunus [Hulu Langat]: Sekejap sahaja.

Dr. Maszlee bin Malik [Simpang Renggam]: Sedikit, sekejap.

Datuk Haji Hasanuddin bin Mohd Yunus [Hulu Langat]: Ya, sila, sila.

Dr. Maszlee bin Malik [Simpang Renggam]: Berhubung dengan Pusat Kajian Keganasan Asia Tenggara tadi, saya menyokong penuh cadangan daripada Yang Berhormat Hulu Langat dan mencadangkan supaya adanya usaha sama rentas kementerian. Seperti mana disebutkan oleh Yang Berhormat Hulu Langat, kita mempunyai pakar-pakar di universiti kita sama ada di UPNM, sama ada di UM, UIA dan sebagainya terangkumkan mereka dalam usaha tersebut. Ini kerana saya pernah terlibat dengan usaha membanteras keganasan sebelum terlibat dalam politik dan saya lihat ini tidak berlaku. Jadi kalau boleh masukkan dengan izin Yang Berhormat Hulu Langat dalam ucapan. Terima kasih.

Datuk Haji Hasanuddin bin Mohd Yunus [Hulu Langat]: Terima kasih, Yang Berhormat Simpang Renggam. Sila masukkan dalam ucapan saya.

Kembali kepada Butiran 040400 – peruntukan Hubungan Media dan Diplomasi Awam, berkurangan kepada RM1,499,000 tadi. Bukankah peruntukan kepada media dan komunikasi patut ditambah bagi memulihkan imej negara yang terjejas akibat skandal *super mega* 1MDB ataupun pertukaran kerajaan yang sangat luar biasa yang berlaku pada hari ini.

Teman-teman Arab saya menghubungi saya dengan mengatakan apakah maksud [*Bercakap dalam bahasa Arab*], maknanya mereka bertanya, "*Macam mana pembentukan Kerajaan Malaysia melalui kerajaan tebuk atap?*", dia kata dalam bahasa Arab. Saya agak sukar untuk menjawab. Saya percaya Kementerian Luar Negeri sepatutnya dengan peruntukan media menerangkan kepada dunia bahawa negara ini bersih daripada rasuah, tanpa ada penipuan dan agensi-agensi seperti GIACC, SPRM, *Global Organization of Parliamentarians Against Corruption* (GOPAC). Sepatutnya Kementerian Luar Negeri memanfaatkan mereka untuk menerangkan bahawa Malaysia benar-benar bersih daripada rasuah.

Kepakaran agensi media tempatan sepatutnya digunakan sepenuhnya dengan dibantu oleh NGO-NGO kita yang bertungkus-lumus ke luar negara. Mereka ini tidak dapat peruntukan yang sewajarnya sedangkan mereka ke luar negara dengan memakai baju yang ada logo Jalur Gemilang terpampang pada baju, vest, poster NGO masing-masing di pentas dunia, khasnya di kawasan bencana serta berkonflik. Melalui belanjawan ini, Wisma Putra seharusnya memberi panduan menghargai dan mencipta peluang kepada golongan profesional di negara sendiri sebagaimana yang dilaksanakan oleh negara luar.

Akhir sekali, saya ingin menyeru kepada seluruh warga kerja Kementerian Luar, khususnya pegawai-pegawai PTD yang menjadi duta besar, pesuruhjaya tinggi di kedutaan kita di luar negara, apakah pemerintah hari ini mempertikaikan pengalaman anda semua? Kebolehan PTD-PTD kita kerana terpaksa melantik Duta Khas Bertaraf Menteri. Mereka sudah bertugas berpuluh tahun di luar, di seberang laut. Apabila dilantik individu bertaraf Menteri akan ada setiausaha politik, SUSK, SUS dan lain-lain yang perlu dibayar gajinya serta elaun tambahan, sedangkan peruntukan itu wajar diberikan kepada pegawai-pegawai kita yang telah bertungkus-lumus di luar negara.

Dr. Maszlee bin Malik [Simpang Renggam]: Yang Berhormat Hulu Langat?

Datuk Haji Hasanuddin bin Mohd Yunus [Hulu Langat]: Silakan, Yang Berhormat Simpang Renggam.

Dr. Maszlee bin Malik [Simpang Renggam]: Pendek sahaja.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Masa sudah habis, sila rumuskan.

Dr. Maszlee bin Malik [Simpang Renggam]: Ini berkaitan dengan Butiran 040200, saya merujuk Yang Berhormat Hulu Langat. Jawapan KPT pada 15 November 2020 berkaitan penutupan lima pejabat *Education Malaysia* di atas dasar rasionalisasi bermula pada 16 Januari 2020. Lima pejabat tersebut di Chicago, Los Angeles, New Zealand, Ho Chi Minh dan Perth. Jadi penjelasan mungkin Yang Berhormat Hulu Langat yang kita ingin tanyakan, apakah mekanisme untuk menggantikan tugas mereka di pihak Wisma Putra sendiri.

Tadi disebutkan tentang penambahan pada duta luar negara dan sebagainya. Sekarang ini kerja yang sedia ada ditutup di atas dasar rasionalisasi, maka apakah mekanisme yang akan dilakukan oleh Wisma Putra untuk menampung tugas kelima-lima *Education Malaysia*. Terima kasih, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Yang Berhormat Hulu Langat masa sudah tamat, rumuskan.

Datuk Haji Hasanuddin bin Mohd Yunus [Hulu Langat]: Tuan Pengerusi, saya menganggap ucapan daripada Yang Berhormat Simpang Renggam sebagai rumusan daripada Yang Berhormat Hulu Langat. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih, Yang Berhormat Hulu Langat. Sekarang saya jemput Yang Berhormat Pontian. Yang Berhormat, saya hendak memaklumkan Menteri akan menjawab pada 12.15 minit.

11.56 pg.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Tuan Pengerusi, pada 10 Jun tahun ini, Timbalan Menteri Luar Negeri telah menghadiri dan mengetuai delegasi

Malaysia untuk hadir ke Mesyuarat OIC mengenai Palestin. Ia telah dipengerusikan oleh Menteri Luar Arab Saudi. Jadi saya ingin bertanya butiran Pertubuhan Kerjasama Islam dan kerjasama serantau OIC apakah keputusan-keputusan utama terutama tentang ancaman Israel ke atas wilayah Palestin yang diputuskan dalam Mesyuarat OIC itu.

Perkara kedua, kerjasama dan pembangunan antarabangsa. Pembangunan ibu kota baharu Indonesia akan bertukar ke Kalimantan Timur dan ini tentunya memberi kesan hubungan dua hala yang lebih rapat, yang lebih dekat, yang lebih akrab antara Indonesia dan juga Malaysia. Saya ingin bertanya kepada Kementerian Luar Negeri. Daripada limpahan pembangunan, apakah cadangan Kementerian Luar yang patut dilakukan oleh negara Malaysia terutama untuk mewujudkan bandar-bandar baru sempadan Sabah dan Sarawak dan bagaimanakah caranya untuk kita mengambil limpahan pembangunan ini untuk manfaat rakyat kita?

Perkara ketiga, Butiran 030100 – Perancangan Dasar. Apakah perancangan Kementerian Luar Negeri untuk mencari *the best practice* negara-negara dalam dunia bagi melawan COVID-19? Sekarang ini ada 65.3 juta kes di seluruh dunia, walaupun demikian 43.9 juta kes sembuh tetapi yang menyedihkan 1.47 juta mati.

Pertama, negara paling banyak COVID-19 ini US, kedua – India, Brazil, Rusia, Perancis, Sepanyol, UK, Itali. Apakah usaha-usaha Kementerian Luar bersama MOSTI, Kementerian Kesihatan juga untuk kita mendapatkan vaksin? Baru-baru ini diumumkan vaksin baru dapat untuk 30 peratus daripada penduduk sedangkan Menteri MOSTI mengatakan bahawa kita perlu 70 peratus untuk dapat *herd immunity*.

Perkara keempat, hal ehwal maritim. Bagaimana tentang sempadan Maritim Malaysia–Indonesia di Selat Melaka. Saya kira ia masih belum dimuktamadkan, bilakah ia akan dimuktamadkan kerana ia mengganggu segala usaha-usaha mencari nafkah rezeki halal oleh nelayan kita yang selalu diambil tindakan oleh kedua-dua polis marin, kedua-dua buah negara.

Perkara kelima, mengenai Pusat Serantau Asia Tenggara bagi Mencegah Keganasan. Pada 7 Ogos 2018, *King Salman Centre for International Peace* (KSCIP) telah dihentikan oleh Menteri Pertahanan pada ketika itu. Namun di Dewan Rakyat ini Yang Berhormat Menteri Luar Negeri pada 5 Ogos 2020 ini, ada semacam indikasi bahawa pusat ini akan dibuka semula. Bersama dengan Kementerian Pertahanan apakah status terkini tentang KSCIP.

Perkara keenam ialah hubungan diplomasi dan kerjasama dua hala. Pihak kedutaan tentu ada KPI tertentu pada duta-duta dan pegawai-pegawai sebagaimana mereka berjaya mencari pasaran-pasaran baharu untuk produk *made in Malaysia* dan juga komoditi utama sawit, getah dan lain-lain dan boleh beri contoh-contoh kejayaan.

■1200

Saya difahamkan bahawa Malaysia sedang berusaha habis-habisan untuk menamatkan diskriminasi minyak sawit oleh Kesatuan Eropah. Adakah Malaysia dan Indonesia akan mewujudkan sebuah jawatankuasa kerja demi melawan diskriminasi itu bagi pihak kebajikan sekitar 600,000 pekebun kecil sawit di negara ini?

Perkara ketujuh, pejabat perwakilan luar negara. Kita ada beberapa banyak pejabat di luar negara ini. Saya ingin bertanya, berapa banyak yang bangunan-bangunan kedutaan itu yang milik Malaysia sendiri yang kita telah beli dan berapa banyak yang disewa? Apa perancangan kerajaan jika kita berhasrat untuk lama di negara itu? Tentunya kita ada hasrat untuk membeli tanah-tanah untuk dijadikan bangunan-bangunan kedutaan dan kita rugi menyewa. Eloklah dibeli jika kita ada peruntukan.

Perkara kelapan ialah mengenai bertugas ke luar negara sebanyak RM11.5 juta ini saya kira tugas itu tentunya terencat ketika zaman COVID-19 ini. Jadi, apakah cadangan kementerian jika peruntukan itu kita boleh guna, contohnya untuk mempromosikan produk-produk *Made In Malaysia* secara besar-besaran di luar negara? Ini kerana pegawai-pegawai tidak lagi pergi ke luar negara.

Perkara kesembilan, sumbangan tahunan pertubuhan antarabangsa. Nampak ada RM90 juta. Setiap tahun kita menyumbang. Saya hendak tahu, pertubuhan mana yang kita berikan sumbangan ini dan apakah manfaatnya?

Akhir, Butiran 050700 – *Institute of Strategic and International Studies Malaysia* (ISIS). Kelihatan tidak ada lagi peruntukan pada tahun depan. Mengapa ISIS kita ini—sebenarnya ISIS kita ini lebih awal daripada ISIS yang dianggap sebagai gerakan pengganas itu. ISIS kita ini sudah lama. Kenapa tidak diberi peruntukan? Adakah akan diambil alih oleh agensi dan kementerian lain? Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih Yang Berhormat Pontian. Sekarang saya jemput Yang Berhormat Padang Serai.

12.02 tgh.

Tuan Karupaiya a/l Mutusami [Padang Serai]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Maksud B.13 Kementerian Luar Negeri.

Saya memerlukan penjelasan berkaitan belanjawan di bawah Kementerian Luar Negeri yang mana telah menerima peruntukan sebanyak RM778 juta dalam memastikan polisi dan dasar luar Malaysia terus terjamin. Maka persoalan pertama yang saya memerlukan penjelasan daripada pihak kementerian adalah mengenai kedaulatan dan keselamatan negara di perairan Laut China Selatan.

*[Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Sri Azalina Othman Said) **mempengerusikan Jawatankuasa]***

Kita sedia maklum bahawa terdapat konflik yang berlaku antara negara besar terutama di antara Amerika Syarikat dan China. Semua ini berpunca akibat peningkatan aktiviti ketenteraan antara negara dalam percubaan meluaskan kawasan perairan perdagangan ini. Apa yang merisaukan saya adalah mengenai langkah agresif yang dilakukan oleh China dengan membina kemudahan tentera di beberapa buah kawasan terumbu karang sebagai salah satu cara mengukuhkan kuasa di perairan tersebut.

Butiran 020300. Berdasarkan Belanjawan 2021, kementerian memperoleh peruntukan hampir RM1 juta dalam aspek keselamatan pelbagai hala. Maka persoalan saya kepada kementerian, apakah langkah yang telah dibuat dan akan dibuat dalam memastikan kepastian Malaysia di Laut China Selatan agar terus terjamin?

Persoalan kedua yang memerlukan penjelasan adalah mengenai *Regional Comprehensive Economic Partnership*. Untuk makluman rakan-rakan, RCEP dianggotai oleh negara ASEAN dengan lima buah negara lain iaitu Australia, New Zealand, China, Korea dan Jepun. Sudah pasti dengan perjanjian ini, Malaysia akan memperoleh manfaat yang besar jika dilakukan dengan betul dan sistematik. Kita mesti sedar bahawa negara kita adalah kecil jika berbanding dari sudut ekonomi dengan negara seperti China, Korea, Jepun, Australia, Singapura dan Indonesia. Akan tetapi, perkara ini boleh diselesaikan jika kita bergerak sebagai satu entiti iaitu ASEAN.

Butiran 020800. Kementerian memperoleh peruntukan sebanyak RM2.5 juta dalam pengurusan Sekretariat Kebangsaan ASEAN di Malaysia. Kita dapat lihat bahawa kerajaan bersetuju dengan saya bahawa bergerak sebagai ASEAN dalam perdagangan global akan banyak membantu Malaysia. Maka persoalan saya, apakah pelan strategik yang peranan Malaysia mainkan dalam memperkukuhkan kerjasama ASEAN terutama di era Joe Biden ini?

Seterusnya, Padang Serai ingin bertanyakan, apakah dasar Malaysia mengenai Israel? Kita dapat melihat bahawa Israel terus tidak mempedulikan desakan antarabangsa mengenai penempatan haram yang dibina di Palestin. Sekian lama bahawa Malaysia terus mengambil pendirian untuk tidak mengiktiraf Israel sebagai negara untuk melihat satu usaha mengancam tindakan mereka kepada Palestin.

Dalam minggu ini telah *viral* tentang satu pembunuhan saintis dari Iran yang merupakan pengasas program nuklear Iran. Maka persoalan yang mahu dijelaskan bahawa adakah Duta Khas Timur Tengah akan terus berdiam diri dan memakan gaji buta sahaja? Jika Kementerian Luar Negeri sudah cukup untuk menguruskan perkara ini, sudah tiba masa untuk pecat semua duta khas dan elaun duta tersebut boleh

disalurkan kepada rakyat yang lebih memerlukan berbanding duta khas yang hanya mendiamkan diri sahaja.

Sekian, terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Dato' Sri Azalina Othman Said]: Yang Berhormat Bachok.

12.06 tgh.

Tuan Nik Mohamad Abduh bin Nik Abdul Aziz [Bachok]: Terima kasih Tuan Pengerusi. *Bismillahi Rahmani Rahim. [Membaca selawat]*

Saya terus kepada Butiran 020800 – Sekretariat Kebangsaan ASEAN-Malaysia. Saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi tahniah atas kejayaan pihak kerajaan kerana berjaya mencapai kata sepakat dalam Kerangka Kerja Pelan Pemulihan Komprehensif ASEAN seperti mana yang dibentangkan oleh Perdana Menteri ketika Sidang Kemuncak ASEAN+3 mengenai COVID-19 pada April yang lalu. Ia suatu yang sangat penting bagi membentuk kerjasama *regional* yang kukuh ketika negara memastikan peranan ASEAN dapat diperkukuhkan dalam melawan pandemik COVID-19 ini.

Dalam butiran ini, saya ingin menyentuh mengenai isu pertikaian panjang di Laut China Selatan. Saya setuju dan ia telah menjadi pendirian Wisma Putra sejak sekian lama bahawa sebarang konflik yang berlaku melibatkan Laut China Selatan wajar diselesaikan secara aman dan berpandukan peruntukan dalam UNCLOS itu sendiri.

Soalan saya. Adakah kerajaan berhasrat untuk membentuk kerjasama mini lateral di antara pihak-pihak negara penuntut sahaja dalam kalangan ASEAN bagi memastikan proses rundingan dengan China berlaku secara efisien?

Butiran 020400 – Pertubuhan Kerjasama Islam (OIC) dan Kerjasama Serantau. Saya mengucapkan tahniah atas ketegasan dan keberanian kerajaan yang merupakan satu-satunya negara anggota yang mengecam isu karikatur Nabi Muhammad SAW dalam sidang kemuncak ASEAN baru-baru ini. Ia merupakan satu langkah yang tegas dalam menghadapi ancaman global terhadap isu *Islamophobia* khususnya terhadap dunia Islam.

Soalan saya. Sejauh mana penglibatan OIC dalam menghadapi isu *Islamophobia* di peringkat global dan rancangan kementerian bagi menggerakkan OIC supaya turut bertindak aktif dalam isu ini?

Butiran 030200 – Hal Ehwat Maritim. Saya ingin menyentuh secara ringkas mengenai isu maritim di antara Malaysia dan negara jiran Singapura. Tahun lalu, kerajaan telah menubuhkan *Malaysia-Singapore Joint Technical Committee* (MSJTC) bagi merundingkan garisan sempadan di antara Malaysia dan Singapura selepas pertikaian yang berlaku terhadap Pulau Batu Putih.

Seperti mana yang kita sedia maklum, Batu Putih telah jatuh ke tangan Singapura meskipun secara zahirnya ia lebih dekat dengan negara kita. Malah kerajaan sebelum ini juga mengambil sikap untuk tidak melakukan rayuan walaupun berpeluang melakukannya pada tahun 2018 yang lalu.

Oleh itu, saya mohon kementerian menjelaskan perkembangan terkini proses lukisan sempadan tersebut ketika ini dan sasaran proses ini dapat disiapkan bagi mengurangkan lagi pertembungan sempadan maritim di antara Malaysia dan Singapura pada masa akan datang.

Butiran 030100 – Perancangan Dasar. Masih lagi isu berkaitan dengan Singapura. Saya ingin tahu mengenai rancangan kementerian sebelum daripada ini bagi menyemak semula harga air mentah yang dijual kepada Kerajaan Singapura. Ketika ini, Perjanjian Air Sungai Johor 1962 menyebabkan penjualan air mentah kepada Singapura jauh lebih murah berbanding penjualan air terawat balik Singapura kepada Johor.

■1210

Jadi, apakah kementerian masih meneruskan semakan harga air tersebut sesuai dengan klausa 14 Perjanjian 1962 itu yang memberi ruang kepada kerajaan untuk menyemak harga selepas 25 tahun penguatkuasaannya? Mohon penjelasan pihak kerajaan.

Butiran 050700 – Institute of Strategic and International Studies Malaysia (ISIS) sama seperti Yang Berhormat Pontian. Saya ingin mendapatkan penjelasan kementerian mengapakah tiada peruntukan akan disalurkan kepada ISIS berbanding RM2.5 juta pada Anggaran Tahun 2020. Apakah pertimbangan kerajaan untuk menarik balik peruntukan terhadap ISIS Malaysia bagi tahun hadapan?

Akhir sekali, Butiran 040100 – Bahagian Asia. Saya turut ingin menyentuh mengenai tuntutan Sabah – terhadap Sabah walaupun ia telah dijelaskan oleh pihak kementerian dalam sesi penggulungan yang lepas. Dalam isu ini, saya menyokong penuh pendirian kerajaan untuk tidak sesekali berkompromi dalam isu tuntutan Sabah seperti yang disuarakan oleh sebahagian pegawai tinggi Kerajaan Filipina sebelum daripada ini.

Cuma saya ingin mendapatkan penjelasan lanjut kerajaan, apakah rancangan kementerian bagi memastikan tuntutan-tuntutan tersebut tidak lagi dibangkitkan pada masa akan datang serta rancangan memperkukuhkan kedaulatan negara termasuk di pulau-pulau yang ada berdekatan dengan perairan negara ketika ini seperti Pulau Pisang. Walaupun Pulau Pisang tersebut adalah masih sah di bawah kedaulatan negara, tetapi Singapura mempunyai *effective control* dengan penguasaan terhadap rumah api di sana.

Jadi, perkara ini boleh menyebabkan risiko dan kes Batu Putih tidak mustahil berulang jika tidak ditangani dengan baik. Terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Dato' Sri Azalina Othman Said]: Akhir sekali Yang Berhormat Batu Kawan.

12.11 tgh.

Puan Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan]: Terima kasih kepada Tuan Pengerusi. Saya ingin ucapkan tahniah kepada semua pegawai dan Kementerian Luar Negeri yang telah menandatangani moratorium United Nations mengenai isu hukuman gantung dan juga pada 30 September telah meratifikasi Triti Pengharaman Senjata Nuklear (*Treaty on the Prohibition of Nuclear Weapons*) tahun ini.

Tuan Pengerusi, saya ingin bangkitkan Butiran 020200 – Hak Asasi Manusia dan Kemanusiaan. Mengikut belanjawan, wujud satu pengurangan daripada sejumlah RM1.02 juta kepada RM868,000. Saya bersetuju dengan rakan saya Yang Berhormat Hulu Langat memandangkan isu hak asasi manusia adalah satu isu yang sangat penting dan lokasi Malaysia dalam benua ini atau rantau Asia Tenggara ini, sangat-sangat mustahak untuk negara Malaysia menjadi sebuah negara yang memperjuangkan hak asasi manusia. Maka, saya ingin tahu apakah justifikasi pengurangan terhadap butiran ini?

Seterusnya Butiran 050500 – Sumbangan Tahunan Pertubuhan Antarabangsa sebanyak RM90 juta. Saya ingin tahu dan minta kementerian senaraikan berapakah pecahan sumbangan tersebut dan adakah sumbangan ini diberikan atau yang kami terima? Sekiranya ia adalah sumbangan daripada Malaysia kepada pertubuhan antarabangsa, maka saya mohon untuk senaraikan semua pertubuhan antarabangsa yang menerima sumbangan dari Malaysia dan apakah tujuan sumbangan-sumbangan tersebut?

Tuan Pengerusi, seterusnya saya menyentuh Butiran 050600 – Program Seranta Diplomasi Awam dan Penerangan. Saya dapati bahawa wujud peningkatan daripada sejumlah RM550,000 sehingga sebanyak RM1 juta. Saya ingin tahu apakah KPI yang telah ditetapkan untuk kita lihat sama ada ia memberikan justifikasi untuk peningkatan sehingga RM1 juta ini? Ini kerana, setahu saya apa yang berlaku dalam Kementerian Luar Negeri, yang kami tahu hanya yang keluar dalam surat khabar.

Saya rasa tidak ada portal-portal media lain yang memberikan perhatian atau *highlight* pencapaian, isu-isu, tugas-tugas yang Malaysia berikan, menerima atau partisipasi, *their participation* dalam agenda-agenda untuk memperkukuhkan perhubungan diplomatik antarabangsa dan sebagainya. *We do not really know what is happening*. Jadi saya harap, saya nampak penerangan di sini – saya harap kami juga

dapat tahu apakah rancangan kementerian satu tahun ini dengan melihat kepada kenaikan dalam peruntukan tersebut.

Seterusnya saya ingin menyentuh mengenai Institute of Strategic and International Studies Malaysia. Tuan Pengerusi, ini merupakan *premier think tank* yang ditubuhkan pada tahun 1983. Jadi, saya hairan daripada tahun sebelum ini di bawah Pakatan Harapan dengan peruntukan sejumlah RM2.5 juta itu, tetapi kali ini kosong. Saya juga ingin tahu badan mana yang akan mengambil alih tugas-tugas atau tanggungjawab oleh ISIS ini. Saya ingin tahu di Dewan yang mulia ini agar Yang Berhormat Menteri memberikan satu jawapan mengapa dipotong peruntukan kepada ISIS ini.

Seterusnya saya menyentuh Butiran 060000 – *One-off*. Kita lihat lebih RM5 juta diperuntukkan untuk *one-off* dan juga lebih RM4 juta diperuntukkan untuk aset dan kenderaan. Saya mohon satu penjelasan sebab dulu tidak ada bawah Pakatan Harapan, kali ini ada RM4 juta lebih. Jadi, saya rasa itu amaun yang sangat besar dan saya ingin tahu justifikasi *one-off* ini – berjuta-juta ringgit untuk *one-off*.

Tuan Pengerusi, seterusnya saya lihat pengurangan dalam Butiran 030300 – SEARCCT. Saya ingin tahu mengapa ada pengurangan untuk agensi ini dan saya ingin tahu KPI mereka. Saya bersetuju sekali lagi dengan rakan saya Yang Berhormat Hulu Langat yang membangkitkan tentang apa tugas mereka, macam mana kita hendak tahu dan – setahu saya, salah satu usaha agensi ini adalah untuk memberikan pendedahan awal mengenai idea-idea *radicalism*, *extremism* dan pandangan-pandangan yang jauh daripada nilai-nilai murni rakyat Malaysia ini kepada anak-anak muda. Akan tetapi, saya tidak nampak di mana promosi-promosi ini dibuat, bagaimana anak-anak muda ini dapat tahu mengenai hak asasi manusia, dapat tahu mengenai Universal Declaration of Human Rights, dapat tahu mengenai triti-triti antarabangsa.

Tuan Pengerusi, di sini juga saya ingin menyatakan bahawa saya bersama dengan rakan-rakan mengucapkan terima kasih di atas semua bantuan yang diberikan oleh Kementerian Luar Negeri pada kala pandemik untuk membantu keluarga-keluarga bersama-sama, sama ada daripada negara Malaysia untuk berjumpa dengan ahli-ahli keluarga mereka di negara lain ataupun dari negara luar untuk memasuki Malaysia. Saya rasa banyak perundingan telah berlaku dan kami ucapkan terima kasih kepada Kementerian Luar Negeri. Akan tetapi, saya rasa ada ruang untuk pembaharuan.

Akhir kata – ya sila.

Tuan Syed Ibrahim bin Syed Noh [Ledang]: Terima kasih Yang Berhormat Batu Kawan.

Tuan Pengerusi [Dato' Sri Azalina Othman Said]: Yang Berhormat, sudah lebih masa Yang Berhormat.

Tuan Syed Ibrahim bin Syed Noh [Ledang]: Ya, sedikit sahaja. Beberapa saat sahaja. Tadi dibangkitkan berkenaan dengan rakyat Malaysia di luar negara. Kita juga ingin mungkin dapatkan penjelasan berkenaan dengan rakyat Malaysia di Singapura yang mendakwa tidak dibenarkan pulang menerusi Peraturan Ulang Alik Berkala. Jadi saya harap ada tindakan – minta penjelasan daripada Kementerian Luar, apakah perkembangan perbincangan di antara Wisma Putra dan Kementerian Luar Singapura. Terima kasih.

Puan Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya mohon untuk celahan daripada Yang Berhormat Ledang dimasukkan dalam ucapan saya dan jawapan daripada kementerian. Saya ingin sarankan di sini, akhir kata bahawa Kementerian Luar Negeri merupakan duta ke seluruh dunia. Imej negara terletak di bahu kementerian, semua agensi, kakitangan serta pegawai-pegawai di kementerian. Maka, saranan saya adalah masih tidak terlewat lagi untuk kita *rebranding* Malaysia sebagai sebuah negara *Wasatiyyah*, negara majmuk milik kita semua. Bukan negara yang memberi platform kepada ekstremis, *terrorist* dan golongan radikal untuk terus bermaharajalela. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Dato' Sri Azalina Othman Said]: Terima kasih semua Ahli Yang Berhormat. Sekarang saya jemput Yang Berhormat Menteri ataupun Timbalan untuk menjawab. Selama 15 minit ya. Silakan.

12.19 tgh.

Timbalan Menteri Luar Negeri [Dato' Kamarudin Jaffar]: *Assalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh.* Salam sejahtera. Pertama-tamanya saya berdiri di sini diamanahkan oleh Yang Berhormat Menteri Luar Negeri untuk menjawab soalan-soalan yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat di peringkat perbahasan jawatankuasa ini. Oleh itu, saya harap dapat mencatat dan dapat memberikan penerangan dalam masa selama 15 minit yang diberikan.

Pertamanya kita mengucapkan berbanyak terima kasih kepada seramai lapan orang Ahli Yang Berhormat yang berucap tadi. Saya mulakan dengan Yang Berhormat Pasir Puteh yang membangkitkan isu – yang sebenarnya membangkitkan isu-isu yang kita sokong dan kita berikan perhatian iaitu berkaitan dengan ekonomi, alam sekitar pelbagai hala, hak asasi manusia, keselamatan pelbagai hala dan kerjasama serantau. Secara umumnya, kita amat-amat seialiran dengan Yang Berhormat Pasir Puteh itu. Berkaitan dengan isu....

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Timbalan Menteri.

Dato' Dr. Xavier Jayakumar a/l Arulanandam [Kuala Langat]: Timbalan Menteri, boleh tanya..

■1220

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Sedikit, saya hendak tanya sebab Yang Berhormat Timbalan Menteri memberi maklum balas kepada ucapan Yang Berhormat Pasir Puteh, apakah pendirian kerajaan. Adakah Amerika Syarikat diisytiharkan sebagai *terroristic*?

Dato' Kamarudin Jaffar: Saya akan jawab satu persatu, ini baru ayat pertama, kedua, aluan dahulu. Saya akan pergi dan kalau tak puas hati lagi saya ada *insya-Allah*.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Terima kasih, baik terima kasih, saya tunggu, saya tunggu.

Tuan Pengerusi [Dato' Sri Azalina Othman Said]: Yang Berhormat, macam inilah Yang Berhormat. Yang Berhormat jawab 10 minit tanpa diganggu kemudian buka untuk soalan. Okey, silakan.

Dato' Kamarudin Jaffar: Saya cuba Tuan Pengerusi. Pertamanya, berkaitan dengan masalah kita dengan jiran kita, alam sekitar dengan Indonesia, masalah banjir dengan negara Thailand, sebenarnya ini adalah di bawah khususnya Kementerian Alam Sekitar dan Air. Oleh itu, keyakinan kita, usaha dan operasi yang berkaitan dengan ini sedang dan akan terus dijalankan.

Keduanya berkaitan dengan OIC tadi, sebagaimana yang diperlukan atau ditegaskan oleh Yang Berhormat Pasir Puteh, saya sealign dengan Yang Berhormat. Betapa perlunya kita mengambil bahagian yang aktif dan kita juga senantiasa dalam konteks yang dibangkitkan berkaitan dengan negara Palestin, kita beberapa kali dan berpuluh kali telah menyatakan pendirian kita dalam berbagai-bagai forum antarabangsa dan dalam negara berkaitan dengan isu itu.

Jadi yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Jelutong tadi berkaitan dengan apa yang disebutkan oleh Yang Berhormat Pasir Puteh berkaitan dengan negara Amerika. Saya ingin jelaskan bahawa hubungan kita dengan negara Amerika adalah hubungan dua hala antara dua negara yang bebas dan merdeka. Amerika mempunyai dasarnya, mempunyai tindakannya, kita mempunyai dasar kita yang bebas tanpa dipengaruhi oleh mana-mana negara kuasa besar atau tidak. Jadi oleh sebab itu, atas pendirian tersebut kalau ada tindakan oleh mana-mana negara yang kita tidak berpuas hati kita mungkin memberi pandangan dan ulasan kita. Jadi kita tidak perlu memberikan pengisytiharan berkaitan dengan negara pada keseluruhan atau pada umumnya.

Keduanya berkaitan dengan Yang Berhormat membangkitkan...

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Yang Berhormat, so maksudnya kenyataan yang dibuat oleh Yang Berhormat Pasir Puteh itu Yang Berhormat setuju adalah tidak betul untuk mentafsirkan Amerika sebagai negara pengganas.

Dato' Kamarudin Jaffar: Saya tidak perlu memberikan ulasan tentang apa yang disebutkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat dalam Dewan ini. Saya sekadar menyatakan itu pendirian kementerian kita dan kerajaan kita bahawa kita mempunyai hubungan dua hala, pelbagai hala dengan berbagai-bagai negara dan pendirian negara-negara lain itu adalah hak...

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Maksudnya Yang Berhormat Timbalan *Speaker* tidak setuju kalau Yang Berhormat Timbalan *Speaker* setuju maka kedutaan Timbalan Menteri setuju maka kedutaan terpaksa kita arahkan untuk ditutup.

Dato' Kamarudin Jaffar: Perkara saya sebutkan tadi, Tuan Pengerusi, tidak ada keputusan untuk tutup mana-mana kedutaan dalaman tak ada.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Maksudnya Yang Berhormat Timbalan Menteri tidak setuju dengan kenyataan Yang Berhormat Pasir Puteh untuk mentafsirkan Amerika sebagai negara pengganas. Betul?

Dato' Kamarudin Jaffar: Saya dan kementerian dan kerajaan tidak perlu memberikan ulasan tentang mana-mana ucapan yang diberikan oleh mana-mana Ahli Yang Berhormat yang kita perlu berikan pendirian umum kita iaitu kita mempunyai dukungan...

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Yang Berhormat Timbalan Menteri, saya tanya sebab kita masih lagi mengharapkan kerjasama dengan Amerika untuk dapatkan balik sejumlah wang yang begitu besar yang terlibat dalam skandal 1MDB. Kalau kita tafsirkan Amerika sebagai pengganas, wang itu takkan dikembalikan ke Malaysia dan tidak boleh digunakan untuk manfaat rakyat.

Dato' Kamarudin Jaffar: Yang Berhormat, saya tidak kata kita tafsirkan dasar Amerika apa-apa sekalipun. Saya katakan bahawa Amerika ada dasar dia, kita ada dasar kita dan saya tidak perlu mengulang apa yang disebutkan oleh mana-mana Yang Berhormat dapatkannya.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Akan tetapi Yang Berhormat Timbalan Menteri perlu tidak bersetuju kita bekerjasama dengan Amerika, kita perlu kerjasama dengan Amerika.

Tuan Pengerusi [Dato' Sri Azalina Othman Said]: Yang Berhormat Jelutong, Yang Berhormat, ini bukan mahkamah. Saya faham. Yang Berhormat, Yang Berhormat macam ini Yang Berhormat.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Tuan Pengerusi, bukan mahkamah.

Tuan Pengerusi [Dato' Sri Azalina Othman Said]: Macam ini Yang Berhormat.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Tetapi penting Tuan Pengerusi, terima kasih. Akan tetapi penting untuk kita untuk menjelaskan kedudukan kita kerana perkara ini akan dirakamkan dan pihak media massa akan melaporkan perkara ini. Kalau kita tafsirkan Amerika sebagai pengganas, wang-wang IMDB yang diambil dari negara kita tidak akan dikembalikan.

Dato' Kamarudin Jaffar: Nampaknya Yang Berhormat Jelutong tidak faham apa yang saya sebutkan. Saya kata saya tidak mentafsirkan Amerika Syarikat sebagai apa-apa pun.

Tuan Pengerusi [Dato' Sri Azalina Othman Said]: Yang Berhormat, Yang Berhormat Timbalan Menteri biar saya terangkan. Yang Berhormat sebagai Yang Berhormat Timbalan Menteri ataupun mana-mana menteri boleh memilih untuk jawab ataupun tidak.

Dato' Kamarudin Jaffar: Okey.

Tuan Pengerusi [Dato' Sri Azalina Othman Said]: Kalau tak nak jawab dalam Dewan, boleh jawab secara bertulis.

Dato' Kamarudin Jaffar: Okey.

Tuan Pengerusi [Dato' Sri Azalina Othman Said]: Kalau Yang Berhormat sekarang tinggal sembilan minit 28 saat, saya takkan tambah masa.

Dato' Kamarudin Jaffar: Jadi itulah.

Tuan Pengerusi [Dato' Sri Azalina Othman Said]: Jadi kalau Yang Berhormat hendak layan terpulanglah. Kalau Yang Berhormat tak nak layan pun terpulang. Akan tetapi Yang Berhormat semua mesti tahu dalam peraturan mesyuarat kita tak boleh paksa Menteri menjawab macam dalam mahkamah. Terpulang kepada Menteri. Sebab itu prosedur dalam peraturan mesyuarat. Silakan Yang Berhormat, sembilan minit 11 saat.

Dato' Kamarudin Jaffar: Saya sebolehnya, ya terima kasih Tuan Pengerusi. Seterusnya, Yang Berhormat Selayang membangkitkan isu berkaitan dengan kurangnya perbelanjaan untuk beberapa perkara. Secara umumnya, ini terpaksa berlaku bukan sahaja oleh kementerian kita tetapi kementerian-kementerian lain kerana pengurangan yang diputuskan oleh kerajaan untuk menumpukan kepada COVID-19. Oleh itu, kementerian kita juga kena dikurangkan perbelanjaannya.

Khusus berkaitan dengan kedudukan pelantikan pesuruhjaya tinggi kita ke Singapura, sukacita saya maklumkan bahawa proses pelantikan Pesuruhjaya Tinggi kita ke Singapura sedang berlaku malah telah pun berlaku dan ia mengambil sedikit masa kerana proses pelantikan pesuruhjaya dan duta-duta ini kenalah melalui proses yang agak teliti. Walau bagaimanapun sudah ada calonnya, sudah ada proses untuk melantiknya.

Seterusnya...

Tuan Charles Anthony Santiago [Klang]: Yang Berhormat Timbalan Menteri, Yang Berhormat Timbalan Menteri. Minta depan sini, Klang.

Tuan Pengerusi [Dato' Sri Azalina Othman Said]: Terpulang kepada Yang Berhormat, hendak jawabkah?

Dato' Kamarudin Jaffar: Okey saya bagi satu sahaja.

Tuan Charles Anthony Santiago [Klang]: Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri, Tuan Pengerusi. Saya bangkit isu berkait dengan Singapura dan saya telah dapat beberapa aduan telefon dari Singapura khususnya pekerja Malaysia yang sekarang terpaksa tinggal dalam suasana kemiskinan. Saya diberitahu juga bahawa walaupun mereka telah panggil kepada Duta Malaysia ataupun ke *Embassy Malaysia* tetapi langsung tidak ada apa-apa respons ke atas masalah mereka. Mungkin menteri boleh memberikan penjelasan.

Juga minta duta kita dekat sana ataupun wakil kita dekat sana untuk berhubung dengan pihak berkenaan dan tolong mereka. Terima kasih.

Dato' Kamarudin Jaffar: Terima kasih Yang Berhormat Klang. Kita memberikan perhatian. Maklumat rasmi yang kita ada ialah bahawa jumlah sebenarnya rakyat Malaysia yang dikatakan gelandangan di Singapura itu adalah sebilangan kecil sahaja. Manakala yang besarnya ialah warganegara negara-negara asing yang lain. Kita ada peraturan-peraturan perjalanan yang bebas kepada mereka tetapi jika ada masalah Yang Berhormat sendiri boleh menghubungi saya dan berikan kes-kes yang khusus supaya kita dapat cuba membantu mereka ini. Jadi ada prosedurnya yang jelas dan mungkin tidak diketahui tetapi jika juga perlu saya secara kementerian akan membantu mereka.

Seterusnya berkaitan dengan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Selayang. Isu yang dibangkitkan juga oleh pihak-pihak yang lain yang berucap berkaitan dengan Laut China Selatan. Beberapa Yang Berhormat membangkitkan ini saya suka maklumkan bahawa proses perjalanan, perhubungan kita dengan negara China khususnya berkaitan dengan Laut China Selatan ini sedang berjalan dan sebagaimana Yang Berhormat Menteri telah pun umumkan dalam ucapan terkini beliau semasa menutup perbahasan peringkat dasar dahulu.

Kita mempunyai berbagai-bagai cara untuk kita berhubung dengan negara China berkaitan dengan isu ini. Saya setuju bahawa ia tidaklah semudah itu untuk diselesaikan. Akan tetapi walau apa pun kita akan terus membincangkan perkara ini di pelbagai peringkat dan medan sekali lagi supaya perkara ini akan terus dijadikan isu yang kita akan bangkitkan. Sebagaimana juga Yang Berhormat Selayang sebutkan tadi beberapa hari yang lalu, seminggu yang lalu ada kes yang khusus dan dalam kes itu

Yang Berhormat Menteri MINDEF, Menteri Kanan Pertahanan mungkin akan sentuhnya kemudian. Ada kita membuat tindakan dan itu telah pun memberikan kesan yang tertentu tetapi masih lagi terhad.

Jadi operasi dan usaha ini akan terus berjalan di peringkat diplomasi dan di peringkat-peringkat yang lain.

Tuan William Leong Jee Keen [Selayang]: Yang Berhormat.

Dato' Kamarudin Jaffar: Ya.

Tuan William Leong Jee Keen [Selayang]: Soalan saya ialah adakah kita membuat protes secara terbuka supaya rakyat juga tahu apa yang telah berlaku?

Dato' Kamarudin Jaffar: Tuan Pengerusi, kita memilih setakat ini untuk membuat perhubungan diplomasi melalui nota-nota diplomasi. Akan tetapi kita tidak menutup ruang kita untuk bertindak apabila keadaannya memerlukan. Terima kasih.

Berkaitan dengan *Southeast Asia Regional Centre for Counter-terrorism* (SEARCCT) sekali lagi kita— isu ini dibangkitkan oleh beberapa Ahli Yang Berhormat. Sukacita saya maklumkan pengurangan belanjawan adalah kerana pengurangan yang berlaku kepada keseluruhan kementerian tetapi saya bersetuju bahawa isu keganasan ini mestilah dihadapi dengan pelbagai cara.

Berkaitan dengan SEARCCT secara umumnya juga ditimbulkan perlunya aktiviti dimaklumkan lagi itu saya akan beri perhatian tetapi saya boleh maklumkan juga bahawa saya sendiri, Yang terhormat Batu Kawan telah terlibat dalam satu program SEARCCT yang dianjurkan oleh Majlis Belia Sabah beberapa bulan yang lalu dengan anak-anak muda. Jadi kita akan cuba mendedahkan lagi anak-anak muda kita, rakyat kita kepada pemikiran yang berbentuk bagaimana hendak mencegah daripada berlaku keganasan dalam masyarakat negara kita dan di seluruh dunia.

■1230

Seterusnya, berkaitan dengan Yang Berhormat Arau. Saya ucapkan terima kasih sekali lagi. Saya amat menghormati dan mengiktiraf peranan Yang Berhormat Arau yang bersuara dengan lantang berkaitan dengan perkara-perkara khususnya Laut Cina Selatan. Saya bersama dengan beliau melihat dan memerhatikan bahawa kejayaan yang agak besar setakat ini dalam hubungan antarabangsa khususnya berkaitan dengan negara China dan India dalam bidang ekonomi telah pun berjaya dan berlaku. Kita juga menjawab satu lagi teguran yang diberikan oleh Ahli Yang Berhormat yang lain tentang sawit ini bukan sahaja dengan negara China dan India. Kita juga sebagaimana yang ditanyakan oleh Yang Berhormat Pontian, bekerjasama dengan Kesatuan Eropah untuk kita bersama-sama dengan Indonesia...

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Yang Berhormat.

Dato' Kamarudin Jaffar: Sekejap...memastikan bahawa kita dapat memberikan kepada Kesatuan Eropah satu pendirian yang sama untuk memastikan bahawa kelapa sawit tidak lagi dikenakan diskriminasi oleh pihak Eropah.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Yang Berhormat, sedikit sahaja. Adakah kita akan merujuk pencerobohan China ini ke Mahkamah Antarabangsa?

Dato' Kamarudin Jaffar: Jawapan sebentar yang boleh saya berikan ialah bahawa kes ini telah pun sebagaimana Yang Berhormat pun tahu dibawa oleh sebuah negara iaitu Filipina. Walaupun Filipina berjaya tetapi dari segi umumnya tindakan yang perlu kita lakukan berkaitan dengan negara China dan Laut China selatan ini masih terus berjalan bukan satu kaedah sahaja. Pelbagai kaedah akan kita anggap sebagai sah untuk kita lakukan demi untuk kita menjaga kepentingan wilayah kita.

Dato' Dr. Xavier Jayakumar a/l Arulanandam [Kuala Langat]: Yang Berhormat Menteri. Boleh saya tanya tentang isu penjualan air kepada Singapura yang telah dibangkitkan. Adakah kita teruskan di mahkamah *arbitration* sekarang ataupun kita sudah lupakan untuk berbuat demikian? Kita batalkan ataupun *is the government continuing with arbitration proses* ataupun kita tidak.

Dato' Kamarudin Jaffar: Terima kasih Yang Berhormat Kuala Langat. Setakat yang saya tahu. Saya tiada nota yang khusus berkaitan dengan itu. Setakat yang kita tahu, dasar kita berkaitan dengan air dan Singapura tidak berubah daripada dasar yang ada pada kerajaan yang lalu.

Datuk Seri Saifuddin Nasution bin Ismail [Kulim-Bandar Baharu]: Hal yang sama, Yang Berhormat Menteri. Sefaham saya, pendirian Singapura tentang semakan harga air mentah itu adalah Malaysia telah kehilangan hak pada tahun 1987. Oleh sebab perjanjian 62 itu mengatakan selepas 25 tahun rundingan semakan harga boleh dibuat. Akan tetapi kita tidak lakukan pada waktu itu. Pendirian Singapura ialah kita telah kehilangan hak. Tafsiran kita pula ialah semakan itu tidak terikat setakat 25 tahun. Jadi yang paling akhir seingat saya adalah kedua-dua negara bersetuju untuk Peguam Negara kedua-dua pihak berjumpa untuk melihat semula *position* setiap negara. Perjumpaan yang akhir Peguam Negara ini adalah pada Disember tahun lepas. Jadi, kalau hendak dimaklumkan perkembangan kepada Parlimen, saya ingat apakah ada lanjutan pertemuan di antara kedua negara setelah dipersetujui Peguam Negara kedua-dua negara yang meneruskan usaha.

Dato' Kamarudin Jaffar: Terima kasih Yang Berhormat Kulim Bandar Baharu. Saya fikir secara terperinci selepas saya sudah menjawab Yang Berhormat Kuala Langat tadi. Terperincinya soalan Yang Berhormat Kulim Bandar Baharu itu tadi mungkin Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri Undang-undang akan lebih layak untuk menyentuhnya apabila sesuai masanya nanti.

Sebelum saya habis masa saya, Tuan Pengerusi, saya ingin jawab soalan yang ditanya oleh beberapa Ahli Yang Berhormat tadi tentang peruntukan sekitar RM95 juta atau RM90 juta untuk sumbangan luar negeri. Saya dimintakan senarai yang ada kepada saya senarai yang meliputi lebih daripada 20 institusi dan badan-badan antarabangsa yang kita beri sumbangan tetap.

Satu misalnya, D8 berpejabat di Istanbul iaitu lapan negara membangun, kita bagi sumbangan RM950 ribu. Kita beri kepada *Indian Ocean Rim Association (IORA)* sebanyak RM118,800. Kita beri kepada *Islamic Solidarity Fund* sebanyak RM283,500. Kita beri kepada *Asia Europe Foundation* RM297 ribu, kita beri kepada *OIC General Secretariat* yang besarnya ialah kepada Bangsa-bangsa Bersatu yang mana kita memberikan sumbangan kepada *regular budget* Bangsa-bangsa Bersatu RM47,025,000. Kita berikan kepada Pasukan-pasukan Pengaman Bangsa-bangsa Bersatu RM16,830,000. Kita berikan kepada Komanwel *Secretariat*. Kita berikan kepada bajet-bajet *Air Asian China Centre, Asian Foundation*. Kita berikan bajet kepada *Organization For The Prohibition of The Chemical Weapon* RM1,300,000 dan kita berikan – senarainya kalau dipohon saya boleh edarkan.

Jadi, ini bermakna bahawa kerajaan kita, negara kita dalam tanggungjawab antarabangsa, amat komited dan kita antara negara yang paling - saya diberitahu walaupun agak lewat pembayaran kita mungkin, tetapi paling taat kepada pemberian sumbangan ini. Kita mungkin perlu - saya harus terima menggunakan kebaikan kita untuk memberikan sumbangan tetap secara tulus ini melakukan pelbagai-bagai lagi aktiviti untuk memastikan kita boleh memperolehi keuntungan ROI daripada apa yang kita lakukan itu. Akan tetapi ini masih dalam usaha kita yang berterusan. Saya rasa itu sahaja Tuan Pengerusi. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Dato' Sri Azalina Othman Said]: Terima kasih Yang Berhormat-Yang Berhormat sekalian. Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah RM703,128,300 untuk Kepala B.13 Anggaran Perbelanjaan Mengurus 2021 jadi sebahagian daripada jadual hendaklah disetujui.

[Masalah dikemukakan bagi diputuskan; dan disetujui]

[Kepala B.13 jadi sebahagian daripada Jadual]

Tuan Pengerusi [Dato' Sri Azalina Othman Said]: Yang Berhormat-Yang Berhormat sekalian, masalah ialah bahawa perbelanjaan di bawah Kepala P.13 Anggaran Perbelanjaan Pembangunan 2021 hendaklah diluluskan.

[Masalah dikemukakan bagi diputuskan; dan disetujui]

[Kepala P.13 jadi sebahagian daripada Anggaran Perbelanjaan]

**Kepala B. 14 [Jadual] –
Kepala P. 14 [Anggaran Pembangunan 2021] –**

Tuan Pengerusi [Dato' Sri Azalina Othman Said]: Sekarang ini Kepala Bekalan B.14 dan Kepala Pembangunan P.14 di bawah Kementerian Perpaduan Negara terbuka untuk dibahas. Tempoh masa ialah 45 minit dan saya menjemput setiap pembahas lima minit. Dimulakan dengan Yang Berhormat Kuala Langat. Silakan.

12.37 tgh.

Dato' Dr. Xavier Jayakumar a/l Arulanandam [Kuala Langat]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya rujukan kepada Butiran 020000 - Perhubungan Masyarakat yang telah diberi peruntukan RM1.3 juta dan juga kepada Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional yang dapat RM210 juta. Saya hendak tanya Menteri detil sedikit. Macam mana kegunaan dana ini yang terbesar dan juga apakah SOP yang telah disediakan oleh kementerian?

Di dalam Butiran projek 20201 – Program Pembangunan Sosial Ekonomi Masyarakat India yang telah diperuntukkan RM100 juta. Saya hendak tahu detilnya macam mana hendak gunakan RM100 juta dan apakah SOP? Juga saya hendak minta Menteri perjelaskan. Bolehkah kita buka skop ini untuk beri bantuan kepada masyarakat India selain dari apa yang kita sedia ada? Sebab dalam situasi COVID-19 sekarang, masyarakat India ini terpinggir sekali dan juga mereka ada masalah-masalah yang besar menghadapi mereka khususnya kemiskinan bandar dan juga kemiskinan luar bandar. Saya minta penjelasan dari Menteri penggunaan RM100 juta ini.

Lagi satu ialah bila dikata ini ialah Kementerian Perpaduan. Saya minta juga untuk Menteri beri sedikit nasihat kepada Menteri Besar Kedah di atas tujuan perpaduan. Ini oleh sebab bila mereka di Kedah minta Menteri Besar untuk memberi bantuan dan perbelanjaan kepada kaum India di negeri Kedah, beliau kata tidak ada peruntukan dana di Kedah. Sebaliknya untuk minta dengan Menteri Persekutuan sebab ada peruntukan RM100 juta. Ini sedikit membimbangkan sebab walaupun kedudukan kaum India ini di negeri Kedah sampai tujuh peratus sahaja, akan tetapi saya ingat ini satu tanggungjawab kepada semua pemimpin untuk jaga, tidak kira kaum mana tetapi kehendak mereka di bawah. So, itulah sedikit permintaan saya dari Menteri atas perbelanjaan yang besar macam ini. Terima kasih.

■1240

Tuan Pengerusi [Dato' Sri Azalina Othman Said]: Terima kasih, Yang Berhormat Pasir Puteh.

12.40 tgh.

Dr. Nik Muhammad Zawawi bin Haji Salleh [Pasir Puteh]: *Bismillahir Rahmanir Rahim*. Terima kasih kepada Tuan Pengerusi. Saya merujuk kepada Butiran 020100 – Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional.

Menyentuh tentang perpaduan negara ini, saya mengucapkan syabas dan tahniah kepada kementerian kerana berjaya mewujudkan situasi masyarakat yang berbilang kaum dan agama di dalam negara kita secara bersepadu. Walau macam mana sekalipun, program-program yang lebih mantap dan lebih berpaksikan kepada sistem pendetilan kajian perlu dibuat di dalam negara kita walaupun ia memerlukan sejumlah kewangan yang agak besar kalau dibuat dengan teliti.

Namun, dia adalah suatu yang sangat mustahak untuk masa depan negara kita dan generasi akan datang. Oleh itu, saya ingin mencadangkan kepada pihak kementerian supaya menggunakan peruntukan sebanyak RM210 juta ini dengan sehemat mungkin kerana peruntukan ini telah dikecilkan daripada sebanyak RM334 juta kepada sebanyak RM210 juta. Kekurangan lebih daripada sebanyak RM100 juta, perlu diurus tadbir dengan baik dan diwujudkan *team* pengkaji supaya mereka ini dapat merumuskan satu keputusan untuk dilaksanakan secara nasional di dalam negara kita yang membabitkan kaum-kaum dan agama-agama yang berbagai-bagai.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Sedikit celahan Yang Berhormat Pasir Puteh. Sedikit sahaja.

Tuan Syed Ibrahim bin Syed Noh [Ledang]: Boleh celah?

Dr. Nik Muhammad Zawawi bin Haji Salleh [Pasir Puteh]: Ya, boleh.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Yang Berhormat Pasir Puteh, Kementerian Perpaduan ini kementerian baharu. Peruntukan yang diberi hanya sebanyak RM423.287 juta. Daripada sebanyak 27 kementerian, Kementerian Perpaduan adalah nombor yang ke-27 Yang Berhormat Pasir Puteh, yang tersedikit sekali peruntukan yang diberi.

Adakah Yang Berhormat Pasir Puteh ingin mencadangkan supaya ada peruntukan tambahan apabila ada belanjawan tambahan pada tahun depan? Terima kasih.

Tuan Syed Ibrahim bin Syed Noh [Ledang]: Yang Berhormat Pasir Puteh, boleh celah? Yang Berhormat Pasir Puteh, Ledang, perkara yang sama. Perkara yang sama. Terima kasih Yang Berhormat Pasir Puteh. Tadi Yang Berhormat Pasir Puteh sebut tentang kepentingan untuk adanya pemikir berkenaan dengan perpaduan negara dan integrasi nasional.

Jadi, boleh tak Yang Berhormat Pasir Puteh setuju supaya Yang Berhormat Menteri menjelaskan apakah perkembangan ataupun peranan Majlis Konsultasi

Perpaduan Negara dan *team* Ahli Pemikir Kementerian Perpaduan Negara? Terima kasih.

Dr. Nik Muhammad Zawawi bin Haji Salleh [Pasir Puteh]: Tuan Pengerusi, kedua-dua soalan tadi diminta masuk ke dalam ucapan saya. Sememangnya saya sangat bersetuju supaya *team* pemikir dalam isu perpaduan negara ini diwujudkan dan biarlah kumpulan pemikir ini daripada orang yang benar-benar berintegriti dan mempunyai pengkhususan di dalam bidang tersebut.

Berkenaan dengan tambahan peruntukan, sekiranya ia diperlukan saya sangat menyokong supaya peruntukan ditambah untuk memastikan perpaduan negara dan integrasi nasional dalam negara kita ini berjalan dengan baik. Perpaduan negara ini sebenarnya ia menjadi pemacu kepada kekuatan ekonomi dan ia adalah menentukan segala-galanya, kekuatan politik, ekonomi, perpaduan dan seumpamanya.

Perkara yang kedua iaitu Butiran 020200 – Perhubungan dan Masyarakat. Di dalam butiran ini, suka saya tekankan supaya perhubungan masyarakat ini berlaku sejak daripada awal usia iaitu awal persekolahan. Bermula daripada institusi tadika ataupun pendidikan awal ini supaya masyarakat kita ini sentiasa kita hubungkan sehingga kepada umur seterusnya di peringkat sekolah kebangsaan, sekolah menengah, di peringkat universiti dan seumpamanya.

Saya cadangkan kepada pihak kerajaan supaya sedikit ketegasan dalam aspek kerana kalau kita asingkan sistem pendidikan sebagaimana yang berlaku pada hari ini, tanpa prejudis saya sebut kadang-kadang dia boleh mencorakkan, membentuk masyarakat yang cenderung kepada perkauman, dengan maaf.

Ketiga, iaitu di bawah Butiran 030100 – Bertugas ke Luar Negara. Bertugas keluar negara ini kalau kita lihat jumlah agak sedikit iaitulah sebanyak RM100,000 dan kalaulah difokuskan tugas keluar negara untuk menentukan perpaduan kaum di negara kita. Ini kerana di dalam negara kita, kita ada kaum Cina, kaum India dan kaum-kaum yang lain, yang mana mereka ini berasal daripada negara masing-masing dan ini adalah kekuatan negara kita.

Cuma, kalau perlu kekerapan dan saya ucap syabas kepada pihak kerajaan yang membentuk satu jawatan yang baharu iaitu duta yang bertaraf Menteri untuk merealisasikan hasrat ini. Di samping hasrat lain seperti menarik pelaburan daripada luar yang kalau kita lihat *insya-Allah* negara kita akan memperoleh hasil yang lebih baik kalau institusi ini benar-benar diperkasakan. Jadi, bertugas di luar negara ini saya kira peruntukan sebanyak RM100,000 ini tidak memadai. Ia perlu ditambah dan kalau tidak ditambah saya minta pihak kementerian supaya menjelaskan sejauh mana kekuatan yang boleh dibina dengan kos sebanyak RM100,000?

Terakhir adalah Butiran 00201 – Program Pembangunan Sosioekonomi Masyarakat India, yang diberi peruntukan sebanyak RM100 juta di dalam Kementerian Perpaduan Negara dan saya ucap syabas kepada kaum India. Cuma, saya ingin sebut ada kaum-kaum yang lain selain daripada Melayu, Cina, ada kaum lain. Dusun, Kadazan, Murut, kaum Siam, yang mana mereka ini agak terpinggir daripada kancah ekonomi yang rancak yang berlaku di dalam negara kita.

Saya kira saya harap pihak kerajaan dapat memperhalus kaum-kaum yang seumpama ini supaya sosioekonomi dalam negara kita berjalan dengan seadil mungkin dan ia tidak tempang dan saya berdoa supaya kita dapat menguruskan perpaduan negara dengan baik. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Dato' Sri Azalina Othman Said]: Yang Berhormat Batu Gajah.

12.48 tgh.

Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu [Batu Gajah]: Terima kasih Tuan Pengerusi. B.14 Butiran 020000 – Perpaduan Negara. Butiran kecil 020100 – Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional.

Tuan Pengerusi, sejauh manakah usaha kerajaan selama ini berhasil untuk memakmurkan perpaduan kaum? Apakah *indicator* atau sistem yang dijadikan mekanisme bagi mengesan konflik perkauman di negara ini? Perpaduan adalah faktor penting dalam menentukan kestabilan politik, sosial dan ekonomi negara kita.

Ada pandangan bahawa masyarakat majmuk di Malaysia berciri *they mix but do not combine* dengan izin, bermaksud mereka bercampur tetapi tidak bersatu. Oleh yang demikian, banyak usaha yang perlu diambil untuk mencapai perpaduan negara dan integrasi nasional. Dalam pada itu, kita perlu juga memastikan keunikan negara kita yang kaya dengan khazanah kebudayaan, kesenian, agama dan bangsa terus dikekalkan dan diperkukuhkan.

Dalam kata lain, perpaduan yang ideal untuk negara kita ialah boleh diterjemahkan dengan konteks *unity in diversity* perlu disuburkan lagi tetapi saya melihat dalam Belanjawan 2021 terdapat pengurangan peruntukan bagi perpaduan negara dan integrasi nasional sebanyak RM124.1 juta. Hanya sebanyak RM210.4 juta diperuntukkan dalam Belanjawan 2021 jika dibandingkan dengan sebanyak RM334.5 juta bagi tahun 2020.

Kenapakah sejumlah yang besar telah dikurangkan bagi perbelanjaan perpaduan memandangkan dalam keadaan ketidakstabilan politik, perkara-perkara yang tidak diingini boleh tercetus angkara mana-mana pihak yang tidak bertanggungjawab.

■1250

Satu lagi perkara yang ingin saya sentuh adalah berkaitan dengan usaha kerajaan mewujudkan perpaduan melalui sukan. Saya tidak nampak kesungguhan dalam usaha ini. Sukan masih dipengaruhi oleh sentimen perkauman yang tebal. Ini tidak boleh dinafikan. Usaha-usaha perlu diambil oleh kerajaan ke arah mewujudkan semangat muhibah sukan supaya sukan tidak dikenali sebagai, dikenali atau disangkut pautkan dengan penglibatan hanya mana-mana satu kaum. Kerajaan harus memberi peruntukan yang mencukupi bagi mewujudkan muhibah sukan supaya setiap sukan dapat menarik perhatian dan minat semua kamu di negara ini.

Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]: [Bangun]

Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu [Batu Gajah]: Saya juga ingin tahu apakah perbelanjaan dua item baharu iaitu Butiran 020200 – Perhubungan Masyarakat dan Butiran 020300 – Pembangunan Masyarakat yang masing-masing diberi peruntukan lebih daripada RM1 juta. Saya juga memohon kepada Yang Berhormat Menteri Perpaduan Negara untuk menjelaskan tentang petunjuk prestasi utama berkaitan dengan Indeks Keharmonian Agama, Indeks Ketegangan Masyarakat dan Indeks Perpaduan Nasional yang disasarkan bagi tahun 2021. Saya juga ingin tahu tentang langkah-langkah yang telah diambil kerajaan menerapkan pendidikan Rukun Negara kepada semua lapisan masyarakat di negara kita.

Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]: Yang Berhormat Batu Gajah, boleh.

Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu [Batu Gajah]: Maaf Yang Berhormat Beruas, saya ada banyak lagi...

Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]: Okey, baik.

Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu [Batu Gajah]: ...Yang perlu saya ketengahkan. Saya mohon maaf ya Yang Berhormat Beruas.

Berkaitan dengan *mediator community* yang terlatih yang disebut dalam buku Belanjawan 2021, saya mempunyai beberapa persoalan yang ingin saya bangkitkan dalam Dewan yang mulia ini.

- (i) bagaimanakah *mediator* ini dilantik?;
- (ii) apakah kriteria-kriteria atau kelayakan untuk seseorang itu dilantik sebagai *mediator community*?;
- (iii) apakah fungsi utama *mediator community*?;
- (iv) apakah latihan yang dijalani oleh *mediator community*?;
- (v) berapakah jumlah *mediator community* yang wujud pada masa ini?;
- (vi) berapakah bilangan yang akan ditambah pada tahun 2021?;

- (vii) apakah ganjaran yang diberikan oleh kerajaan kepada *mediator community*?; dan
- (viii) sejauh manakah *mediator community* ini telah membuktikan keberkesanan fungsinya setakat ini?

Tuan Pengerusi, Butiran 00201 – Program Pembangunan Sosioekonomi Masyarakat India (MITRA). Masyarakat India negara kita amat mengharapkan bantuan kerajaan untuk meningkatkan taraf sosioekonomi mereka. Setiap tahun kerajaan memperuntukkan RM100 juta dalam belanjawan bagi tujuan yang dimaksudkan. Namun, jumlah yang diperuntukkan itu tidak dibelanjakan sepenuhnya dengan pelbagai alasan yang tidak munasabah. Saya berharap Yang Berhormat Menteri Perpaduan Negara akan melaksanakan tanggungjawab dengan penuh integriti dan akauntabiliti dalam memastikan RM100 juta diperuntukkan itu dibelanjakan bagi tahun 2020.

Saya juga rasa hampa kerana tidak ada peruntukan tambahan untuk MITRA bagi tahun 2021. Ini amat mengecewakan masyarakat India lebih-lebih lagi apabila peruntukan untuk sekolah-sekolah Tamil juga dipotong RM20 juta bagi tahun hadapan. Inilah antara perkara-perkara yang mendorong masyarakat India rata-rata menolak Belanjawan 2021. Harap Yang Berhormat Menteri Perpaduan Negara akan merayu untuk meningkatkan peruntukan MITRA kepada RM200 juta bagi membantu masyarakat India terutamanya golongan B40 dan M40 yang amat memerlukan bantuan dalam menghadapi keadaan pandemik COVID-19. Ramai yang telah hilang pendapatan atau terjejas perniagaan mereka.

Tuan Pengerusi, akhir sekali. Saya juga merayau kepada Yang Berhormat Menteri Perpaduan Negara untuk memperuntukkan sejumlah wang untuk memperbaiki bangunan Dewan Rukun Tetangga Batu Gajah yang rosak dimakan anai-anai. Untuk makluman Yang Berhormat Menteri, Rukun Tetangga Batu Gajah adalah antara KRT yang aktif, yang perlu dibantu supaya mereka dapat berfungsi dengan lebih giat dan aktif. Mohon dipertimbangkan.

Setakat ini sahajalah perbincangan saya Tuan Pengerusi. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Dato' Sri Azalina Othman Said]: Yang Berhormat Arau.

12.54 tgh.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Yang pertamanya saya menyokong seperti kawan-kawan supaya kita tingkatkan peruntukan kepada kementerian ini lebih-lebih lagi Yang Berhormat Menteri yang hebat ya.

Yang pertama sekali ialah saya hendak sentuh Butiran 020000 – Perpaduan Negara. Akan tetapi sebelum itu saya hendak sebut, saya ucap terima kasih tadi undi

tadi di kementerian sebelum ini telah berjalan dengan rancak dan saya hendak bagi tahu kami bersiap sedia dengan 112 orang pada hari ini. Jadi kami sentiasa bersiap siaga, kami tidak bercakap saja. Kelmarin sebut tentang 27-0, tetapi hari ini dia ada *miss* satu. Bukan saya hendak menggalakkan tetapi jangan buat kerja menolak bajet di bawah Jawatankuasa yang tidak wajar kita berbuat demikian.

Tuan Chang Lih Kang [Tanjong Malim]: Butiran berapa?

Seorang Ahli: [*Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara*]

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: *Shut up*, cukup. Pertama ialah Butiran 020000 – Perpaduan Negara. Saya mengesyorkan kepada Yang Berhormat Menteri supaya bila kita hendak laksanakan sesuatu perkara itu, kita jangan memikirkan benda yang baharu— untuk wujudkan benda yang baharu. Cari jalan untuk membentuk yang sedia itu supaya diperkembangkan. Contohnya ialah perpaduan ini, lebih mudah kita buat melalui NGO, pertubuhan sukan. Saya memegang banyak pertubuhan sukan, cuma peringkat negara tinggal satu ya. Akan tetapi peringkat negeri banyak saya pegang dan semua kaum ada di sana. Tidak berlaku macam di Parlimen di sana. Kami berbincang cara hormat-menghormati antara satu dengan lain.

Cuba cari jalan supaya perembangkan perpaduan dalam bidang— di kalangan NGO, di kalangan sukan. Kita sukan riadah pun ada pelbagai kaum di sana dan kita melaksanakan tanggungjawab dengan baik. Cuma saya sebut dulu berkali-kali, hari ini saya hendak sebutkan sedikit. Kalau kita *exercise*, kita berpeluh, kita kurang sedikit tekanan. Dengan itu kalau kita galakkan sukan, makna kata kita kurangkan sedikit tekanan. Banyak di sini yang tidak bersukan.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Yang Berhormat Arau.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Itu sebab kadang-kadang ramai yang darah tinggi ya.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Yang Berhormat Arau, Yang Berhormat Pontian hendak mencelah sedikit, Yang Berhormat Arau.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Jadi saya di sini....

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Okey.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Sambil saya berdiri sebab saya hendak kena mencuri masa. Saya ada...

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Tadi Yang Berhormat Arau ada menyebut tentang peruntukan NGO. Kementerian sebelum ini kita bincang kewangan, sebelum ini ketika Yang Berhormat Pekan ada RM50 juta setahun. Kemudian diturunkan pada RM30 juta setahun. Tahun hadapan kosong juta setahun. Apa kata kalau peruntukan NGO ini kita beri pada Kementerian Perpaduan Negara supaya...

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Ya, saya sokong.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: ...Supaya dia boleh membantu perpaduan melalui NGO. Peruntukan NGO ke Kementerian Perpaduan.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Saya menyokong supaya peruntukan RM60 juta dibagi kepada Kementerian Perpaduan. Saya menyokong. Terima kasih Yang Berhormat Pontian. Itu sebahagian ucapan saya yang cukup dahsyat ya.

Keduanya ialah perpaduan ini lebih mudah kalau kita ambil pendekatan pendidikan. Di Malaysia ini kita kena ingat walaupun setengah benda kita tidak hendak cakap tapi benda itu berlaku. Sistem pendidikan merenggangkan perpaduan. Kita lihat di negara-negara yang dibentuk selepas merdeka itu seperti Indonesia, Thailand, *Philippines*. Dia bagi penekanan kepada sistem pendidikan menyebabkan kita lihat sukar untuk berlaku masalah perkauman di sana sehingga orang-orang yang menjadi warganegara di sana sanggup menukar nama mereka mengikut nama tempatan. Rudy Hartono pemain badminton dunia yang hebat ialah seorang Cina, seorang Tionghoa. Salim, di antara orang yang terkaya di dunia ialah nama dia Salim. Salim di Indonsia. Thaksin jadi Perdana Menteri Thailand seorang keturunan Tionghoa. *Philippines*, Pekan Aquino nama yang *Philippines* itu. Aquino, seorang Tionghoa, jadi Presiden *Philippines*.

Seorang Ahli: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Ini kurang ajar mana bercakap ini. Yang Berhormat Jelutong lah. Siapa yang menempek-nempak tadi.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Perpaduan, perpaduan.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Ya, saya sebut nama lain, kamu sebut nama lain.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Hei *shut up you*. Ini Parlimen saya ada hak. Kenapa ini mulut biadab. Nampak macam orang alim.

Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani]: Tidak ada perpaduan nampaknya, tidak ada arah.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Tidak, saya cakap tajuk lain.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Jadi, pendekatan-pendekatan melalui pendidikan. Itu sebab kita hendak supaya dimasukkan dalam pendidikan itu, pemahaman ataupun silibus mengenai Perlembagaan Negara. Contohnya untuk silibus sejarah diajarkan sedikit asas Perlembagaan. Sepatutnya dibagi penekanan yang

khusus iaitu perkara-perkara yang berhubung dengan Perkara 3 iaitu Islam sebagai agama Persekutuan. Kita kena bagi tahu rakyat Malaysia. Jangan dipermudahkan benda ini. Perkara 152, bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan. Kena bagi tahu sebab generasi sekarang hendak tahu kenapa bahasa Melayu dia jadi bahasa kebangsaan.

Kemudian Perkara 153, kedudukan hak istimewa orang Melayu. Kita kena bagi tahu. Demikian juga Perkara 38(4), Institusi Raja. Rakyat kena tahu sebab orang muda sekarang dia tidak tahu. Kenapa jadi begini. Saya bangsa lain kenapa ada tengok benda yang lain berlaku. Akan tetapi kita kena ingat tiap-tiap negara itu ada identitinya. Kalau kita pergi Argentina, dia bagi syarat, presidennya mesti seorang yang beragama Kristian. Itu sebab kita lihat ada satu orang namanya macam Abdul Manan tetapi namanya adalah Carlos Menem. Keluarga Carlos Menem ialah keluarga Arab yang berada di sana dan ibu bapanya adalah beragama Islam. Akan tetapi dia sendiri nama Carlos Menem dan menjadi Presiden Argentina kerana syarat untuk menjadi Presiden Argentina mesti beragama Kristian.

■1300

Kalau ada orang Melayu atau orang India yang duduk di sana, dia kena faham tentang resmi tempatan. Kalau hendak berada di sesuatu negara, dia akan menyebut bahawa Perdana Menteri atau Ketua Negara itu beragama tertentu. Akan tetapi, mereka difahamkan tentang perlembagaan. Di Malaysia, kita kena faham Perlembagaan. Oleh sebab tidak ada pemahaman tentang Perlembagaan ini, berlakulah keluh kesah dalam politik.

*[Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Mohd Rashid Hasnon) **mempengerusikan Jawatankuasa]***

Akhir sekali, sebagai mengakhiri, dan saya telah pun menyebut dahulu semasa saya menjadi menteri yang menjaga SPR dahulu, saya ada menyebut, tetapi saya menyebut sekali lagi bahawa sampai sistem politik di Malaysia ini mesti dilihat kepada asas-asas ini. Kalau kita tidak lihat asas-asas ini, akhirnya perkauman agak ketara. Kita tahu negara ini penduduknya 70 peratus adalah Bumiputera, 22.8 peratus adalah orang Cina, tujuh peratus adalah orang India dan satu peratus adalah lain-lain. Jadi, kalau sekiranya kita ambil pendekatan politik yang begini, sudah pasti perkauman itu kurang berlaku.

Di Singapura, orang Melayu tidak mungkin boleh jadi Ahli Parlimen tetapi pendekatan *grouping* yang diperkenalkan membolehkan orang Melayu dapat masuk menjadi Ahli Parlimen di Singapura. Jadi di Malaysia kalau kita ambil pendekatan

sedemikian rupa supaya asas kaum ini diambil kira untuk hala tuju masa depan Malaysia, perkauman tidak akan berlaku lagi sebab orang sudah faham bahawa akan ada setiap wakil dalam Parlimen Malaysia. Contohnya, macam ada orang Melayu 140 orang Bumiputera, Cina 50 orang Ahli Parlimen, orang India 18 orang Ahli Parlimen. Tetap sudah akan berlaku. Jadi dengan itu tidak berlakulah soal-soal yang berbentuk perkauman.

Tuan Karupaiya a/l Mutusami [Padang Serai]: Mengapa jadi pintu belakang?

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Inilah masa hadapan yang harus difikirkan.

Tuan Karupaiya a/l Mutusami [Padang Serai]: Mengapa jadi pintu belakang?

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Kepada mereka yang mengganggu saya, kena ingat, saya tidak pernah ganggu awak semua. Saya seorang yang baik di parlimen ini ya. Jaga sedikit. *[Dewan riuh]*

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih Yang Berhormat Arau. Sekarang saya jemput Yang Berhormat Tampin, lima minit.

1.02 ptg.

Datuk Dr. Hasan bin Bahrom [Tampin]: *Bismillahi Rahmani Rahim. [Membaca Selawat]* Terima kasih Tuan Pengerusi. Tampin mengambil bahagian dalam membahaskan Kementerian Perpaduan Negara kerana kementerian ini adalah satu kementerian yang baharu, dan keduanya, kementerian ini adalah kementerian yang agak penting di dalam memacu negara pada masa akan datang.

Ada beberapa perkara yang akan ditimbulkan oleh Tampin. Pertama, di manakah butiran peruntukan bagi mendanai projek Dasar Perpaduan Nasional dan bilakah jangkaan pembentangan dasar baharu akan dilakukan? Butiran ini termasuk di dalam Butiran 020000. Adakah kerajaan akan mempertimbangkan untuk memperuntukkan dana kepada semua negeri dalam mengangkat agenda perpaduan nasional dalam peringkat negeri masing-masing?

Ketiga, mengapakah peruntukan untuk perpaduan negara menurun daripada RM300 juta kepada RM200 juta? Sedangkan isu perpaduan dalam negara merupakan isu yang agak panas dimainkan bukan hanya oleh orang-orang kampung tetapi juga orang-orang politik yang menggunakan isu agama dan isu kaum menjadi nadi ketika mereka bercakap ataupun berkomunikasi. Justeru itu, keharmonian kaum amat penting untuk kita jana, untuk kita danai untuk kita memastikan bahawa kepelbagaian kaum di negara kita ini dapat kita bentuk sebagai salah satu di antara perkara yang amat penting untuk kita memajukan negara.

Satu isu yang saya hendak bangkitkan kepada kementerian iaitu sejauh manakah tahap perpaduan di negara ini? Kedua, apakah kementerian berhasrat untuk mewujudkan gagasan besar rupa bangsa Malaysia? Apakah kementerian akan mewujudkan kod etika perpaduan negara?

Persoalan-persoalan itu adalah penting sebagaimana yang disebut oleh Yang Berhormat Arau tadi bahawa Indonesia, Thailand telah mewujudkan satu nama yang satu tetapi Malaysia masih lagi memakai ataupun menggunakan jenama ataupun nama mengikut bangsa. Jadi, apakah kementerian akan mewujudkan kod etika perpaduan negara ataupun melakarkan satu gagasan rupa bangsa Malaysia pada masa akan datang?

Butiran yang kedua saya hendak sebut ialah Butiran 030000 – Program Khusus. Berapakah kakitangan kontrak yang akan diserapkan dalam kementerian ini? Apakah tujuan pengambilan kakitangan ini dilakukan? Apakah jawatan yang diwujudkan? Dan apakah tugas dan tanggungjawab yang mereka akan lakukan?

Butiran 17200 – Pusat Aktiviti Perpaduan. Peruntukan yang diberikan ialah sebanyak RM2 juta. Saya ingin bertanya kepada kementerian, berapakah pusat aktiviti perpaduan yang ada di Malaysia? Siapakah yang akan mengendalikan pusat aktiviti perpaduan ini? Apakah bentuk aktiviti yang akan dilaksanakan? Bagaimanakah kementerian boleh memberi jaminan sentimen kaum dan agama tidak menular yang boleh menggugat perpaduan negara?

Tuan Syed Ibrahim bin Syed Noh [Ledang]: Yang Berhormat Tampin, boleh mencelah sedikit sahaja? Ledang.

Datuk Dr. Hasan bin Bahrom [Tampin]: Sila.

Tuan Syed Ibrahim bin Syed Noh [Ledang]: Terima kasih Yang Berhormat Tampin. Tuan Pengerusi, berkaitan tadi apa yang disebutkan oleh Yang Berhormat Tampin berkenaan dengan pusat aktiviti perpaduan dan juga sebenarnya pusat rukun tetangga, saya mohon untuk Yang Berhormat Tampin juga memohon daripada pihak Yang Berhormat Menteri jelaskan terdapat kenaikan nilai geran untuk setiap kawasan rukun tetangga peruntukan sebanyak RM50 juta yang diumumkan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan, tetapi saya tidak pasti di manakah butiran itu di dalam Kementerian Perpaduan Negara. Terima kasih.

Datuk Dr. Hasan bin Bahrom [Tampin]: Terima kasih Yang Berhormat Ledang. Masukkan ucapan Yang Berhormat Ledang dalam ucapan saya.

Butiran yang seterusnya yang saya hendak sebut ialah Butiran 17300 – Pusat Rukun Tetangga. Apakah justifikasi kerajaan menurunkan peruntukan untuk pusat rukun tetangga? Sedangkan kita mahu peranan yang dimainkan oleh pusat rukun tetangga ini. Berapakah pusat rukun tetangga yang ada di Malaysia dan berapakah

peruntukan yang diterima oleh mereka? Apakah peruntukan kemudahan mereka mencukupi? Apakah inisiatif yang mereka terima dalam melaksanakan kerja-kerja mereka? Kita dapati bahawa taman-taman telah begitu banyak wujud di Malaysia. Apakah pusat rukun tetangga ini juga wujud di setiap taman di negara kita ini? Terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih Yang Berhormat Tampin. Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Beaufort. Saya ingin memaklumkan Yang Berhormat Menteri akan menggulung pada pukul 1.20 petang. Terima kasih.

1.07 ptg.

Dato' Hajah Azizah binti Mohd Dun [Beaufort]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Terima kasih kerana membenarkan saya turut sama dalam Kementerian Perpaduan Negara ini.

Butiran 020000 – Perpaduan Negara. Kalau kita tengok di bawah Butiran 020100 – Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional, apa yang ingin saya bertanya di sini, bagaimanakah kementerian bergerak ke hadapan dengan memikirkan rangka dan strategi bagi mewujudkan perpaduan merentas negeri terutamanya mengambil kira sentimen negeri Sabah dan Sarawak bersama-sama dengan Semenanjung Malaysia sekali? Oleh sebab perkara ini adalah amat penting bagi kita rakyat Malaysia yang terdiri daripada pelbagai kaum, bangsa dan agama.

Kalau kita lihat di Semenanjung Malaysia sahaja, selalu diperkatakan tentang tiga kaum yang besar iaitu Melayu, Cina dan India. Akan tetapi, kalau kita mengambil kira termasuk Sabah dan Sarawak, maka di negeri Sabah sendiri ada lebih daripada 30 etnik, di Sarawak pun saya rasa sama juga. Jadi, bagaimanakah dapat kementerian melihat bersama sekali tiga wilayah ini supaya mereka dapat integrasikan supaya ada kesedaran yang tinggi, hormat-menghormati, saling berkasih sayang antara satu sama lain dan perpaduan itu dapat dipertingkatkan lagi?

Ini adalah penting. Walaupun saya tahu dalam masa COVID-19 ini Yang Berhormat Menteri adalah menteri yang baharu belum dapat lagi datang ke negeri kami Sabah dan Sarawak tetapi perkara ini sudah boleh dirancang sekarang bagi memastikan bahawa ketiga-tiga wilayah ini perpaduan kaumnya dapat dipertingkatkan lagi.

Mungkin ada orang tidak memahami ini, tetapi kami di Sabah dan Sarawak ini lebih banyak suku kaumnya, etniknya. Maka adalah amat penting mereka punya keistimewaan ini, perbezaan ini dapat dilihat walaupun ada perbezaan tetapi ada satu keharmonian yang cukup tinggi sekali di kalangan etnik yang ramai di negeri Sabah dan

Sarawak. Berbeza dengan apa yang berlaku di Semenanjung Malaysia. Walaupun tiga kaum yang besar ini, masih lagi ada jurang pemisah itu yang mungkin boleh dilihat bagaimana perpaduan yang kukuh di negeri Sabah dan Sarawak itu.

■1310

Sekali gus ketiga-tiga wilayah ini dapat kita satu padukan dengan lebih baik lagi dalam sebuah masyarakat Malaysia yang harmonis dan berkasih sayang.

Saya juga ingin menyentuh Butiran 020200 – Perhubungan Masyarakat. Saya juga ingin tahu apakah usaha kementerian untuk memastikan hubungan masyarakat yang berbilang kaum ini dapat dipertingkatkan lagi. Kalau antara Melayu, Cina dan India, *instead of* masing-masing bersendirian tetapi kita integrasikan semuanya supaya masing-masing tidak lagi mengenali diri sebagai kaum-kaum yang tertentu tetapi sebagai satu masyarakat Malaysia yang harmonis dan bersatu padu. Ini perlu dilaksanakan. Bukan kita katakan sebagai retorik sahaja, tetapi perlu dilaksanakan.

Apakah rancangan kementerian dalam memastikan ini dapat kita lakukan? Ini supaya kita dapat melihat pelbagai kaum ini bersama-sama setiap masa dan waktu, bukan masa-masa tertentu sahaja. Ini kerana, kalau saya lihat pada hari ini masih lagi kelihatan bahawa kita ini berpisah-pisah di antara satu sama lain. Maka, adalah amat penting kita mempertingkatkan perpaduan dalam negara kita ini.

Butiran 020300 – Pembangunan Masyarakat. Saya ingin bertanya kepada kementerian, adakah kementerian juga mempunyai program-program yang tertentu dan peruntukan yang mencukupi bagi memastikan – dalam keadaan seperti sekarang COVID-19 ini ramai rakyat kita yang menghadapi masalah mental. Adakah diadakan program bersama-sama dengan agensi yang lain dan kementerian yang lain yang mana kita dapat melatih petugas-petugas kita di lapangan sana yang boleh memberikan bantuan secara terus kepada mereka yang memerlukan.

Di peringkat Rukun Tetangga misalnya, adakah mereka yang mempunyai kepakaran dalam bidang kaunseling yang boleh membantu dalam keadaan yang amat-amat memerlukan ini? Jadi, kalau kita bercakap sahaja di atas tetapi tidak ada tindakan sampai ke bawahnya maka ini juga tidak akan tercapai usaha kita.

Saya juga ingin bercakap tentang Butiran 17200 – Pusat Aktiviti Perpaduan. Adakah Pusat Aktiviti Perpaduan ini sudah terlaksana di seluruh negara ataupun ini menyebut tentang Pusat Rukun Tetangga sahaja kah? ataupun ia ada khusus pusat perpaduan lagi yang bertujuan untuk dapat menyatupadukan, mempertingkatkan lagi perpaduan dalam kalangan kaum di seluruh negara kita.

Di kawasan-kawasan Rukun Tetangga, di bandar dan juga di luar bandar supaya kita betul-betul dapat mempertingkatkan perpaduan yang saya rasa adalah amat penting kita lakukan di negara kita Malaysia yang tercinta ini. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih Yang Berhormat Beaufort. Sekarang saya jemput Yang Berhormat Hulu Selangor.

1.13 tgh.

Puan June Leow Hsiad Hui [Hulu Selangor]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Salam sejahtera kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian. Tuan Pengerusi, terus kepada Maksud Bekalan B.14, Butiran 010100 – Pengurusan Am berjumlah RM22 juta. Hulu Selangor inginkan pencerahan mengapakah terdapat peningkatan ketara terhadap peruntukan ini berbanding tahun 2020 terutamanya di bawah Kod Objek Am 10000 dan 20000. Jika dilihat melalui bilangan perjawatan, didapati jumlah perjawatan yang sama seperti tahun 2020. Maka, apakah sebab peningkatan ketara hampir RM20 juta tersebut? Mohon Yang Berhormat Menteri memberikan pencerahan.

Tuan Pengerusi, Butiran 020100 – Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional, berjumlah RM210 juta. Ia dilihat penurunan ketara sebanyak RM124 juta. Adakah butiran ini merangkumi Program Tabika Perpaduan dan kawasan Rukun Tetangga? Sekiranya ya, mohon Yang Berhormat Menteri memberikan justifikasi apakah dua perkara ini akan mengalami kekurangan dana sehingga boleh mengakibatkan penutupan Tabika Perpaduan atau Rukun Tetangga di seluruh negara.

Kita akui kepentingan dan fungsi dua perkara ini terhadap masyarakat. Malah Tabika Perpaduan juga amat penting kepada masyarakat kerana kualiti pendidikan awal kanak-kanak yang berkesan di samping kos yang berpatutan. Kita sedia maklum sebilangan kos tabika swasta agak mahal dan juga yang tidak berlesen. Oleh itu, program ini amat penting untuk diteruskan dan diberikan peruntukan secukupnya bagi menampung kos operasi harian dan menyokong program-program yang dijalankan.

Tuan Pengerusi, seterusnya Butiran 020200 – Perhubungan Masyarakat dan Butiran 020300 – Pembangunan Masyarakat. Mohon Yang Berhormat Menteri memberikan pencerahan apakah fungsi kepada kedua-dua butiran ini. Ini kerana, jika dilihat pada tahun 2020 tiada sebarang perbelanjaan diperuntukkan, tetapi untuk tahun 2021 masing-masing diperuntukkan lebih daripada RM1 juta setiap butiran.

Adakah dua butiran ini merupakan program atau fungsi baharu yang akan diperkenalkan oleh pihak kementerian?

Tuan Pengerusi, Butiran 030200 – Emolumen Kakitangan Kontrak di bawah tajuk Program Khusus pula diperuntukkan sebanyak RM84 juta. Mohon Yang Berhormat Menteri menjawab apakah perjawatan kontrak yang diberikan di bawah butiran ini dan apakah fungsinya. Adakah ia begitu kritikal sehingga perlukan negara membelanjakan sejumlah RM84 juta?

Beralih kepada Pembangunan P.14, Butiran 00201 – Program Pembangunan Sosial Ekonomi Masyarakat India sebanyak RM100 juta. Hulu Selangor mohon pihak kementerian kongsi apakah perancangan untuk tahun hadapan bagi membantu masyarakat khususnya di Hulu Selangor. Tuan Pengerusi...

Puan Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan]: Yang Berhormat Hulu Selangor sedikit.

Puan June Leow Hsiad Hui [Hulu Selangor]: Ya silakan.

Puan Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Hulu Selangor sekiranya bersetuju, apakah mekanisme untuk pengagihan RM100 juta ini? Apakah SOP yang akan digunakan dan KPI ia?

Ini kerana, pada penggal yang lepas kami tahu ada banyak peruntukan yang masih belum digunakan. Baki tersebut adalah agak tinggi. Mungkin boleh saya cadangkan sistem yang digunakan 40-40-20, iaitu 40 peratus untuk organisasi lebih untuk organisasi wanita, 40 peratus untuk organisasi secara am dan mungkin 20 peratus sama ada untuk OKU ataupun organisasi yang lain yang minoriti. Apa pandangan Yang Berhormat Hulu Selangor? terima kasih.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih Yang Berhormat Batu Kawan, sila Yang Berhormat Hulu Selangor.

Puan June Leow Hsiad Hui [Hulu Selangor]: Sokong dan setuju khususnya untuk wanita. Dimohon dimasukkan dalam teks ucapan saya. Tuan Pengerusi, adakah sebarang program yang dapat juga dianjurkan di Hulu Selangor untuk memangkin sosioekonomi masyarakat India di daerah ini?

Terakhir, Butiran 17200 – Pusat Aktiviti Perpaduan dengan peruntukan sejumlah RM2 juta. Mohon Yang Berhormat Menteri memberikan pencerahan apakah fungsi pusat ini? Adakah fungsinya seperti pusat kegiatan masyarakat di bawah KEMAS? Berapakah jumlah pusat yang telah diwujudkan di negara ini? Adakah Hulu Selangor tersenarai juga untuk diwujudkan di kawasan ini pada masa hadapan?

Tuan Pengerusi, sebagai penutup, Hulu Selangor berharap kita sebagai wakil rakyat yang dipilih dapat bersatu hati tanpa mengira fahaman politik mahupun perbezaan agama dalam memupuk kesefahaman dan menjadikan tali pengikat keharmonian kaum di negara kita. Sekian terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih Yang Berhormat Hulu Selangor. Sekarang saya ingin menjemput Yang Berhormat Menteri untuk...

Tuan Abdul Latiff bin Abdul Rahman [Kuala Krai]: Tuan Pengerusi, satu sahaja Tuan Pengerusi...

Tuan Karupaiya a/l Mutusami [Padang Serai]: Tuan Pengerusi, saya ingat ini hari undi tidak ada. Jadi kita boleh bagi panjang sikitlah masa.

Tuan Abdul Latiff bin Abdul Rahman [Kuala Krai]: Tadi mula dengan sebelah sana berakhir sebelah sini Tuan Pengerusi.

Datuk Wilson Ugak anak Kumbong [Hulu Rajang]: Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Baik. Saya bagi empat di sebelah. Saya jemput Yang Berhormat Kuala Krai yang terakhir.

1.19 tgh.

Tuan Abdul Latiff bin Abdul Rahman [Kuala Krai]: Terima kasih Tuan Pengerusi. *Bismillahi Rahmani Rahim*. Pertamanya saya ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri Perpaduan Negara kerana telah memilih Kuala Krai sebagai salah satu destinasi dalam merangka lawatan ke Kelantan baru-baru ini. Sesungguhnya lawatan Yang Berhormat Menteri ke Kuala Krai memberi impak yang besar kepada Kuala Krai dalam perkembangan beberapa agensi di bawah kementerian.

Saya ingin merujuk kepada Butiran 17300 – Pusat Rukun Tetangga.

■1320

Yang Berhormat Kuala Krai ingin mencadangkan agar mendapat menyediakan sekurang-kurangnya 15 buah kabin untuk Skim Rondaan Sukarela (SRS) seluruh Kuala Krai. Keperluan ini amat diperlukan dan sangat terdesak untuk memperkasa SRS Kuala Krai. Seperti yang diketahui, kewujudan SRS sangat membantu pihak berkuasa dalam mengekang aktiviti jenayah. Saya difahamkan SRS Kuala Krai antara SRS terbaik di Kelantan. Saya juga ingin mencadangkan kepada pihak kementerian agar dapat mewujudkan Geran Makanan untuk SRS. Ianya sebagai menghargai sukarelawan anggota SRS terbabit.

Saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih di atas pemberian *walkie-talkie* untuk kegunaan SRS. Ternyata *walkie-talkie* sangat berguna dan penting untuk memudahkan rondaan dan operasi. Beberapa peralatan SRS seperti *vest*, topi, cota, baju hujan dan sebagainya hanya diberi secara *one-off*. Saya mencadangkan kepada pihak kementerian, penggantian boleh dibuat untuk tiga tahun sekali.

Tuan Pengerusi, saya ingin menyentuh Butiran 20000 - Perkhidmatan dan Bekalan. Sudah sampai masanya kajian secara menyeluruh dapat dibuat oleh pihak kementerian terhadap keperluan pegawai di setiap daerah. Saya ingin mencadangkan agar penempatan pegawai dan kakitangan yang bersesuaian dapat dibuat pada tahun 2021 bagi menggerakkan Jabatan Perpaduan Negara dengan lebih *efficient* dan berkesan. Kuala Krai misalnya hanya mempunyai dua kakitangan termasuk Pegawai

Perpaduan Daerah sekali gus bertanggungjawab kepada Daerah Gua Musang malah terdapat di sesetengah kawasan hanya mempunyai seorang pegawai bahkan ada daerah yang tiada pegawai langsung. Dalam masa yang sama saya mencadangkan agar pegawai-pegawai dapat dinaiktarafkan pangkat mereka.

Tuan Pengerusi, saya ingin menyentuh Butiran 00201 - Program Pembangunan Sosioekonomi Masyarakat India berjumlah RM100 juta. Ada kenaikan berbanding tahun lepas berjumlah RM89 juta lebih. Persoalan yang saya ingin kemukakan di sini kepada pihak kementerian ialah, apakah Program Pembangunan Sosioekonomi Masyarakat India yang telah dibuat dan bakal dibuat untuk memajukan masyarakat India? Adakah program-program yang dibuat dapat mengeluarkan masyarakat India yang kebanyakannya di kalangan orang-orang yang susah termasuk pekerja estet, buruh dan sebagainya? Untuk makluman, Kuala Krai merupakan teramai masyarakat India di Kelantan.

Tuan Yang di-Pertua, butiran terakhir ialah Butiran 020100 - Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional. Soalan saya ialah, apakah hala tuju kementerian dan juga kerajaan dalam mempertingkatkan perpaduan negara yang mana ia sangat meruncing ketika 22 bulan pemerintahan Kerajaan PH? Adakah pihak kementerian dapat mengurangkan suhu ketegangan antara kaum? Setelah negara ini telah mencapai 63 tahun usia kemerdekaan, harapan yang sangat tinggi agar perpaduan dan keharmonian kaum dapat dipertahankan.

Generasi anak cucu mesti diberi kefahaman sebaiknya agar perpaduan dapat sehati dalam diri mereka. Di Kelantan misalnya, sebuah kedai Cina boleh maju dan hidup dengan penuh harmoni. Dalam kampung Melayu, hanya satu sahaja keluarga Cina, kedai itu sahaja. Bahkan orang Cina tersebut bergaul rapat dengan orang Melayu, ziarah-menziarahi. Sakit, demam, kematian, kenduri-kendara tanpa ada sebarang kepentingan yang lain kecuali hubungan yang baik dan harmoni. Jadi, keharmonian perpaduan ini wajib dipertahankan dan Kementerian Perpaduan saya yakin adalah terlalu penting dalam memastikan agenda ini akan terlaksana. Terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih Yang Berhormat Kuala Krai.

Puan Hannah Yeoh [Segambut]: Tuan Pengerusi boleh tidak mencelah. Satu minit sahaja.

Tuan Karupaiya a/l Mutusami [Padang Serai]: Tuan Pengerusi, bagi panjangkan masa sikit sebab apa, tidak ada undi ini hari. Masa ada panjang.

Tuan Cha Kee Chin [Rasah]: *[Bangun]*

Tuan Karupaiya a/l Mutusami [Padang Serai]: Masa agak panjang, bagi peluang kepada kita.

Puan Hannah Yeoh [Segambut]: Isu perpaduan negara, satu minit sahaja.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Saya beri – Yang Berhormat Segambut ada tulis surat tadi. Saya beri satu minit untuk Yang Berhormat Segambut sahaja.

Tuan Karupaiya a/l Mutusami [Padang Serai]: Alamak.

1.23 ptg.

Puan Hannah Yeoh [Segambut]: Saya hendak menyentuh isu Butiran 020000 mengenai Perpaduan Negara. Tiga persoalan kepada Yang Berhormat Menteri. Taska perpaduan, adakah terdapat peningkatan bajet untuk makanan bagi kanak-kanak di Taska Perpaduan? Ini kerana yang saya maklum adalah bajet untuk tahanan di depot dan penjara kadang-kadang bajet makanan lebih tinggi daripada bajet yang diperuntukkan untuk kanak-kanak di Taska Perpaduan.

Soalan kedua adalah, berapakah kanak-kanak yang sedang menghadiri kelas di Taska Perpaduan untuk tahun 2020 dan berbanding jumlah kanak-kanak sebaya seluruh Malaysia?

Ketiga, apakah rancangan jangka masa panjang untuk Taska Perpaduan, keberkesanan program di sana dan kalau tidak berkesan setuju tak Yang Berhormat Menteri untuk serahkan Taska Perpaduan kepada Kementerian Pendidikan bagi mereka menjaga supaya ada kesinambungan bila mereka masuk sekolah rendah nanti. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih Yang Berhormat Segambut. Sekarang saya jemput Yang Berhormat Menteri untuk menjawab. Tempoh masa 15 minit. Sila Yang Berhormat Menteri.

1.25 ptg.

Menteri Perpaduan Negara [Datuk Halimah binti Mohamed Sadique]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah pun mengambil bahagian, lebih daripada 12 orang. Saya ingin menjelaskan Tuan Pengerusi, mungkin masa yang diberikan kepada saya ini tidak cukup untuk saya jawab semua. Jadi, saya pohon kebenaran daripada Ahli-ahli Yang Berhormat, kalau saya tidak dapat jawab secara *details* kepada semua persoalan yang Yang Berhormat bangkitkan, izinkan saya untuk menjawabnya secara bertulis. Ini kerana, kalau ikut masa ini *I won't be to make it to answer all your questions at one go*. Jadi, saya minta maaf.

Jadi mana yang dapat saya jawab, saya jawab yang menyentuhi kepada perkara yang lebih kurang sama. Kalau ada kelainan saya akan jawab secara bertulis dan *I will make sure you get the answers before the end of this week.*

Tuan Pengerusi, saya ingin menjelaskan soal perpaduan ini, ia merangkumi segala-galanya dan saya juga telah sebutkan bahawa perpaduan ini ia merentasi kepada semua kementerian. Bukan sahaja menjadi tanggungjawab mutlak kepada Kementerian Perpaduan Negara untuk menguruskan apa-apa sahaja persoalan yang berkaitan dengan kementerian. Kita dengar Yang Berhormat Arau sebut tadi, mungkin kita banyakkkan lagi program-program dengan NGO yang berkaitan dengan perpaduan dan sebagainya.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, semua Menteri di semua kementerian sedar bahawa masing-masing juga mempunyai peranan dalam melaksanakan perpaduan dalam apa juga konteks perancangan yang akan dilaksanakan oleh kementerian masing-masing. Jadi saya hendak sebutkan, bagi kementerian saya, Kementerian Perpaduan Negara ada tiga strategi pelaksanaan kepada perpaduan.

Pertama ialah kepada dasar perpaduan negara. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kementerian sedang dalam peringkat terakhir untuk penyediaan sebuah dasar perpaduan negara yang akan menjadi pemangkin kepada tiga perkara. Satu, perancangan dasar perpaduan negara itu sendiri yang akan menjadi input kepada *blueprint* perpaduan negara dan yang kedua.

Ketiga ialah, menjadi inti pati kepada perancangan yang sedang dilaksanakan dan *insya-Allah* akan dilancarkan Dasar Perpaduan Negara, *blueprint* perpaduan dan juga Pelan Tindakan Perpaduan negara. *Insya-Allah* akan dilancarkan pada tahun hadapan. *Contents* ini termasuklah kalau Pelan Tindakan Perpaduan, ia berkaitan dengan tindakan terancang yang mahu kita rencanakan supaya rakyat boleh memikirkan dan meletakkan peranan tanggungjawab perpaduan sebagai sesuatu kebiasaan bersama-sama sesuai dalam konteks Malaysia bagi kita mengukuhkan agenda perpaduan itu.

Di samping itu Yang Berhormat, Tuan Pengerusi, kementerian juga telah membangunkan satu petunjuk kepada pengukuran tahap perpaduan nasional yang menjadi sumber rujukan yang penting dari masa ke semasa kepada kementerian dalam apa juga perancangan yang telah pun saya sebutkan tadi. Kementerian telah membangunkan satu petunjuk yang dinamakan sebagai IPNas.

IPNas ini Tuan Pengerusi, ialah untuk kita merancang mengikut kepada tuntutan isu-isu semasa yang berbangkit kepada pengolahan baharu kepada apa-apa juga perancangan yang mahu dilaksanakan. Saya telah pun menyebutkan tentang Dasar

Perpaduan negara yang menjadi kepala kepada keseluruhan perancangan sama ada *blueprint* ataupun pelan tindakan yang akan membolehkan legitimasi bagi pelaksanaan kepada Pelan Tindakan Perpaduan dan juga menyediakan panduan kepada strategi-strategi dan tindakan dari masa ke semasa. Ia juga menjadi satu punca kuasa yang menjurus kepada jurang sosial yang ada di pelbagai peringkat sama ada di peringkat pusat ke negeri ke yang melibatkan individu ke, keluarga ke, komuniti ke, ataupun kepada mana-mana institusi. Jadi, ketiga-tiga perancangan.

Dr. Maszlee bin Malik [Simpang Renggam]: [*Bangun*]

Datuk Halimah binti Mohamed Sadique: Nanti dulu Yang Berhormat Simpang Renggam. Saya belum siap lagi.

Dr. Maszlee bin Malik [Simpang Renggam]: Okey.

Datuk Halimah binti Mohamed Sadique: Dasar Perpaduan Negara, *blueprint* dan Pelan Tindakan Perpaduan adalah satu usaha untuk kita memperkukuhkan dan menggalakkan rakyat memikirkan perpaduan sebagai satu kebiasaan supaya dapat dibudayakan dalam masyarakat majmuk yang ada di Malaysia.

Yang Berhormat Simpang Renggam tak faham saya ya, saya bagi Yang Berhormat sikit sahaja.

■1330

Dr. Maszlee bin Malik [Simpang Renggam]: Ya, Yang Berhormat Menteri.

Datuk Halimah binti Mohamed Sadique: Saya beri Yang Berhormat satu minit sahaja. Saya masa tidak cukup.

Dr. Maszlee bin Malik [Simpang Renggam]: Okey, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Satu minit sahaja.

Dr. Maszlee bin Malik [Simpang Renggam]: Ya, Yang Berhormat Menteri. Ya, terima kasih. Saya amat tertarik dengan pelan tindakan yang telah disebutkan tadi yang akan dijadikan panduan untuk semua institusi yang berkaitan dengan perpaduan. Bagi pihak KPM, pada Jun 2019, kita telah melancarkan Pendidikan Sivik merentasi kurikulum dan merentasi kokurikulum. Jadi saya hendak tahulah, sejauh mana kerjasama di antara kementerian dengan Kementerian Pendidikan agar subjek Pendidikan Sivik merentasi subjek, merentasi kurikulum itu selari dengan apa yang disebutkan tadi?

Begitu juga di peringkat KPT, kita telah— kita pula. KPT telah memperkenalkan dahulu dua subjek teras iaitu subjek Falsafah dan Isu Semasa dan juga Etika dan Ketamadunan yang mana ia juga bertujuan untuk selain daripada kelestarian dan kemapanan, adalah untuk perpaduan juga. Sejauh mana panduan yang disebutkan oleh Yang Berhormat tadi itu diintegrasikan ke dalam dua subjek tersebut? Terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar]: Masa 30 saat Yang Berhormat Menteri. Tidak ada peluang berbahas.

Datuk Halimah binti Mohamed Sadique: Tidak ada, tidak ada. Tadi siapa suruh Yang Berhormat tidak bahas.

Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar]: Masa tidak cukup.

Datuk Halimah binti Mohamed Sadique: Kalau sudah tahu tidak boleh bahas, mencelahlah. Okey, tidak ada, tidak ada.

Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar]: Masa tidak cukup.

Datuk Halimah binti Mohamed Sadique: Saya tidak cukup masa.

Tuan P. Prabakaran [Batu]: Masa tidak cukup, macam mana hendak bahas.

Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar]: 15 saat, 15 saat.

Datuk Halimah binti Mohamed Sadique: Minta maaf. Saya tidak cukup masa. Jadi saya minta maaf. Okey, saya hendak sebut sedikit apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Simpang Renggam tadi. Macam teringat sahaja masih ada di sini. *[Merujuk kepada blok kerajaan]* Marilah ke mari. *[Ketawa]*

Tuan Pengerusi, berkaitan dengan perkara yang disebutkan oleh Yang Berhormat Simpang Renggam tadi, saya telah maklumkan Yang Berhormat dalam beberapa jawapan yang telah pun saya sebutkan bahawa pihak Kementerian Perpaduan Negara telah pun duduk bersama dengan Kementerian Pendidikan Malaysia, Kementerian Pengajian Tinggi serta Kementerian Komunikasi dan Multimedia dan telah pun ditubuhkan satu jawatankuasa teknikal yang dipengerusikan oleh KSU Kementerian Perpaduan Negara bersama-sama dengan KSU daripada tiga buah kementerian ini untuk memasukkan Pendidikan Penghayatan Rukun Negara di peringkat pendidikan awal kanak-kanak sehinggalah kepada sekolah menengah.

Di samping itu untuk kita perkasakan Kelab-kelab Rukun Negara yang sedia ada di sekolah rendah dan sekolah menengah. Bagi di universiti pula, kita perkukuhkan Penghayatan Pendidikan Rukun Negara ini di peringkat Sekretariat Rukun Negara. Yang Berhormat pun maklum, Yang Berhormat ada di kementerian itu sebelum ini. Jadi saya harap gerakan yang sedang dibuat oleh kerajaan ini, kerjasama baik dan rapat antara empat buah kementerian ini akan dapat dilaksanakan dengan baik. *Insyaa-Allah* tahun depan kita akan memulakannya. Ia bukan satu mata pelajaran baharu Yang Berhormat. Kita masukkan dalam mata pelajaran-mata pelajaran sedia ada untuk diperkukuhkan. Contohnya, mata pelajaran Sivik dan sebagainya. Terima kasih.

Saya ingin menjawab kepada persoalan yang dibangkitkan oleh rakan-rakan saya Tuan Pengerusi sekarang. Saya minta maaf Tuan Pengerusi. Saya ini ada sakit tekak sedikit ya. Bukan sakit tekak, *sore throat*. Bahaya pula sakit tekak. Suara tidak berapa bagus kerana telah diguna habis.

Soalan pertama yang mungkin saya— saya tidak ikut kepada urutan perbahasan. Soalan pertama yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Hulu Selangor kerana Yang Berhormat Hulu Selangor ini dia ada soalan hari itu, minggu lepas. Akan tetapi tidak sempat, sampai sempadan. Soalan dia nombor 10. Jadi saya tidak dapat jawab tetapi saya sudah jawab, saya akan hantar jawapan bertulis kepada Yang Berhormat yang mungkin akan menjawab lebih banyak lagi tentang perkara-perkara Yang Berhormat telah bangkitkan. Ini kerana ada juga menyentuh kepada jawapan saya yang perlu saya berikan kepada Yang Berhormat berkaitan soalan nombor 10 Yang Berhormat itu ya. Jadi mungkin secara *basic* saya boleh berikan.

Perjawatan kontrak, fungsi di bawah KPN. Saya ingin memaklumkan terdapat seramai 2,254 jawatan kontrak di bawah Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional. Jawatan-jawatan kontrak ini ialah jawatan guru-guru yang kami tempatkan di 1,781 Tabika-tabika Perpaduan dan di 41 Taska Genius Perpaduan.

Keduanya Tuan Pengerusi, peningkatan ketara bajet pembangunan sebanyak RM20 juta dari tahun 2020 daripada Yang Berhormat Hulu Selangor. Pada tahun 2020 sebanyak RM92.8 juta dan pada tahun 2021 pula RM102.9 juta. Perbezaan sebanyak RM10.1 juta. Peruntukan ini Yang Berhormat adalah merupakan projek-projek sambungan daripada RMKe-11 yang telah pun komited pada tahun 2011 dan untuk kita lanjutkan penyelesaiannya kepada tahun depan.

Kalau Ahli-ahli Yang Berhormat, tengok kepada bajet yang ada dalam bajet untuk kementerian, kalau dibandingkan, ada di antaranya yang berlaku peningkatan kerana sebelum ini kementerian ini duduknya sebagai sebuah jabatan iaitu Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional, yang duduknya di bawah Jabatan Perdana Menteri.

Di atas keperluan mendesak yang perlu untuk kita laksanakan agenda perpaduan nasional ini, maka kerana itu kementerian ini diwujudkan. Bila diwujudkan kementerian ini, maka sudah tentulah akan berlaku sedikit peningkatan. Kalau dahulu jabatan, pada tahun ini, bermula pada 10 Mac yang lepas, telah pun menjadi sebuah kementerian. Jadi, sudah tentu akan berlaku sedikit sebanyak peningkatan yang akan diletakkan di bawah kementerian.

Tuan Pengerusi, saya ingin menyentuh perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Batu Kawan tadi semasa pencelahan Yang Berhormat Hulu Selangor tadi. Cadangan untuk agihan ikut bukan kepada gender tapi keperluan. Wanita, organisasi, OKU dan sebagainya. Ini adalah di bawah MITRA, yang dibangkitkan ya Yang Berhormat. Saya ingin memaklumkan, di bawah MITRA ini, saya pun sudah jawab banyak ini. MITRA ini saya jawab kepada Yang Berhormat Batu Gajah, ya Yang Berhormat Batu Gajah. Itu sudah angkat tangan. MITRA saya jawab kepada ramai. Ada

persoalan-persoalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Sungai Siput dan sebagainya termasuk Yang Berhormat Batu Kawan dan mungkin sedikit menyentuh.

MITRA setakat ini telah pun merancang— kita akan habis. Yang Berhormat kena maklum, MITRA ini diwujudkan— saya ambil alih MITRA ini bermula pada 10 April. Daripada Januari hingga Mac, ia di bawah JPM dan peruntukan kita RM100 juta. So, RM34.9 juta dibelanjakan oleh MITRA di bawah JPM. Itu tidak ada kaitan dengan kita. Bila kita ambil alih pada bulan April 2020, kita telah dibekalkan dengan RM65 juta. *The balance of the RM100 million, after taken off RM30.9 million.*

Jadi berdasarkan kepada RM65 juta ini Yang Berhormat, kita belanjakan ikut kepada kluster-kluster, tiga kluster yang kita letakkan iaitu modal insan, keusahawanan dan juga kesejahteraan sosial. Maka kerana itu, tiga skop ini telah mengambil kira semua kepelbagaian kelompok masyarakat, wanita kah, OKU kah, organisasi dan sebagainya, telah mengambil kira keseluruhannya ya. Maka kerana itu, saya harap Yang Berhormat janganlah pakai lagi perkataan, “*ada yang terpinggir*” dan sebagainya.

Saya juga ingin maklumkan peruntukan bagi masyarakat India ini Yang Berhormat, ia bukan 100 peratus di bawah MITRA, di bawah KPN ini, tidak. Di bawah KPN ini adalah projek-projek pembangunan sosioekonomi berteraskan kepada tiga kluster yang saya sebutkan tadi. *But that does not mean that* bila sebut tentang masyarakat India, hanya di bawah Kementerian Perpaduan Negara, kementerian lain semua tidak ada tanggungjawab. Tidak ada.

Tuan Lim Lip Eng [Kepong]: Ya, Yang Berhormat Menteri.

Datuk Halimah binti Mohamed Sadique: Ini kerana ada persoalan yang dibangkitkan, kenapa peruntukan MITRA terlalu kecil, tidak cukup.

Tuan Lim Lip Eng [Kepong]: Yang Berhormat Menteri, soalan, soalan.

Dato’ Hajah Azizah binti Mohd Dun [Beaufort]: Yang Berhormat Menteri, Yang Berhormat Menteri, mana pula India sahaja. Fasal apa integrasi Sabah dan Sarawak ini tidak ditekankan..

Tuan Lim Lip Eng [Kepong]: Betul, betul.

Datuk Halimah binti Mohamed Sadique: Tidak. Ini bukan saya jawab kepada Yang Berhormat Beaufort. Yang Berhormat Beaufort tunggulah dahulu.

Tuan Lim Lip Eng [Kepong]: Kepong, Kepong.

Datuk Halimah binti Mohamed Sadique: Tunggu dahulu. Saya jawab kepada Yang Berhormat Hulu Selangor dan Yang Berhormat Batu Kawan. Jangan— saya sudah susun, saya sudah susun. Jadi saya hendak beritahu bahawa banyak lagi skim bantuan yang disediakan oleh kerajaan di bawah kementerian-kementerian yang lain.

Seterusnya Tuan Pengerusi, saya takkan beri pencelahan kerana saya hendak selesaikan. Perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Segambut, iaitu mengenai

berapa bajet. Adakah mencukupi dan sebagainya bagi Tabika Perpaduan, berapa jumlah kanak-kanak, ya Yang Berhormat Segambut. Yang Berhormat Segambut ini sangat dekat hatinya bila berkaitan dengan wanita dan kanak-kanak. Ya lah kerana dulu pernah berada di Kementerian Pembangunan Wanita.

Jadi saya hendak sebutkan, bajet yang ada Yang Berhormat untuk TP. Saya sebut TP lah selepas ini, Tabika Perpaduan. Saya ada sebanyak 1,781 Tabika Perpaduan dan saya ada sebanyak 41 Taska Genius Perpaduan.

■1340

Bagi 1,781 Tabika Perpaduan, saya mempunyai bilangan anak-anak murid, anak-anak saya, pelajar saya seramai 38,363 orang. Untuk itu, kita tidak ada keperluan, buat masa ini KPN masih lagi akan dapat meneruskan pengurusan yang berkaitan dengan Tabika Perpaduan tadi, kerana apa Yang Berhormat, dalam bajet ini Yang Berhormat tengok mungkin tidak ada perinciannya secara detil. Di bawah Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional telah pun dimasukkan bajet berkaitan dengan bantuan makan minum tabika dan sebagainya. Jadi bantuan yang dibekalkan kepada tabika 1,781 buah Tabika Perpaduan saya akan berjalan dengan baik. Tidak ada penjejasan sebarang bajet kepada Tabika-tabika Perpaduan saya sebanyak 1,781.

Cadangan Yang Berhormat, kalau macam payah pulangkanlah, serah kepada KPM. KPM ada *preschool* mereka Yang Berhormat. KPM ada peranan ke atas prasekolah yang diwujudkan di sekolah-sekolah. Kita ada beberapa pendidikan, tanggungjawab kementerian yang menjaga, pendidikan awal kanak-kanak. Pertama, *preschool*, pendidikan awal kanak-kanak di bawah Kementerian Pendidikan Malaysia dan yang kedua, yang paling besar ialah di bawah KPLB, KEMAS.

So, yang di bawah KPM saya rangka dalam 8,000 lebih dan di bawah KPLB ada lebih kurang 9,000 dan di bawah saya, adalah sebanyak 1,781 dan diwujudkan di kawasan-kawasan perbandaran terutama dalam kawasan-kawasan taman, dalam kawasan penempatan perbandaran rakyat yang ada dalam kawasan. Yang Berhormat, *I cannot give you anymore because I am going to answer you*. Saya minta maaf banyak-banyak ya.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Yang Berhormat Menteri, Yang Berhormat Menteri perlu tambah berapa minit lagi? Lima minit boleh?

Datuk Halimah binti Mohamed Sadique: Lima, lima minit boleh. Kus semangat. *[Ketawa]* Saya pun tidak tahulah hendak jawab mana, yang betul ini. Yang Berhormat Kuala Krai, usaha tingkat perpaduan saya sudah sebut tadi, Dasar Perpaduan Negara, *Blueprint* Pelan Tindakan.

Saya tidak hendak jawab detil Pelan Tindakan Perpaduan (PTPN) kerana saya akan jawab ada satu soalan dalam sehari dua ini yang berkaitan dengan PTPN. Jadi

mungkin jawapan itu lebih jelas apabila saya bahagikan dalam soalan yang akan berbangkit. Saya ingat dalam sehari dua ini. Mungkin saya tidak jawab semua Yang Berhormat Kuala Krai, saya akan jawab Yang Berhormat Kuala Krai secara bertulis, terima kasih.

Tuan Pengerusi, seterusnya Yang Berhormat Batu Gajah. Kriteria *mediator* ini. Kita ada 400 *mediator* Yang Berhormat. Seramai 400 orang, *specially train* di UIA dan UiTM. Mereka akan menjadi *mediator*, buat mediasi. Apabila berlaku sesuatu kedengaran dalam masyarakat, mereka akan mengambil bahagian *to mediate*, untuk menjalankan *mediation* dengan masyarakat setempat. Warganegara terlibat dalam apakah keperluannya, ini berkaitan juga dengan Yang Berhormat Beaufort yang telah bangkitkan kelayakan minimum SPM, boleh bertutur bahasa dengan Malaysia fasih dan sebagainya dan kita akan bagikan *training* di UIA dan UiTM.

Seterusnya Yang Berhormat Batu Gajah banyak, MITRA Yang Berhormat Batu Gajah, *I have answer all these* lah dalam *you* punya jawapan *but* kalau ada tidak cukup, saya akan tambah kepada jawapan yang saya sudah bagi. Bajet MITRA, ya lah kita harap lebihlah tetapi tahun depan kita dapat RM100 juta tidak apa, dengan RM100 juta itu kita akan rancang dengan sebaik mungkin. Tidak akan lari daripada tiga kluster yang telah saya sebutkan tadi.

Seterusnya Tuan Pengerusi, Yang Berhormat Tampin telah pun membangkitkan tentang Dasar Perpaduan Negara. tadi saya sudah sebut secara ringkas sejauh mana tahap perpaduan negara, saya sudah sebut IPNas tadi. Indeks Perpaduan Nasional (IPNas), saya sudah sebut untuk mengukuhkan tahap perpaduan dan sebagainya dengan perkara-perkara yang akan kita ambil kira dalam setiap perancangan.

Yang Berhormat Pasir Puteh telah pun membangkitkan tentang peruntukan untuk apakah itu MPPN, Yang Berhormat Pasir Puteh, Majlis Penasihat Perpaduan Nasional (MPPN). Majlis Penasihat Perpaduan Nasional ini Tuan Pengerusi dipengerusikan oleh Yang Berhormat Menteri Kanan kluster sosial. Ahli-ahli majlis dipilih daripada kepelbagaian bidang, sama ada mereka ahli akademik atau mereka yang aktif dalam bidang kemasyarakatan dan sebagainya. Daripada segi kepelbagaian kepakaran yang dilantik.

Bagi TAP pula, TAP ini ialah *Team Ahli Pemikir* (TAP) kepada kementerian yang dipengerusikan oleh Yang Berbahagia Profesor Ulung Datuk Dr. Shamsul Amri daripada KITA, UKM. Kita ada kerjasama dengan Institut Kajian Etnik. Ini dinamakan KITA di UKM. Maka kerana itu saya mewujudkan satu *team* pemikir kepada kementerian yang kita namakan TAP iaitu *Team Ahli Pemikir* lah sebenarnya.

Kepada Yang Berhormat Arau. Saya ucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Arau dan Yang Berhormat Pontian yang telah menyokong kepada bajet ini

dengan permohonan supaya tambahkanlah, tambahkan lagi. Jadi Yang Berhormat Tanjong Karang pun sudah berbisik dengan saya “*Kalau tidak dapat kali ini Mah, mungkin midterm review.*” Cuma Yang Berhormat Tanjong Karang tidak ada peluang untuk berbahas tetapi sudah berbisik kepada saya di luar tadi. Kalau tidak dapat RP1, mohonlah supaya ditambah pada RP2.

Jadi saya berharap mudah-mudahan kerajaan akan mengambil kira pandangan daripada rakan-rakan. Kerjasama NGO, saya sudah sebut daripada awal tadi dan saya ambil maklum tentang semua perkara yang sudah dibangkitkan oleh Yang Berhormat Arau untuk – saya tidak dapat secara detil Tuan Pengerusi, saya akan jawab secara bertulis.

Okey, Yang Berhormat Kuala Langat. MITRA, SOP MITRA dan sebagainya. Saya hendak beritahu dengan Yang Berhormat Kuala Langat, apabila saya mengambil alih kementerian ini, apabila ditubuhkan kementerian ini saya mewujudkan dua buah jawatankuasa untuk MITRA. Bukan lagi atas kuasa Menteri kah, ketua pengarah untuk memberikan kelulusan, tidak ada lagi.

Dia atas dua jawatankuasa. Pertama ialah Jawatankuasa Penilai yang dipengerusikan oleh Ketua Setiausaha, KSU saya. Ahlinya adalah penasihat undang-undang, ketua integriti dan sebagainya. Semua duduk sebagai ahli jawatankuasa, semua permohonan kepada MITRA akan dibawa kepada jawatankuasa ini. Jawatankuasa ini akan membuat penilaian sama ada patut diberikan atau tidak. Sama ada geran itu patut diberikan, kalau geran itu berapa agaknya hendak diberikan? Apa syarat-syarat yang dikenakan dan selepas diberikan kelulusan, kita ada satu lagi jawatankuasa yang kita namakan Jawatankuasa Pemantau MITRA.

Jadi apabila sudah beri kelulusan untuk pelaksanaan, jawatankuasa MITRA yang dipengerusikan oleh KSU juga akan memantau perbelanjaan dari segi peruntukan pelaksanaan program yang telah pun diluluskan oleh Jawatankuasa Penilai. Lain-lain SOP dan sebagainya, itu saya sudah sebut dua jawatankuasa. Sudah tidak ada masa Yang Berhormat Ledang, saya minta maaf banyak-banyak. Tuan Pengerusi...

Tuan Syed Ibrahim bin Syed Noh [Ledang]: Sedikit sahaja tadi Menteri. Fasal geran KRT, RM50 juta.

Datuk Halimah binti Mohamed Sadique: Geran KRT RM50 juta ini, ia sebenarnya dekat dalam bajet ini ada tetapi dinyatakan sebanyak RM38 juta. Sudah terlepas pula hendak mencari, satu hal pula. Ia sebenarnya ada dekat dalam, RM38 juta. Jadi yang *balance* RM11 juta lebih itu akan diberikan oleh Kementerian Kewangan kepada kita sesuai dengan pengumuman RM50 juta iaitu daripada 4,800 bajet kepada KRT ditambahkan kepada 6,000. Maknanya tahun depan 8,333 KRT akan menerima geran 6,000, kita akan bagikan kepada semua KRT.

Jadi Tuan Pengerusi, saya minta maaf kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain, mungkin ada yang saya tidak dapat sentuh dengan baik tetapi saya akan berikan jawapan itu, *Insyah-Allah*. Saya mengucapkan terima kasih kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang dapat mengambil bahagian. Saya rasa teruja apabila ramai berdiri, berpeluh-peluh saya mencatat tadi.

Saya mengucapkan terima kasih banyak-banyak kerana pandangan, nasihat yang baik. Saya juga ingin mengucapkan terima kasih kepada semua, kepada KSU, pegawai-pegawai yang bekerja kuat untuk menyediakan fakta-fakta kepada jawapan saya pada hari ini. Terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri Perpaduan Negara.

Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah RM320,337,400 untuk Kepala B.14 Anggaran Perbelanjaan Mengurus 2021 jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujui.

[Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui]

[Kepala B.14 diperintah jadi sebahagian daripada Jadual]

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Masalahnya ialah bahawa perbelanjaan di bawah Kepala P.14 Anggaran Perbelanjaan Pembangunan 2021 hendaklah diluluskan.

[Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui]

[Kepala P.14 jadi sebahagian daripada Anggaran Perbelanjaan]

■1350

Tuan Pengerusi: Usul.

USUL

WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN DIBEBASKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT

1.51 tgh.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Parlimen dan Undang-undang) [Dato' Takiyuddin bin Hassan]: Tuan Yang di-Pertua;

“Tanpa mengambil kira Usul Peraturan Mesyuarat 12(1) terdahulu iaitu pada Khamis 5 November 2020 dan mengikut Peraturan Mesyuarat 12(1) saya mohon mencadangkan, bahawa Majlis Mesyuarat pada hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga selesai dibahas dan diputuskan dalam peringkat Jawatankuasa Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi bagi Rang Undang-undang Perbekalan 2021 dan Usul Anggaran Pembangunan dan selepas itu Majlis Mesyuarat akan ditangguhkan sehingga jam 10.00 pagi, hari Rabu, 2 Disember 2020”.

Terima kasih.

Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Puan Hjhh Zuraida binti Kamaruddin]: Tuan Pengerusi, saya mohon menyokong.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis untuk diputuskan..

Puan Teo Nie Ching [Kulai]: Minta penjelasan, minta penjelasan, Tuan Pengerusi. Saya hendak tanya, sekarang terutama ialah minggu ini, tiap-tiap hari kita lanjutkan sidang Dewan kita. Saya tidak ada bantahan tetapi saya hendak tanya. Kalau begitu apalah itu *standing* untuk keputusan yang telah kita buat pada 5 November seperti yang telah disebut oleh Yang Berhormat Menteri tadi. Saya nampak sekarang kita tidak perlu hadkan masa sampai pukul 2.00 petang.

Kalau kita boleh lanjutkan masa sampailah pukul 3.00 petang, sampailah pukul 4.00 petang. Biarlah kita ada sidang sampai pukul 5.30 petang supaya lebih ramai orang boleh berbahas dan Yang Berhormat Menteri juga mempunyai masa yang lebih panjang untuk memberi jawapan. Kita tidak perlu *rush* macamlah kita tidak ada masa lagi. Nampaknya sekarang COVID-19 tidak boleh jadi alasan lagi untuk kita hadkan masa lagi.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Baik, terima kasih, Yang Berhormat Kulai. Terima kasih, Yang Berhormat Kulai. Untuk Yang Berhormat Kulai, kita memang...

Tuan Nga Kor Ming [Teluk Intan]: Tuan Pengerusi, izinkan saya membantu juga.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Ya.

Tuan Nga Kor Ming [Teluk Intan]: Sukacita saya mohon supaya Tuan Pengerusi, ikut balik peraturan mesyuarat kita supaya masa bersidang ini daripada pukul 10.00 pagi sampai 5.30 petang. Bukan lagi dipendekkan kerana COVID-19 dia tidak memilih waktu dan masa. Ini adalah logik sebab saya harap daripada Tuan Pengerusi dapat mengkaji semula. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih. Yang Berhormat, ada hendak beri jawapan.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Parlimen dan Undang-undang) [Dato' Takiyuddin bin Hassan]: Tuan Pengerusi, terima kasih kepada Yang Berhormat Kulai dan Yang Berhormat Teluk Intan, tetapi kerajaan tidak berhasrat untuk menerima pandangan itu.

Pada hari ini sebagaimana kita maklum sebelah pagi tadi kita terpaksa bergegas keluar daripada Dewan ini kerana terdapat *alarm* kebakaran. [*Dewan riuh*] Oleh sebab itu...

Tuan Nga Kor Ming [Teluk Intan]: Ini mana boleh dijadikan alasan, Yang Berhormat Menteri.

Dato' Takiyuddin bin Hassan: Ya, apa yang dilakukan oleh pihak kerajaan adalah sebagaimana di bawah peraturan mesyuarat sebagaimana Yang Berhormat Teluk Intan amat-amat memahaminya. Ini adalah urusan kerajaan dan boleh diteruskan berdasarkan peraturan mesyuarat. Kerajaan tidak bercadang untuk kembali sebagaimana yang disebutkan.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih, Yang Berhormat Menteri.

Puan Teo Nie Ching [Kulai]: Jadi Yang Berhormat Menteri setuju...

[Pembesar suara dimatikan]

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis untuk diputuskan. Masalahnya ialah usul seperti yang dikemukakan tadi hendaklah disetujui.

[Usul dikemuka bagi diputuskan; dan disetujui]

Kepala B.20 [Jadual] – Kepala P.20 [Anggaran Pembangunan 2021] –

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Ahli-ahli Yang Berhormat, Kepala Bekalan B.20 dan Kepala Pembangunan P.20 di bawah Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi terbuka untuk di bahas.

Sekarang saya jemput— saya ada senarai di sini saya jemput Yang Berhormat Seputeh, kemudian diikuti oleh Yang Berhormat Hulu Rajang, lima minit. Dipersilakan.

1.54 tgh.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya ingin merujuk kepada Butiran 11101 – Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB). Saya ingin tanya berkenaan dengan cadangan tambahan RM5 SES bagi setiap tan minyak sawit mentah (CPO) dan *crude palm kernel oil* (CPKO) kepada MPOB mulai 1 Januari 2021 bagi tujuan mekanisasi dan automasi (M&A) untuk industri minyak sawit.

Di bawah cadangan ini, kerajaan akan memberi *matching grant* dengan kadar *one-to-one*, satu persatu bagi inisiatif mekanisasi ini. Akan tetapi dalam Bajet 2021, saya lihat kerajaan mengumumkan ia hanya akan memperuntukkan RM30 juta *matching grant* bagi menggalakkan pelaburan dalam M&A. Ini bermaksud nisbah *matching grant* hanya 0.27:1 dan bukannya *one-to-one* seperti apa yang dicadangkan.

Cadangan peningkatan RM5 SES ini mendatangkan ketidakpuasan di kalangan pengusaha minyak sawit. Saya ada baca kenyataan akhbar daripada Persatuan

Pemilik Ladang Malaysia (MEOA) bertarikh 29 November tahun ini. Persatuan ini minta dialog di antara Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi dan MPOB dengan pengusaha industri minyak sawit.

Negara kita mengeluarkan lebih kurang RM20 juta tan minyak sawit satu tahun. Tambahan SES baharu RM5 ini bermaksud tambahan RM100 juta SES kepada MPOB. Saya ingin minta Yang Berhormat Menteri menjelaskan secara terperinci macam mana MPOB menggunakan tambahan RM100 juta SES ini, apakah struktur pengurusan SES untuk M&A ini dan apakah projek yang akan diberi keutamaan dan sebagainya.

Selama ini industri minyak sawit negara dikenakan banyak cukai. Selain daripada cukai syarikat yang dibayar kepada LHDN, pengusaha industri kena bayar SES RM14 setiap tan bagi produk minyak sawit kepada MPOB. Selain itu industri juga dikehendaki bayar cukai keuntungan luar biasa, *windfall levy* bila harga CPO mencapai RM2,500 setiap tan di Semenanjung Malaysia dan RM3,000 bagi Sabah dan Sarawak. Selain itu, syarikat yang mengeksport CPO juga perlu bayar duti eksport. Bagi syarikat di Sabah dan Sarawak pula, mereka malah dikehendaki membayar cukai jualan 7.5 peratus dan lima peratus kepada kerajaan negeri masing-masing.

Memandangkan industri minyak sawit terlalu banyak dikenakan cukai, saya ingin cadangkan kementerian menghentikan pengenaan tambahan RM5 SES untuk tujuan mekanisasi dan automasi tersebut dan mengadakan lebih dialog dengan pelbagai pihak dalam industri sawit. Memandangkan kerajaan telah mengutip banyak *windfall levy* kerana harga minyak sawit telah melebihi RM2,500 setiap tan, maka *windfall levy* ini haruslah disalurkan kepada tujuan kajian M&A bagi industri sawit tersebut.

Tuan Pengerusi, saya juga ingin bangkitkan isu berkenaan dengan biodiesel, program biodiesel B20. Dalam Bajet 2020 yang diumumkan pada tahun lepas, kita sepatutnya melaksanakan biodiesel B20 secara berperingkat di seluruh negara pada tahun ini dan kementerian sepatutnya menaik taraf kesemua depot di negara kita untuk menampung biodiesel B30. Pada setengah tahun yang lepas saya terbaca kementerian mengeluarkan kenyataan untuk menangguhkan pelaksanaan B20 kerana harga minyak sawit telah meningkat.

Di sini saya ingin bertanya Yang Berhormat Menteri, macam mana dengan peruntukan RM300 juta bagi MPOB untuk menaik taraf kelengkapan depot simpanan biodiesel ke B30 di seluruh negara. Berapa depot telah dinaikkan taraf untuk menampung pelaksanaan B20 sekiranya harga minyak sawit jatuh pada tahun depan dan perlu melaksanakan B20? Apakah kesemua depot di negara kita ini telah dinaikkan taraf untuk menampung biodiesel B20?

Tuan Pengerusi, saya juga ingin tanya tentang penanaman satu juta pokok jenis hutan di Sabah. Kementerian MPIC telah mengumumkan penanaman satu juta pokok

jenis hutan di Hutan Simpanan Kekal di Hilir Kawag dekat Lahad Datu di Sabah dan dana penanaman pokok ini diperolehi daripada tambahan RM1 SES yang dikutip daripada industri sawit.

Projek tanam satu juta pokok ini adalah untuk menangani Kempen Anti Sawit yang negatif di masyarakat antarabangsa. Kita ingin memberi gambaran baik kepada masyarakat antarabangsa bahawa industri sawit Malaysia menyumbang kepada penanaman pokok dan pemeliharaan binatang liar dan penanaman sawit dan pemuliharaan hutan rimba boleh wujud bersama. Pada akhir tahun lepas, saya difahamkan MPOC telah tanam lebih 4,000 pohon pokok jenis hutan. Saya ingin tahu berapa pokok jenis hutan telah ditanam di Sabah sehingga hari ini.

Tuan Pengerusi, Butiran 020500 – Lembaga Lada Malaysia (MPB). Saya ingin tanya Yang Berhormat Menteri apa berlaku pada Saraspice, anak syarikat yang ditubuhkan di bawah Lembaga Ladang Malaysia (MPB) yang dikawal 100 peratus oleh MPB sekarang. Macam mana dengan *rebranding* produk lada Saraspice sekarang? Apakah produk hiliran baru yang telah menjalani *rebranding* telah dikeluarkan oleh Sara Spice?

Saya terima maklumat di mana Saraspice masih hutang dan enggan bayar syarikat pengiklanan yang membantu Saraspice untuk menjalani *rebranding* bagi produk Sara Spice kerana kononnya pihak MPB enggan keluarkan bayaran.

■1400

Keengganan Saraspice bayar perbelanjaan syarikat pengiklanan ini malah menyebabkan pengurus baru Saraspice meletakkan jawatan. Apakah ini benar?

Tujuan Saraspice ditubuhkan adalah untuk memastikan MPB boleh fokus perannya sebagai agensi kerajaan yang mengeluarkan lesen menjalankan penyelidikan dan menjalankan penguatkuasaan dalam industri lada. Ini adalah kerana selama ini MPB memang telah menjalankan peranan sebagai agensi penguatkuasaan di samping perniagaan lada...

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Yang Berhormat Seputeh, minta rumuskan Yang Berhormat Seputeh.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: ...Dan memang merupakan konflik kepentingan. Jadi Saraspice perlu ambil alih fungsi membeli dan menjual lada.

Tuan Pengerusi, bagi saya satu minit lagi.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Kena...

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Ini kerana Yang Berhormat Timbalan Menteri ada di sini. Kalau saya baca laporan berita di *Borneo Post* yang bertarikh 19 November, di mana Yang Berhormat Timbalan Menteri MPIC Yang Berhormat Puncak

Borneo menafikan Saraspice Berhad mengambil alih operasi pembelian lada daripada MPB.

Saya ingin tanya, apakah Yang Berhormat Timbalan Menteri dilaporkan salah ataupun *misquoted* oleh *Borneo Post* atau beliau tidak faham dengan tujuan asal penubuhan Saraspice yang mana sebenarnya adalah mengambil alih bahagian *trading* daripada MPB? Sekiranya Saraspice tidak mengambil alih fungsi perdagangan ataupun *trading* daripada MPB, apakah MPB akan terus menjalankan perdagangan di samping menjalankan penguatkuasaan dan pengeluaran lesen yang merupakan percanggahan kepentingan kedua-dua fungsi ini?

Saya ingin minta Yang Berhormat Menteri memberitahu Dewan yang mulia ini tentang peranan MPB dan Saraspice dan kenyataan Yang Berhormat Timbalan Menteri dari Puncak Borneo yang dilaporkan di *Borneo Post* tersebut.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Yang Berhormat Seputeh, masa sudah tamat Yang Berhormat Seputeh.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Sehubungan dengan itu, saya juga hendak tanya Yang Berhormat Menteri yang memberhentikan Ketua Pengarah MPB dalam masa 24 jam tanpa memberi apa-apa alasan. Sepatutnya kontrak beliau tamat pada Februari tahun depan.

Jadi, dalam penggulangan, Yang Berhormat Menteri kata Ketua Pengarah MPB akan dibayar gaji sebulan sahaja atas pemberhentian ini dan Yang Berhormat Menteri mengalu-alukan bekas ketua pengarah ini membawa kes ini ke mahkamah. Saya rasa amat kesal atas sikap dan tindakan...

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Yang Berhormat Seputeh, ini peringkat Jawatankuasa, kena sebut butiran mana.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Ya, saya sudah sebut butiran berkenaan Lembaga Lada Malaysia, Butiran 020500. Sudah.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Baik.

Dato' Sri Bung Moktar bin Raden [Kinabatangan]: Makan masa 10 minit sudah.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Baik. Saya minta rumuskan.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Okey, 30 saat sahaja. Baca ayat terakhir.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: 30 saat, baik.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Saya rasa kesal atas sikap dan tindakan Yang Berhormat Menteri terhadap pemecatan seorang pegawai yang berjawatan tinggi yang cuba sedaya upaya untuk membawa pembaharuan dalam industri lada sepanjang tempoh perkhidmatannya. Apakah ini adil? Yang Berhormat

Menteri seorang ustaz. Apakah tindakan Yang Berhormat Menteri ini bercanggah dengan nilai agama yang dipegang kuat oleh Yang Berhormat Menteri? Saya berharap Yang Berhormat Menteri boleh memberi jawapan ini.

Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Baik, terima kasih Yang Berhormat Seputeh. Sekarang saya jemput Yang Berhormat Hulu Rajang.

2.03 ptg.

Datuk Wilson Ugak anak Kumbong [Hulu Rajang]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya menyambut baik Inisiatif Pengeluaran Getah (IPG) dinaikkan daripada RM100 juta ke RM300 juta di bawah Butiran 030500. Ini merupakan satu bantuan yang diberi oleh kerajaan bagi tujuan membantu pekebun getah selepas berhadapan dengan masalah harga komoditi kita yang tidak stabil selama ini.

Selain daripada itu, inisiatif ini juga akan membantu peneroka kecil bagi meningkatkan pendapatan harian mereka, Tuan Pengerusi. Tatkala musim pandemik ini juga telah menyebabkan ramai peneroka kecil terbeban dengan beban kewangan kerana pendapatan harian mereka terjejas dan harga getah begitu rendah sekali di kawasan saya. Saya berharap agar tahun 2021 ini akan membawa sinaran baharu kepada penoreh getah kita di seluruh negara.

Tuan Pengerusi, saya ingin merujuk kepada Butiran 11101 – Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB). Kini harga sawit tandan segar (FFB) berada di paras RM650 satu tan. Walaupun peningkatan adalah secara sederhana, namun ia dapat memberikan kelegaan kepada pekebun kecil di negeri Sarawak. Harga minyak sawit mentah (MSM) dilihat pulih sejak Mei berikutan dengan peningkatan ketara permintaan eksport pada bulan Jun. Sementara pada bulan Julai juga dilihat akan mencatatkan peningkatan dengan unjuran peningkatan antara lima peratus hingga enam peratus berbanding di bulan Jun yang lalu.

Baru-baru ini, Yang Berhormat Menteri Luar turut menyatakan hasil kerajaan dengan China untuk memberikan lebih banyak MSM dari Malaysia. Pengeluaran keseluruhan tahun ini di Malaysia juga diunjurkan 19 juta tan atau jatuh kepada 4.32 peratus berbanding dengan tahun 2019.

Walaupun eksport 17 peratus lebih rendah pada separuh pertama tahun 2020 berbanding tahun 2019, eksport dilihat meningkat kukuh terutamanya dari India. India meningkatkan pembelian pada Jun berikutan negara ini mula melonggarkan langkah sekatan pergerakan dan meningkatkan stok simpanan sawit kita.

Tuan Pengerusi, namun begitu, saya melahirkan kebimbangan peningkatan mendadak eksport MSM yang dicetuskan pengurangan eksport kepada sifar kerana ia

memberi tekanan kepada stok dengan cepat dan menjadikan ketersediaan produk MSM di pasaran domestik tidak mencukupi.

Saya berharap agar satu kajian segera perlu dilaksanakan bagi memastikan bekalan stok dalam negara sentiasa mencukupi. Jangan kita terlalu ghairah menjadi MSM sehingga lupa akan stok untuk bekalan tempatan kita.

Tuan Pengerusi, saya turut ingin bertanya kepada Yang Berhormat Menteri akan terdapat rungutan daripada peneroka di kawasan saya yang menyatakan mengapa *service charge* sebanyak RM50 satu tan dimasukkan dalam resit penjualan FMB mereka. Mohon perkara ini dapat disiasat dan juga kepada peneroka ini, RM50 adalah agak besar per satu tan, Tuan Pengerusi, iaitu Syarikat Timur Plantation Sdn. Bhd. di kawasan saya di Bintulu.

Maka dengan itu, sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Seterusnya saya jemput Yang Berhormat Kuala Kedah. Lima minit.

2.06 ptg.

Dr. Azman bin Ismail [Kuala Kedah]: Terima kasih Tuan Pengerusi. *Bismillahi Rahmani Rahim*. Saya terus merujuk kepada Butiran 030300 – Menangani Kempen Anti Minyak Sawit.

*[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Jawatankuasa]***

Tuan Pengerusi, kempen anti minyak sawit adalah salah satu faktor terbesar yang menjadi penghalang kepada pemasaran sawit dan penerimaan minyak sawit di kalangan masyarakat antarabangsa. Nampaknya kita telah mengurangkan peruntukan yang kita beri. RM27 juta pada tahun 2020 dan tahun 2021 akan dikurangkan kepada RM20 juta sahaja. Soalan saya ialah apakah ini tidak akan mengganggu kempen anti minyak sawit?

Walaupun kita ada sekatan perjalanan kerana COVID-19 tetapi kempen anti minyak sawit kena berterusan. Isu seperti pemakanan itu berterusan dan dibahaskan dari semasa ke semasa dan terus dijadikan bahan-bahan pembicaraan di forum-forum ramai di TV, di media dan ia memberikan kesan yang sangat buruk kepada sawit kerana *disinformation*, dengan izin, ataupun maklumat-maklumat palsu, maklumat diselewengkan ini sentiasa berlaku, disebarkan oleh pesaing-pesaing minyak sawit di kalangan masyarakat antarabangsa. Kalau kita mengurangkan usaha kita menangani maklumat-maklumat yang mengelirukan ini, maka ia akan memberikan kesan yang buruk kepada perusahaan minyak sawit kita.

Selain daripada itu, kempen anti minyak sawit juga melibatkan isu pekerja. Seperti baru-baru ini di Amerika, isu hak orang asal dan isu penyahhutan atau *deforestation*. Ini semua kena terus kita jalankan dengan baik. Saya merasakan bahawa penekanan kita kepada isu *deforestation*, misalnya, tidak cukup kukuh sepanjang yang kita lakukan ini. Tidak cukup meyakinkan masyarakat antarabangsa.

Kalau kita mengurangkan penekanan ataupun kita mengendurkan apa yang kita lakukan selama ini, saya bimbang bahawa ia akan memberikan kesan yang buruk kepada pasaran minyak sawit kita.

Saya difahamkan daripada apa yang disebutkan oleh Yang Berhormat Menteri, kita sedang mengembangkan pasaran kita ke China dan ke India. Dalam dunia tanpa sempadan, saya cukup yakin bahawa isu-isu yang sama akan dibawa ke China dan India dan akan menjadi isu yang besar. Oleh sebab itu, saya mohon supaya diberikan perhatian sepenuhnya dan dilihat kembali tentang kepentingan menangani kempen anti minyak sawit ini.

Keduanya ialah Butiran 030400 – Pensijilan Minyak Sawit Mampan Malaysia (MSPO) atau *Malaysia Sustainable Palm Oil*. Bagaimanakah kita memasarkan MSPO, Tuan Pengerusi? Kita menggalakkan petani berbelanja dan bersusah payah mendapatkan pensijilan MSPO tetapi kalau sijil MSPO tidak laku atau tidak diterima oleh masyarakat antarabangsa, ia tidak sangat menguntungkan. Juga, petani kita harus ada, mesti ada satu-satu kebaikan yang mereka dapat apabila mereka mencapai MSPO. Mereka perlu rasakan daripada itu.

■1410

Kalau itu tak rasa, maka tidak dirasai oleh petani, oleh pekebun kita dan tidak dirasai kepentingan MSPO itu di peringkat masyarakat antarabangsa, saya bimbang bahawa kempen ini tidak akan gagal. Kita ada sijil, tetapi sijil itu tidak diterima, tidak laku. Macam ada sijil tetapi tidak dapat berbuat apa-apa. Jadi, kerana itu saya ingin bertanya bagaimanakah kempen memasarkan MSPO pada masyarakat antarabangsa?

Seterusnya ialah Butiran 030600 – Institut Perladangan dan Komoditi Malaysia (IMPAC). Bagaimanakah kita mengatasi masalah kekurangan buruh? Tuan Pengerusi, kita ada kekurangan seramai 36,000 orang buruh sehingga bulan November. Bulan Disember dijangka kita akan kurang seramai 52,000 orang buruh. Kekurangan ini kalau tidak diatasi segera dengan mengambil pekerja asing ia akan menyebabkan kerugian melebihi sebanyak RM8 bilion. Apakah usaha yang dilakukan oleh kementerian?

Kita dimaklumkan di Dewan yang mulia ini oleh Yang Berhormat Menteri Perladangan dan Komoditi bahawa dia berusaha – beliau dan kementeriannya berusaha sebaik mungkin untuk menggalakkan orang ramai, orang tempatan bekerja di ladang sawit. Akan tetapi, kita dimaklumkan daripada segala data yang diberikan, itu

tidak berjaya. Maka, apakah yang telah dilakukan dan apakah yang telah tercapai setakat ini untuk mengelakkan daripada kita kerugian hasil eksport sawit melebihi daripada sebanyak RM8 bilion? Itu satu persoalan yang bagi saya sangat penting dijawab dan sangat penting diatasi.

Kalau – memang jangka panjang saya bersetuju, kita mengurangkan kebergantungan kepada pekerja asing. Akan tetapi pada waktu ini, adakah kita akan membiarkan buah sawit kita yang telah susah payah kita tanam, rosak begitu sahaja kerana kekurangan pekerja. Itulah perkara-perkara yang saya bangkitkan. Terima kasih.

Tuan Pengerusi: Terima kasih Yang Berhormat. Silakan Yang Berhormat Pasir Puteh.

2.12 ptg.

Dr. Nik Muhammad Zawawi bin Haji Salleh [Pasir Puteh]: *Bismillahi Rahmani Rahim.* Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin merujuk kepada Butiran 020100 berkenaan dengan dasar dan strategi industri komoditi negara termasuk minyak sawit, getah, kayu kayan, koko dan lain-lain seperti kenaf. Isu ini adalah satu isu yang perlu kita tangani dengan tekun dan cermat. Ini kerana, apabila kita – sebagai contoh menghapuskan tembakau negara, bukan hapus seratus peratus tetapi dikecilkan tembakau negara kita ganti kepada kenaf. Saya mengharapkan supaya pihak kerajaan mengambil satu perhatian yang serius supaya industri kenaf ini benar-benar menjadi industri yang boleh menggantikan industri tembakau negara. Sampai ke hari ini saya lihat perbezaan antara tembakau dengan kenaf ini di sudut hasil yang diperoleh oleh rakyat sangat jauh.

Kedua, Butiran 020200 – Lembaga Kenaf dan Tembakau Negara. Lembaga Kenaf sebagai mana yang saya sebut tadi. Kalau boleh Lembaga Kenaf ini ditingkatkan prestasi dia serta usaha-usaha yang sepatutnya berlaku di peringkat bawahan. Rakyat yang menanam kenaf ini sama sebagai mana rakyat yang menanam tembakau pada zaman tahun 1980-an dan 1970-an. Mereka boleh jadi kaya. Sekarang ini kenaf, saya tidak nampak menuju ke arah itu. Ataupun pihak kerajaan mencari alternatif yang lain bagi mengganti penanaman tembakau negara selain daripada kenaf.

Ketiga, iaitu Lembaga Perindustrian Kayu Malaysia. Hari ini kita lihat kayu Malaysia terutamanya balak – Kita menggunakan hasil balak ini kadangkala berlebihan berbanding dengan negara seperti Thailand. Thailand tidak menggunakan kayu kayan ataupun hasil balak mereka secara berleluasa. Kita menggunakan hasil balak secara berleluasa dan hasil balak yang kita eksport ke luar negara ini adalah balak. Kalau kita eksport kayu kayan yang telah diproses ataupun perabot-perabot yang telah kita proses dan kita eksport ke negara-negara yang tidak ada kayu kayan yang besar seperti

negara-negara di Timur Tengah. Kita akan memperoleh keuntungan jauh lebih besar berbanding dengan kita mengeksport balak kita ke luar negara. Itu satu perkara.

Kedua, yang ingin saya tekankan supaya pihak kerajaan mengambil perhatian berkenaan dengan penebangan pohon balak dan minta supaya ada kerjasama antara kementerian yang berkaitan yang saya tidak hendak panjangkan. Yang saya hendak panjangkan iaitu perladangan dan komoditi negara. Namun, perkara ini perlu dilihat secara *business* negara ke negara yang lain.

Keempat iaitu Butiran 030100 – Bertugas ke Luar Negara. Dalam isu yang membabitkan perusahaan perladangan dan komoditi ini, perlu kita lihat bertugas ke luar negara ini sangat mustahak. Sebagaimana yang disebut oleh rakan-rakan yang lain, hasil komoditi kita seperti sawit, getah, kayu kayan ke luar negara ini saya kira beberapa negara sahaja yang kita fokus. Banyak lagi negara yang lebih memerlukan hasil kita seperti minyak sawit. Mengapakah tidak diluaskan pasaran sehingga ke Timur Tengah? Mengapakah tidak diluaskan lagi pasaran sehingga ke benua Afrika?

Negara-negara ini sememangnya berhajat kepada sumber daripada negara kita. Sekarang ini kalau kita mampu memperluaskan perdagangan kita ke negara-negara sasaran, secara berstrategi saya jangkakan *insya-Allah* harga komoditi minyak sawit ini akan meningkat jauh lebih baik berbanding dengan hari ini. Kalau kita bandingkan dengan pada zaman pemerintahan PH yang lalu, harga kelapa sawit sangat dahsyat yang menekan jutaan pengusaha-pengusaha sawit yang ada di dalam negara kita. Saya kira kerajaan yang baharu ini mampu melangkah dengan strategi untuk menjayakan agenda yang besar yang membabitkan rakyat ini.

Seterusnya Butiran 030300 – Menangani Kempen Anti Minyak Sawit. Sebagaimana yang disebut oleh rakan-rakan, selain daripada kita tangani musuh-musuh perdagangan yang barangkali negara mereka mengeluarkan minyak kacang, mengeluarkan minyak daripada bunga-bunga, daripada bijirin, mereka menolak minyak daripada sawit. Sedangkan, mengikut kajian yang dibuat, minyak sawit kita adalah minyak yang bertaraf dunia dan mempunyai mutu yang sangat berkualiti.

Jadi, sebab itu peruntukan yang dikeluarkan ini walaupun lebih sedikit, saya percaya bahawa *insya-Allah* pihak yang bertanggungjawab dapat menangani Kempen Anti Minyak Sawit ini dengan kita perkenalkan kempen daripada negara kita sendiri. Saya lama di luar negara, saya tidak dengar kempen minyak sawit daripada negara kita Malaysia dalam bahasa Arab, dalam bahasa Inggeris, dalam bahasa Afrika dan sebagainya supaya ia mempengaruhi pemikiran masyarakat di luar negara, *insya-Allah*.

Saya kira sekadar itu sahaja, masa sudah tamat. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi: Terima kasih Yang Berhormat Pasir Puteh. Saya persilakan Yang Berhormat Kepong.

2.18 ptg.

Tuan Lim Lip Eng [Kepong]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya hendak sentuh Butiran 030000 – Program Khusus. Saya tidak nampak di bawah ini ada apa program khusus yang disediakan bagi Program Biodiesel B20 dan juga B30. Program Biodiesel B20 dan B30 ini adalah adunan sejumlah 20 peratus sawit atau tiga peratus dalam biodiesel petroleum. Ini amat penting sebab ini menggalakkan kegunaan kelapa sawit dalam produk-produk bio diesel. Akan tetapi, di bawah Program Khusus ini, tidak nampak langsung. Jadi, saya satu minta penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri atau Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Butiran 030100 – Bertugas ke Luar Negara. Pada tahun ini, anggaran adalah sebanyak RM562,500.

■1420

Sepatutnya bajet tahun ini ada baki. Oleh sebab zaman sekarang ini dunia *lockdown* tiada lawatan rasmi ke luar negara, semua *conference* pun dibatalkan, *conference* yang diadakan melalui mesyuarat *zoom*.

Jadi, saya hendak tanya berapa baki daripada bajet tahun ini sebanyak RM562,000 yang ada sama ada dibawa ke tahun ini atau sudah habis? Sekiranya bajet yang diperuntukkan tahun ini, bertugas ke luar negeri telah habis. Saya hendak tanya ke negara mana dan siapa yang pergi? Adakah dia termasuk Yang Berhormat Menteri sendiri yang pergi Turki? Ini bajet.

Juga butiran yang sama, anggaran bagi tahun depan sebanyak RM1 juta. Jadi tak masuk akal sebab tahun depan dunia masih *locked up*, pegawai Yang Berhormat Menteri sudah tak dibenarkan ke luar negara, negara luar pun *lockdown*, UK, Australia dan sebagainya pun *lockdown* dan ke negara mana bertugas. Jadi, saya hendak tanya sebanyak RM1 juta ini secara terperinci siapa yang akan pergi ke luar negara dan untuk tujuan apa. Kenapa tak boleh pakai *Zoom*? *Zoom* itu percuma tak payah pakai duit rakyat.

Lagi satu, Butiran 030200 – Emolument Kakitangan Kontrak. Saya tidak bantah melantik lebih ramai orang bekerja untuk kerajaan sebab sekarang penularan wabak ramai yang tidak bekerja, hilang kerja tetapi saya hendak tanya jumlah sedia ada kakitangan kerajaan di bawah Kementerian Perusahaan, Perladangan dan Komoditi sedia ada sekarang berapa. Berapa orang yang akan dilantik dengan anggaran tahun depan sebanyak RM343,000? Sama ada lantikan ini melalui proses terbuka, iklan di media, internet, temu duga *interview* yang *proper* ataupun ini semua lantikan politik, lantikan Yang Berhormat Menteri dan lantikan Yang Berhormat Timbalan Menteri?

Lagi satu Butiran 030300 – Menangani Kempen Anti Minyak Sawit. Ini amat penting. Anggaran tahun depan sebanyak RM20 juta. Kita kena terima program yang diambil oleh kerajaan untuk mengatasi kempen anti kelapa sawit tidak memuaskan sebab video kita nampak *viral* adalah kempen anti tetapi kempen yang *support* kita tidak nampak dalam *WhatsApp*, dalam *YouTube*, dalam *Facebook*, *Twitter*, *TikTok* tidak berhasil.

Jadi untuk peruntukan sebanyak RM20 juta ini, saya minta kerajaan lihat semula *companies*, *agents* yang *promote* untuk mengatasi Kempen Anti Minyak Sawit boleh dilihat semula, sama ada syarikat-syarikat ini boleh kerja tidak. Kalau tidak boleh, melantik semula dengan proses tender terbuka.

Datuk Wira Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Lumut]: Yang Berhormat Kepong, celah sedikit? Dua minit, dua saat. Yang Berhormat Kepong, Lumut.

Tuan Lim Lip Eng [Kepong]: Ya, yang akhir sekali, Butiran 030600.

Datuk Wira Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Lumut]: Lumut mencelah sedikit. Sedikit sahaja. Boleh tolong tanyakan kepada Yang Berhormat Menteri tentang industri buluh kita mungkin bawah MTIB? Apa jadi dengan program buluh? Berapa banyak diperuntukkan kerana sekarang ini hendak buat ekzos kereta terbang pun sudah tak ada sudah?

Tuan Lim Lip Eng [Kepong]: Ini soalan yang paling penting ya. Sila Yang Berhormat Menteri jawab. Okey Butiran terakhir 030600 – Institut Perladangan dan Komoditi Malaysia (IMPAC).

Datuk Seri Panglima Wilfred Madius Tangau [Tuaran]: Yang Berhormat Kepong boleh saya celah sedikit?

Tuan Lim Lip Eng [Kepong]: Boleh, boleh, boleh.

Datuk Seri Panglima Wilfred Madius Tangau [Tuaran]: Saya— bolehkah Yang Berhormat tanya dalam bahagian MTIB, apakah peranan MTIB di Sabah? Oleh sebab peruntukan tak ada kali ini ditambah, diberi berapa juta tahun ini tidak ada.

Jadi, apakah peranan MTIB di negeri Sabah khususnya untuk mempertingkatkan lagi industri hiliran dan juga perladangan baharu seperti yang disebutkan oleh Yang Berhormat Lumut tadi dalam perladangan buluh? Terima kasih.

Tuan Lim Lip Eng [Kepong]: Minta Yang Berhormat Menteri jawab juga. Butiran terakhir iaitu Butiran 030600 – Institut Perladangan dan Komoditi Malaysia (IMPAC). Tahun ini tidak ada anggaran tetapi tahun depan diperuntukkan sebanyak RM1,500,000. Saya hendak tanya adakah mustahak untuk institut ini bagi tahun depan sebab ada pandemik, ekonomi tidak baik. Boleh tak butiran ini ditangguhkan untuk tahun satu lagi pada tahun 2022 dan bukan tahun depan? Itu sahaja terima kasih.

Tuan Pengerusi: Terima kasih Yang Berhormat. Silakan Yang Berhormat seterusnya Yang Berhormat Kinabatangan.

2.25 ptg.

Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Butiran 030300 – Menangani Kempen Anti Minyak Sawit, Butiran 030400 – Pensijilan Minyak Sawit Mampan Malaysia (MSPO) dan Butiran 020100 – Kemajuan Industri Komoditi.

Tuan Pengerusi, isu Kempen Anti Minyak Sawit Malaysia ini berterusan. Ia tidak ada *stop* nya. Berpuluh tahun sudah, saya di Dewan Rakyat ini hampir selama 21 tahun. Isu ini sudah berlarutan Tuan Pengerusi. Saya ingin bertanya dengan kementerian langkah-langkah proaktif yang perlu dilakukan.

Saya buat pertama kali saya bersetuju dengan Yang Berhormat Kepong iaitu apa langkah yang dilakukan oleh kementerian untuk mempromosi minyak sawit ini. Oleh sebab satu-satu produk yang baik ini, sebetulnya sebanyak RM20 juta ini tidak banyak Tuan Pengerusi, kalau *tour* seluruh dunia mungkin RM20 juta ini tidak dapat kita nampak. Mungkin perlu ditambah pergi sebanyak RM100 juta. Sebanyak RM100 juta kita *invest* kita dapat RM1,000 juta, RM1,000 bilion lagi.

Ini strategi sebetulnya. Kita tidak boleh selalu defensif, defensif. Kita kena *attack*, kena *put* kita punya produk di mata masyarakat Eropah dan sebagainya. Akan tetapi kalau kita cuma untuk melawan Kempen Anti Minyak Sawit, saya rasa bukan satu strategi perniagaan yang baik. Justeru itu, kerajaan perlu menambah peruntukan kepada kementerian ini untuk mempromosi minyak sawit. Minyak sawit *is one of the best products* yang ada di pasaran. Ini yang penting perlu dilakukan.

Kedua, saya ingin bertanya dengan kementerian. Berapa sudah banyak ladang yang mendapat sijil MSPO dan adakah MSPO Malaysia ini diiktiraf oleh seluruh dunia sebab hari ini berlumba-lumba Indonesia pun ada mengeluarkan sijil dia dan lebih malang lagi Eropah hendak meminta Malaysia melaksanakan MSPO ala Eropah tetapi kita tidak boleh buat. Jadi kita ganti dengan MSPO dan apakah MSPO Malaysia ini juga laku dan boleh diguna pakai di seluruh dunia.

Saya juga ingin bertanya yang *last* sekali dalam dua minit lagi. Dahulu kerajaan yang dulu-dulu amat prihatin iaitu dia membagi subsidi geran kepada pekebun-pekebun kecil yang menanam semula kelapa sawit mereka iaitu sebanyak 15 ekar ataupun yang ke bawah. Jadi tahun ini saya tidak nampak dan saya tahu bahawa program ini diberhentikan oleh Kerajaan Pakatan Harapan sebab itu Pakatan Harapan digugurkan oleh rakyat sebab dia tidak memenuhi aspirasi rakyat.

Jadi kerajaan yang baharu ini, adakah dia akan memberi harapan kepada rakyat, pekebun-pekebun kecil saya nampak tidak ada dalam bajet ini. Jadi Tuan Pengerusi inilah rakyat meminta saya bukan sahaja rakyat di Kinabatangan, rakyat di seluruh Sabah, di seluruh Malaysia minta dan Sarawak juga supaya kerajaan dan Yang Berhormat Timbalan Menteri dia pun dari Sarawak mungkin boleh membantu untuk meminta kementerian dan kerajaan mengembalikan kegemilangan rakyat ini. Oleh sebab hari ini COVID-19 menyerang. Negara kita ini sebetulnya tidak jadi porak-peranda begini, huru-hara kalau bukan Pakatan Harapan gagal melaksanakan amanah yang mereka laksanakan.

Jadi saya minta Yang Berhormat itu bulu lupakan. Kita tidak perlu bulu lagi sekarang ini. Biar di Sabah banyak bulu-bulu sebetulnya. Jadi kita tidak mahu bulu yang baharu. Kita mahu kementerian ini menjurus ke arah bagaimana membantu rakyat dan memberi subsidi-subsidi supaya mereka boleh hidup dan tidak bergantung dengan subsidi kerajaan tiap-tiap hari lebih-lebih lagi negara kita sedang dilanda virus COVID-19. Terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Terima kasih Yang Berhormat Kinabatangan. Seterusnya saya persilakan Yang Berhormat Sepang.

2.29 ptg.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Terima kasih kepada Tuan Pengerusi. Saya hanya ingin membahaskan beberapa butiran sahaja. Pertamanya Butiran 030300 berkaitan dengan isu memerangi Kempen Anti Minyak Sawit yang dikurangkan daripada sebanyak RM27 juta zaman PH kepada sebanyak RM20 juta sahaja.

■1430

Tuan Pengerusi, kalau kita lihat memang kempen anti kelapa sawit ini satu kempen yang dipelopori oleh syarikat-syarikat ataupun badan-badan yang berpengaruh seperti *Greenpeace* dan sebagainya. Sudah tentulah sebagai sebuah kerajaan, kita seharusnya memikirkan satu kaedah yang terbaik untuk mengatasi kempen negatif ini. Seterusnya, logiknya daripada RM27,000,000, paling kurang kita kekalkan. Akan tetapi kenapa kita kurangkan kepada RM20,000,000 sahaja. Saya merasa musykil, kenapakah peruntukan mengenai kempen anti ini dikurangkan. Adakah kerajaan macam sudah *surrender* dengan apa yang berlaku? Sudah tidak larat lagi hendak lawan, jadi kita kurangkan. Itu yang pertama.

Keduanya, saya ada membaca dalam *NST* bertarikh 1 Februari 2009 yang mana ada kenyataan bahawa apabila pihak Norway dan juga Perancis mengambil keputusan untuk melarang penjualan ataupun pengeksportan *palm biodiesel* bermula

daripada tahun 2020. Ini saya bacakan kenyataan daripada ada yang dinyatakan. *These two nation's ban on palm oil is discriminatory because it leads to favouring Europe's homegrown oil crop such as rapeseed and sunflower.*

Maknanya, hujahnya ialah tindakan mereka itu bersifat dua darjat ataupun *discriminatory*. Saya hendak tanya lah. Kalau sekiranya kita gunakan naratif ini, tidak malu kah kita. Sedangkan Menteri yang ada sekarang ini dahulu Menteri yang ada masalah dengan dua darjat. Rakyat kena hukuman, dia tidak kena hukuman. Jadi kalau kita jumpa dengan orang luar, orang luar kata *please* lah. Orang kata hendak jual ubat jerawat, muka jangan ada jerawat. Saya persilakan.

Datuk Seri Dr. Haji Dzulkefly bin Ahmad [Kuala Selangor]: Yang Berhormat, celahan.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Saya ada celahan, saya benarkan. Yang Berhormat Tuaran.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat Tuaran dahulu.

Datuk Seri Panglima Wilfred Madius Tangau [Tuaran]: Terima kasih Yang Berhormat Sepang. Yang Berhormat Sepang menyatakan tadi bahawa dalam menangani kempen anti minyak kelapa sawit, peruntukan perlu ditambah daripada RM27 juta yang ada sekarang. Akan tetapi Yang Berhormat, adakah juga Yang Berhormat bersetuju bahawa peruntukan untuk insentif pengeluaran getah yang telah diperuntukkan sebanyak RM300 juta ini juga perlu ditambah sebab pekebun kecil getah di seluruh negara ada 500 ribu orang. Jadi kalau kita bahagikan dalam 300 juta, satu orang dapat baru RM600. Dalam keadaan COVID-19 sekarang, sepatutnya mereka dapat lebih RM1,000. Jadi adakah Yang Berhormat bersetuju kalau kita ambil peruntukan dari Jabatan Perdana Menteri ada 1 bilion di bawah projek khas. Kita ambil RM900,000,000 di sana, masukkan di sini supaya tambahkan di sini sampai 1 bilion lebih untuk pekebun kecil. Ini supaya pekebun kecil boleh dapat RM1000 satu orang. Terima kasih.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Saya amat bersetuju dengan apa yang dikatakan oleh sahabat saya Yang Berhormat Tuaran. Ini lah contoh Yang Berhormat daripada Sabah. Tidak macam Yang Berhormat Kinabatangan tadi. Sebenarnya bukan peruntukan JPM sahaja, peruntukan JASA yang mengarut itu, lebih baik kita bagi pada penoreh getah dan sebagainya. Jadi ini lah masalah kepada kerajaan yang sekarang ini.

Datuk Seri Dr. Haji Dzulkefly bin Ahmad [Kuala Selangor]: Yang Berhormat Sepang, sedikit.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Sekejap, saya ini satu minit sahaja.

Datuk Seri Dr. Haji Dzulkefly bin Ahmad [Kuala Selangor]: Boleh Yang Berhormat Sepang? Masa 30 saat Kuala Selangor.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Sekejap. Tuan Pengerusi, kalau minta tambah lagi mungkin satu minit tambahan.

Datuk Seri Dr. Haji Dzulkefly bin Ahmad [Kuala Selangor]: Yang Berhormat Sepang, sedar kah Yang Berhormat Sepang di bawah Kepala 00518 - Program Pembangunan Kepakaran Sumber Manusia hanya diperuntukkan RM200,000. Sementara menaik taraf pejabat Kementerian Perusahaan dan Perladangan dan Komoditi diperuntukkan RM 23 juta. Di mana kah letaknya prioriti? Menteri ini Menteri yang dikatakan daripada parti agama tetapi meletakkan prioriti. *[Berucap dalam bahasa Arab]* Meletakkan lebih penting daripada yang dianggap penting. Yang Berhormat Sepang, munasabah kah ini?

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Okey, terima kasih kepada sahabat saya, Yang Berhormat Kuala Selangor. Oleh sebab itu- inilah masalahnya. Ini yang orang kata dilema orang-orang agama. Tadi pun Yang Berhormat Tasek Gelugor pun bekas Hakim Mahkamah Syariah. Akan tetapi penipu. Jadi inilah masalahnya apabila orang-orang agama menjadikan imej agama semakin runtuh. Jadi saya ingin mengatakan...

Menteri Kerja Raya [Dato' Sri Haji Fadillah bin Yusof] : Tuan Pengerusi, Peraturan Mesyuarat 36.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: *Point of order, point of order.*

Menteri Kerja Raya [Dato' Sri Haji Fadillah bin Yusof] : Memberi sesuatu yang buruk ke atas seorang Ahli Parlimen yang lain.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Okey lah. Saya tarik balik lah. Tidak apa lah, saya tarik balik.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Tarik balik.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Saya tarik balik. Kalau tidak betul, saya tarik balik.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Perkataan ini adalah cukup kurang ajar. Kurang ajar kamu.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Kurang ajar itu. *[Tidak jelas]*

Tuan Pengerusi: Sudah ditarik balik. Silakan.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Tidak apa. *No problem.*

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat tinggal 30 saat.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Okey, sedikit sahaja.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Ini parti PAN. Parti pelompat daripada PAS ini.

Datuk Seri Shamsul Iskandar @ Yusre bin haji Mohd Akin [Hang Tuah Jaya]: Ini perkataan kurang ajar pun *unparliamentary* Yang Berhormat Arau.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat Arau tidak apa. Silakan. Habiskan.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Terima kasih kepada Yang Berhormat Arau yang mungkin spesies terakhir dalam Parlimen ini saya rasa. Itu hendak tarik balik kah? Spesies terakhir.

Tuan Pengerusi: Habiskan lah. Habiskan.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Tuan Pengerusi, inilah perangai...

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Dia kacau. Saya lima minit pun dia kacau. Bayangkan saya bagi lima jam. Habislah.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Dia asyik mengata dekat orang.

Tuan Pengerusi: Biarlah. Habiskan, habiskan.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Spesies terakhir dia.

Tuan Pengerusi: Tidak apalah. Tolong habiskan.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Saya spesies awal dan akhir.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Yang Berhormat Arau, *you* tengok lah...

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat Sepang, tolong habiskan.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Terima kasih. Jadi, saya merasakan bahawa saya minta kalau boleh selepas ini kalau ada kempen luar negara tadi, saya harapkan, kalau boleh elakkan daripada Menteri yang ada sekarang ini pergi untuk berkempen di luar negara. Oleh sebab saya takut makin teruk lagi keadaan negara kita. Menteri ini sama ada kita suka atau tidak suka telah membuat satu kempen yang bagi saya merbahaya kepada negara.

Sebagai contoh, kenapa kita tukar daripada “Sayang Minyak Sawitku” kepada “Sawit Anugerah Tuhan”. Kita kena faham di luar sana, EU sudah anti kita. Bila disebut nama Tuhan itu, bagi orang-orang Barat ini mereka menganggap ini mungkin ada kaitan dengan syariaah *compliant*. Jadi mereka akan mengatakan bahawa sudahlah Menteri pula mereka tengok, contohnya daripada parti Islam yang mereka memang ada masalah. Jadi mereka...

Tuan Abdul Latiff bin Abdul Rahman [Kuala Krai]: Apa kaitan lah? Bahas betul-betul lah. Bukan profesional lah Yang Berhormat Sepang. Teruk lah..

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Betul lah ni. Yang Berhormat Kuala Krai, ini *you* tidak boleh faham. Ini bukan *standard you*. Duduk lah!

Tuan Abdul Latiff bin Abdul Rahman [Kuala Krai]: *You* lah! *Standard you low class. Lawyer low class!*

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: *Not your standard.* Duduklah.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat Sepang, tolong habiskan.

Tuan Abdul Latiff bin Abdul Rahman [Kuala Krai]: Tidak makan ubat hari ini tu.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: So, saya harap orang yang tiada *standard*, Tuan Pengerusi jangan kacau lah. Macam Yang Berhormat Kuala Krai tiada *standard* jangan kacau lah. Terima kasih. Jadi saya katakan, kena tukar lah Menteri ini.

Tuan Pengerusi: Terima kasih. Akhir sekali Yang Berhormat Arau atau hendak bagi kepada Yang Berhormat Jelebu ataupun Yang Berhormat Pontian.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Ikut senarai Tuan Pengerusi. Saya sanggup berkorban. Ikut senarai itu.

Dato' Haji Salim Sharif [Jempol]: Senarai saya nombor tiga.

Tuan Pengerusi: Senarai cakap Yang Berhormat Arau / Yang Berhormat Jelebu.

Dato' Haji Salim Sharif [Jempol]: Jempol, Jempol.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Okey, demi kehebatan kami. Saya bagi peluang kepada kawan-kawan saya. Bukan macam perangai Yang Berhormat Sepang yang kurang...

Datuk Seri Shamsul Iskandar @ Yusre bin haji Mohd Akin [Hang Tuah Jaya]: Balik-balik Yang Berhormat Arau saja. Boring lah. Tidak ada poin pun.

Tuan Pengerusi: Sila Yang Berhormat Jelebu.

Dato' Haji Salim Sharif [Jempol]: Jempol, Jempol.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Tidur pun makan.

2.37 ptg.

Dato' Haji Salim Sharif [Jempol]: Terima kasih Tuan Pengerusi kerana mengizinkan saya dalam perbahasan Rang Undang-undang Perbekalan 2021 peringkat Jawatankuasa Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi pada petang ini. 030500 Insentif pengeluaran getah. Berkaitan isu kelewatan pembayaran tuntutan IPG kepada para pekebun kecil sudah dua kali saya bangkitkan dalam Dewan yang mulia ini semasa perbahasan di peringkat dasar dan semasa sesi soal lisan. Kali ini merupakan kali ketiga saya membangkitkan isu ini.

Berdasarkan kepada jawapan yang diberi oleh Menteri dan Timbalan Menteri sebelum ini bahawa berlakunya tuntutan yang mendadak pada pertengahan tahun sehingga menyebabkan peruntukan IPG sebanyak RM100 juta tidak mencukupi. Kerajaan juga telah menambah RM50 juta lagi peruntukan IPG bagi tahun ini yang

menjadikan jumlah tersebut RM150 juta. Dalam tempoh Januari hingga November 2020, sebanyak RM157.3 juta peruntukan IPG telah pun dibayar kepada 127,420 pekebun kecil iaitu bagi 163.4 kilogram getah.

Dalam erti kata lain, peruntukan yang sedia ada perlu ditambah bagi tahun - bagi manfaat pekebun kecil. Untuk makluman pihak kementerian, di Jempol masih lagi ramai pekebun kecil tidak mendapat bayaran tuntutan IPG antara enam ke tujuh bulan. Mereka ini semua terdiri daripada golongan pendapatan isi rumah B40 dan sangat mengharapkan bantuan IPG bagi menambah pendapatan yang terjejas.

■1440

Saya memohon agar kementerian mencari jalan menyelesaikan tunggakan IPG dalam kalangan pekebun kecil ini. Tak kiralah walau bagaimana cara sekalipun, tunggakan dan tuntutan pekebun kecil ini mestilah dibayar dan diselesaikan dengan kadar segera. Memandangkan...

Datuk Seri Shamsul Iskandar @ Yusre bin Haji Mohd Akin [Hang Tuah Jaya]: Yang Berhormat Jempol, boleh sikit?

Dato' Haji Salim Sharif [Jempol]: Memandangkan peruntukan IPG pada tahun 2021 ditingkatkan sekali ganda iaitu kepada RM300 juta maka besarlah harapan saya untuk tidak mendengar isu sebegini menyelubungi pekebun kecil.

Datuk Seri Shamsul Iskandar @ Yusre bin Haji Mohd Akin [Hang Tuah Jaya]: Yang Berhormat Jempol...

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat Hang Tuah Jaya hendak minta mencelah.

Dato' Haji Salim Sharif [Jempol]: Minta maaf sikit lagi, sikit lagi. Cukup masa nanti saya bagi. Butiran 020100 – Kemajuan Industri Komoditi. Susulan pandemik COVID-19 sektor perladangan dan komoditi negara ini menghadapi masalah kekurangan tenaga kerja yang kritikal dan boleh menjejaskan kemajuan industri agro komoditi. Keadaan ini menjadi lebih parah apabila warga tempatan memilih untuk menjauhi daripada industri perladangan sejak sekian lama kerana ia dianggap sebagai 3D iaitu *Dirty, Difficult and Dangerous*.

Pada masa ini, dasar semasa kerajaan telah menetapkan bahawa keutamaan penggajian hendaklah diberi kepada rakyat tempatan dan penggajian pekerja asing merupakan langkah sementara. Soalan saya, apakah kajian telah dibuat terlebih dahulu untuk kementerian sebelum membuat ketetapan sedemikian dan apakah usaha-usaha yang dibuat, sedangkan sedang dilakukan dan bakal dilaksanakan oleh kementerian untuk menarik minat warga tempatan agar menyertai sektor perladangan?

Adakah terdapat sebarang inisiatif yang boleh menarik minat warga tempatan khususnya golongan muda untuk melibatkan diri dalam industri agro komoditi? Serta sejauh manakah tahap sambutan dan adakah pencapaian matlamat ataupun sasaran

pihak kementerian? Secara strukturnya Malaysia bergantung kepada tenaga asing terutama pekerja kemahiran rendah dan berkos rendah. Hal ini bukan sahaja di dalam sektor pertanian sahaja tetapi dalam pelbagai sektor lain.

Berdasarkan ucapan Menteri semasa penggulungan peringkat dasar, pihak kementerian telah mengambil langkah drastik dengan mewujudkan jawatankuasa khas tenaga kerja serta fokus *group*. Soalan saya sejauh manakah sumbangan jawatankuasa dan fokus *group* tersebut bagi menyelesaikan masalah kekurangan pekerja dan buruh asing di sektor perladangan setakat hari ini? Isu ini harus diteliti dengan mendalam dan terperinci memandangkan gelombang COVID-19 yang ketiga masih belum menunjukkan tanda-tanda pemulihan.

Pihak kementerian hendaklah proaktif supaya isu ini dapat diselesaikan. Butiran 030300 – Menangani Kempen Anti Minyak Sawit.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Ya.

Dato' Haji Salim Sharif [Jempol]: Menerusi belanjawan kali ini peruntukan bagi menangani Kempen Anti Minyak Sawit telah dikurangkan sebanyak RM7 juta iaitu kepada RM20 juta berbanding RM27 juta sebelum ini.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Yang Berhormat Jempol, Yang Berhormat Jempol...

Dato' Haji Salim Sharif [Jempol]: Saya setuju dengan penjimatan ini kerana sesi libat urus secara fizikal berkemungkinan besar dapat dilaksanakan ekoran wabak COVID-19 yang melanda dunia. Walau bagaimanapun pihak kementerian tidak boleh memandang ringan terhadap perkara ini dan hal ini kerana Kesatuan Eropah (EU) merupakan pasaran kedua terbesar minyak sawit negara selepas China.

Soalan saya, apakah kajian yang dilakukan oleh pihak kementerian sekiranya jumlah eksport minyak sawit ke pasaran EU merosot dengan teruk dan apakah terdapat sebarang kontingensi yang difikirkan oleh kementerian sekiranya keadaan itu... *[Tidak jelas]*

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Yang Berhormat Jempol, lain kali bagi peluanglah.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Ya?

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Pencelahan. Yang Berhormat Jempol, masa saya...

Dato' Haji Salim Sharif [Jempol]: Sudah habis masa, sedikit lagi...

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Ya, masa saya. sSaya minta celah sikit. *[Ketawa]*

Dato' Haji Salim Sharif [Jempol]: Okeylah, okey celah. Okey, Yang Berhormat Arau.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Ya... *[Disampuk]* Tak, sekarang ini bukan ini – sekarang ini sebab saya hendak cakap tajuk ini. Sekarang ini harga sawit meningkat jadi kita menghadapi masalah pekerja dan sebagainya. Akan tetapi semasa harga sawit meningkat ini, apakah Yang Berhormat hendak tanya kerajaan, walaupun tak termasuk bawah kementerian ini tetapi kita biar rakyat mengetahui. Kenapa Tabung Haji masih mahu menjual TH Plantations yang mana pembelinya kita dapati dia bagi diskaun sebanyak 7.6 peratus atau RM13.9 juta. Kita sudah bagi tau protes kita, kita tak mahu mereka menjual TH Plantations.

Akan tetapi mereka mengambil keputusan untuk hendak jual juga. Jadi apakah Yang Berhormat ingin bertanya kepada kerajaan mengapa TH Plantations dalam keadaan harga sawit yang tinggi ini masih dijual tetapi dijual berdasarkan harga sawit yang rendah oleh Kerajaan PH dahulu? Terima kasih.

Dato' Haji Salim Sharif [Jempol]: Terima kasih Yang Berhormat Arau, terima kasih. Segala pandangan dan perbincangan Yang Berhormat Arau tadi boleh masukkan pada perbincangan jawatankuasa saya ini. Ini kerana kita tahu bahawa...

Tuan Pengerusi: Sila ringkaskan Yang Berhormat.

Dato' Haji Salim Sharif [Jempol]: Sedikit lagi. Ini kerana kita tahu dalam keadaan sekarang harga sawit cukup tinggi kerana kerajaan yang ada pada hari ini, keyakinan rakyat, keyakinan negara luar membeli sawit. Dulu semasa Kerajaan PH tak yakin jadi harga merudum, jadi tahniah dan syabas. Terima kasih.

Tuan Pengerusi: Terima kasih. Saya mempersilakan Yang Berhormat Menteri atau Yang Berhormat Timbalan Menteri untuk menjawab. Yang Berhormat Timbalan Menteri.

2.46 ptg.

Timbalan Menteri Perusahaan, Perladangan dan komoditi II [Tuan Willie anak Mongin]: Selamat tengah hari dan salam sejahtera kepada semua rakan-rakan Ahli Parlimen yang telah membahaskan untuk sesi penggulungan rang undang-undang untuk kementerian KPPK.

Saya ingin mengupas satu persatu setiap perbincangan yang telah diketengahkan dan dibangkitkan oleh Yang Berhormat Seputeh, Yang Berhormat Hulu Rajang, Yang Berhormat Kuala Kedah, Yang Berhormat Pasir Puteh, Yang Berhormat Kepong, Yang Berhormat Lumut, Yang Berhormat Tuaran, Yang Berhormat Kinabatangan, Yang Berhormat Sepang dan juga Yang Berhormat Arau.

Tuan Pengerusi, untuk menjawab soalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Seputeh mengenai Ses RM5 dan juga... *[Tidak jelas]* RM30 juta.

Dato' Haji Salim Sharif [Jempol]: Jempol tidak ada nama tadi. Yang Berhormat Timbalan Menteri, nama Jempol tak sebut.

Tuan Willie anak Mongin: Oh ya. Minta maaf Yang Berhormat Jempol juga. *[Ketawa]* Okey, terima kasih. Okey, izinkan saya teruskan penggulungan dan untuk Ses yang RM5 ini adalah belum dimuktamadkan dan merupakan cadangan yang sedang diperincikan oleh MPOB. MPOB sedang mendapat maklum balas daripada pihak industri dan tarikh tutup cadangan dan maklum balas oleh pihak industri adalah pada 30 November.

Oleh itu kita akan meneliti perkara ini dan seperti mana yang telah dicadangkan oleh Yang Berhormat Seputeh untuk mengadakan dialog dengan pemain industri. Pihak kementerian kita, kita sentiasa terbuka dan juga mendengar nadi setiap pengamal industri ini dan juga pemegang taruh. Seterusnya untuk menjawab...

Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]: Yang Berhormat Timbalan Menteri boleh tanya kerana saya tak sempat...

Tuan Willie anak Mongin: Saya tak izinkan dulu, saya akan...

Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]: Berkenaan cukai, cukai...

Tuan Willie anak Mongin: Di 10 minit pertama saya akan – lepas ini saya akan bagi ruang. Biar saya jawab dulu. Terima kasih.

Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]: Kalau boleh tentang cukai, tak sempat lagi cukai, yang dikenakan. Boleh hendak tanya...

Tuan Willie anak Mongin: Yang Berhormat, saya ingin teruskan...

Datuk Wilson Ugak anak Kumbong [Hulu Rajang]: Bagi Menteri jawab dulu lah...

Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]: Di mana hendak mansuhkan...

Dato' Haji Salim Sharif [Jempol]: Bagi Yang Berhormat Timbalan Menteri jawab dulu, bagi Yang Berhormat Timbalan Menteri jawab dulu.

Tuan Willie anak Mongin: Saya juga ingin menjawab mengenai tuduhan Yang Berhormat Seputeh mengatakan bahawa kita tidak berperikemanusiaan tentang menamatkan kontrak Ketua Pengarah MPB ataupun *Malaysian Pepper Board*. Sebenarnya kita memberi melakukan penstrukturan semula untuk *Malaysian Pepper Board* dan kita telah mencadangkan untuk mencari pengganti.

Jadi perkara ini adalah memang sejajar dengan MAA syarikat MPB dan ia tidak melanggar mana-mana undang-undang ataupun peraturan di dalam agensi itu sendiri. Perkara ini juga bukan baru sebab semasa Kerajaan Pakatan Harapan juga Yang Berhormat Seputeh juga telah menamatkan kontrak Ketua Pengarah MPB. *[Tepuk]* Ini juga berlaku pada zaman Pakatan Harapan. Jadi, *I would like to* dengan izin *please don't calls the kettle*.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Eh! Minta penjelasan. Saya tak pernah tamatkan kontrak perkhidmatan mana-mana pegawai, yang pegawai bekas Ketua Pengarah itu dia sudah tamat perkhidmatan. *Don't mix up, you know, that is your problem.*

Tuan Willie anak Mongin: Okey, *not only that.* Bukan itu sahaja, di peringkat BOD atau *board of directors* juga ada juga *board of directors* yang ditamatkan perkhidmatan mereka walaupun mereka belum tamat tempoh.

■1450

Seperti mana yang kita sedia maklum, semua, ada juga Yang Berhormat daripada Pakatan Harapan yang dilantik untuk menerajui *board of directors* ketika itu. Jadi saya rasa...

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Tuan Pengerusi, perbezaannya saya tak sebut anggota lembaga, okey.

Tuan Willie anak Mongin: Yang Berhormat Seputeh....

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: *We are talking the jawatan ketua pengarah. Don't mix two things up.*

Tuan Willie anak Mongin: *Okay, let me finish my— this one,* penggulungan. Terima kasih.

Tuan Khalid bin Abd Samad [Shah Alam]: *Board of director, political appointee.*

Tuan Willie anak Mongin: Saya ingin— saya sebenarnya tidak berminat untuk menjawab soalan politik. Cuma saya ingin mengetengahkan fakta yang berlaku. Saya juga ingin menjawab isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Seputeh mengenai peranan Saraspice. Peranan Saraspice ini, saya mengatakan bahawa sebab kita dituduh menubuhkan Sara Spice untuk memonopoli pemasaran, *to monopolize the marketing of buying all the peppers. So* saya menjawab itu adalah tidak benar. Sebab di peringkat MPB kita terpaksa pisahkan MPB dengan Sara Spice, di mana MPB akan melaksanakan tanggungjawab sebagai penyelidik dan juga untuk memajukan industri lada dan Saraspice fokus kepada pemasaran.

Walaupun ia fokus kepada pemasaran, bukan bermakna monopoli pembelian dan pemasaran lada hitam itu sendiri. *Statement* saya semasa *press statement* ada dalam *recording* mengatakan dengan izin, *I would like to let everyone know that Saraspice is not formed to monopolize the marketing of pepper but we actually open up another opportunity to help the small holders, so that they can have a better price. Then other dealers,* peraih yang sedia ada, kita masin *maintain* lesen mereka supaya mereka ada persaingan yang sihat. Apabila persaingan yang sihat ini berlaku, *they can get a competitive price. So that is our objective to help the small holders.*

Saya ingin menolak dengan sekeras-kerasnya tohmahan bahawa saya tidak faham apa yang saya sebut dan saya ingin perjelaskan.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Penjelasan. Ini *Borneo Post* ya, gambar Yang Berhormat ini saya hendak baca. Kalau Yang Berhormat *misquoted*, saya rasa mungkin lebih baik Yang Berhormat Menteri memberi penjelasan.

Tuan Willie anak Mongin: Yang Berhormat Seputeh, izinkan saya ingin meneruskan dan *please see my recording version in YouTube. That is what I say.*

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: *No, what I want is to clarify what you have said yang para pertama ialah; "Deputy Minister of Plantation, Willie Mongin refuted talks of Saraspice Berhad taking over the pepper purchase operation from Malaysian Pepper Board."*

Tuan Willie anak Mongin: *I think...*

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: *This itself, this paragraph is wrong.* Saya rasa Yang Berhormat perlu jelaskan, terangkan di Sarawak.

Tuan Willie anak Mongin: Yang Berhormat Seputeh, *I think you just speak up part of the snippet of the press statement. I saw that statement just know. It also mentioned to have a healthy competition and also to allow other dealers to continue the order. Please don't pick just snippet of the information because I'm very well verse with pepper and cocoa.* So, dengan izin saya *continue my penggulungan.* Terima kasih.

Tuan Larry Soon @ Larry Sng Wei Shien [Julau]: Yang Berhormat Menteri boleh saya...

Tuan Willie anak Mongin: Saya faham Yang Berhormat Seputeh *very dedicated.*

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Lebih 10 minit Yang Berhormat Timbalan Menteri. Boleh mencelah tidak?

Tuan Larry Soon @ Larry Sng Wei Shien [Julau]: Sekejap Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Tuan Willie anak Mongin: Saya tidak izinkan pencelahan. Nanti sekejap.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Sudah lebih 10 minit.

Tuan Willie anak Mongin: Nanti saya bagi. Selepas ini.

Tuan Larry Soon @ Larry Sng Wei Shien [Julau]: Yang Berhormat Menteri saya dulu Pengerusi MPB. Boleh saya mencelah sikit?

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Kita cerita besar-besarlah. Benda-benda Yang Berhormat Seputeh ini kecil-kecil punya hal.

Tuan Willie anak Mongin: Yang Berhormat Pontian, nanti selepas ini saya bagi ruang ya.

Tuan Larry Soon @ Larry Sng Wei Shien [Julau]: Yang Berhormat Menteri boleh saya mencelah sikit.

Tuan Willie anak Mongin: Okey, izinkan saya teruskan...

Tuan Larry Soon @ Larry Sng Wei Shien [Julau]: MPB.

Tuan Willie anak Mongin: Untuk persoalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Tuan mengenai peranan MTIB di Sabah dan ingin saya perelaskan bahawa MTIB mempunyai peranan yang cukup besar bagi membangunkan, bagi pembangunan manusia dan juga latihan. Selain daripada itu, peranan untuk membenarkan atau memberi permit import dan eksport telah diserahkan kepada Jabatan Perhutanan Sabah.

Seterusnya saya ingin bagi sedikit ruang kepada Yang Berhormat Pontian.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri ada menyebut tentang MPOB. Apa yang saya hendak bangkitkan di sini ialah Pengerusi MPOB dalam surat khabar hari ini menyebut bahawa— Yang Berhormat Machang, beliau Pengerusi MPOB. Akan ada keuntungan luar biasa ataupun *windfall tax* atau cukai durian runtuh sebanyak RM500 juta pada tahun hadapan akibat daripada kenaikan mendadak harga sawit. Harga sawit ini tidak pernah naik sehebat ini. Lebih RM3,000 se tan minyak sawit dan lebih RM700 buah tandan segar se tan. Selama 12 tahun inilah kali pertama sawit begitu hebat kenaikannya. Jadi kalau kita dapat RM500 juta *windfall tax* itu, boleh tidak diberikan kepada geran untuk tanam semula sawit dan getah. Itu persoalan penting.

Selain daripada itu mulai Jumaat yang lalu India telah menurunkan cukai import sawit daripada Malaysia daripada 37.5 peratus kepada 27.5 peratus dengan lain perkataan sawit akan dijual dengan hebatnya ke India yang ada 1.353 bilion penduduk. Sikit sahaja beza penduduk dengan China. Jadi kita berharap sawit akan lebih hebat pada masa akan datang mulai tahun depan. Terima kasih.

Datuk Seri Panglima Wilfred Madius Tangau [Tuaran]: Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Tuan Syed Saddiq bin Syed Abdul Rahman [Muar]: Saya boleh tambah apa Yang Berhormat Pontian...

Tuan Willie anak Mongin: Terima kasih Yang Berhormat Pontian.

Tuan Syed Saddiq bin Syed Abdul Rahman [Muar]: Saya hendak tambah apa Yang Berhormat Pontian cakap.

Tuan Willie anak Mongin: Saya ingin teruskan dahulu. Saya akan bagi ruang sekejap lagi nanti.

Tuan Syed Saddiq bin Syed Abdul Rahman [Muar]: Sikit saja, 15 saat.

Tuan Willie anak Mongin: Saya akan bagi ruang sekejap lagi nanti. Izinkan saya...

Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]: Sini dulu Yang Berhormat Beruas, nanti ya.

Tuan Willie anak Mongin: Saya akan bagi ruang dulu...

Datuk Seri Panglima Wilfred Madius Tangau [Tuaran]: Dapat sikit daripada Tuaran boleh. Fasal MTIB.

Tuan Willie anak Mongin: Izinkan saya selesaikan memberi jawapan kepada semua isu yang dibangkitkan. Saya akan bagi ruang.

Datuk Seri Panglima Wilfred Madius Tangau [Tuaran]: Yang Berhormat Tuaran tadi yang fasal Sabah itu.

Tuan Willie anak Mongin: Yang Berhormat Tuaran, saya akan bagi ruang sila duduk dulu.

Datuk Seri Panglima Wilfred Madius Tangau [Tuaran]: Boleh ya. Okey, okey.

Tuan Willie anak Mongin: Nanti saya akan bagi ruang. Ini Yang Berhormat Puncak Borneo, dia tidak takut. Nanti dia bagi ruang.

Okey, saya ingin menjawab untuk isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Hulu Rejang, peruntukan IPG yang diberi pada tahun 2020 adalah RM100 juta dan 2021 disarankan RM300 juta dan ini telah mengambil kira keperluan dan kebajikan penoreh memandangkan situasi COVID-19 yang belum selesai. Ini memandangkan peruntukan RM100 juta pada awal tahun 2020 tidak mencukupi dan atas keprihatinan kerajaan, sebanyak RM50 juta lagi telah ditambah menjadi peruntukan bagi tahun 2020 adalah berjumlah RM150 juta.

Sejak Januari 2020 sehingga kini, sebanyak RM157.3 juta dan IPG telah dibayar kepada 127,420 pekebun kecil bagi 163.4 juta kilogram getah. Semestinya dengan peningkatan kepada RM300 juta ini akan memberi sedikit ruang kepada penoreh getah kita untuk menikmati IPG yang akan kita laksanakan pada tahun 2021. Ini kita amat berterima kasih kepada kerajaan kerana telah meningkatkan daripada RM100 juta kepada RM300 juta iaitu 200 peratus peningkatan.

Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Sik]: Yang Berhormat Timbalan Menteri, saya mohon sikit penjelasan berkaitan IPG.

Tuan Willie anak Mongin: Okey, nanti saya akan bagi ruang.

Dato' Seri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Yang Berhormat Pasir Salak.

Tuan Willie anak Mongin: Izinkan saya habis dahulu.

Seorang Ahli: Sikit Yang Berhormat sikit.

Dato' Seri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Tuan Willie anak Mongin: Dan juga saya ingin menjawab isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Lumut iaitu mengenai isu status isu buluh. Buluh telah diterima sebagai salah satu spesies untuk pinjaman ladang hutan...

Dato' Seri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Tuan Pengerusi.

Tuan Willie anak Mongin: ...Dan syarikat yang berminat boleh memohon pinjaman mudah untuk tanaman buluh.

Dato' Seri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Saya, sebelum bercerita fasal buluh ini. Tadi fasal getah itu, sebelum pindah kepada buluh.

Tuan Willie anak Mongin: Yang Berhormat Pasir Salak, nanti saya bagi ruang ya. Izinkan saya habiskan dulu.

Dato' Seri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Karang bertukar tajuk.

Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Sik]: Yang Berhormat Sik, sikit, sedikit penjelasan.

Tuan Willie anak Mongin: Izinkan saya habiskan dulu ya.

Dato' Seri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Nanti bertukar tajuk yang lain.

Tuan Willie anak Mongin: Nanti saya bagi ruang.

Dato' Seri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Boleh ya.

Tuan Willie anak Mongin: Saya ada dua minit saja lagi. Nanti saya bagi peluang, satu minit. Okey dan ia juga disokong dengan RM500 juta yang diberi oleh MOF dalam bentuk *revolving fund* seperti yang telah diumumkan dalam Belanjawan 2021.

Seterusnya untuk Yang Berhormat Tuaran sekali lagi mengenai— *sorry* Yang Berhormat Pasir Puteh mengenai isu kenaf dan juga LKTN, Lembaga Kenaf dan Tembakau Negara dan juga saranan beliau untuk kerajaan perlu tumpukan kepada *value added* produk. Ingin saya perjelaskan adalah sukar untuk membandingkan kenaf dengan tembakau. Tembakau sudah tidak lagi kompetitif untuk ditanam.

